Sepi Tanpa Cinta

Damya Hanna

DAMYA HANNA lahir pada 20 Oktober 1982. Merupakan anak kelima dari tujuh adik-beradik. Kini sedang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM), Bangi dalam jurusan perakaunan di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan di dalam tahun 4.

Minat Damya Hanna dalam bidang penulisan bermula ketika dia masih bersekolah rendah lagi. Cuma penyampaian ceritanya ketika itu lebih berat kepada golongan kanak-kanak.

Ketika di peringkat matrikulasi, minat menulis masih belum membara sepenuhnya tetapi masih berterusan menulis dan sering meminta pendapat rakan-rakan tentang ceritanya. Sehinggalah di peringkat universiti, minat itu semakin hari semakin menyala dan di situlah segalanya bermula.

Damya Hanna telah muncul dengan novel pertama iaitu BICARA HATI. Memandangkan minatnya dalam dunia penulisan tidak pernah padam, Damya Hanna telah kembali dengan novel keduanya, SEPI TANPA CINTA.

Harapan dan impian Damya Hanna, dia ingin terus berjaya dalam bidang yang diceburi. Bukan sahaja dalam bidang ilmuan untuk menjadi seorang akautan tetapi juga untuk menjadi seorang penulis yang prolifik dan disenangi ramai.

Dia juga akan pastikan setiap karyanya memberi impak positif kepada semua pembaca. InsyaALLAH.

SINOPSIS

HAZIQAH mempunyai impian untuk hidup bahagia di samping Yusri. Namun, tiada siapa menyangka di saat bahagia itu bakal menjelma, ada yang membuat onar sehingga kesucian dirinya dipersoalkan. Lantaran itu, pelamin angannya musnah bersama harapan dan hatinya hancur umpama terhempas.

Namun, Haziqah nekad. majlis perlu dilaksanakan. Yang penting, fitnah dapat ditamatkan. Biarpun Fakrul tidak pernah dicintai, dia rela asalkan kesucian dirinya dapat dibuktikan. Tetapi malang, perkahwinan yang tercipta itu hanya menambahkan penderitaan yang sedia tergalas di bahu. Dia dikeji dan digantung tak bertali!

Bagi Fakrul, cintanya bukan untuk Haziqah tapi masih untuk Azura. Gadis pertama yang dicintainya…tetapi kecurangan Azura menambahkan kebenciannya kepada Haziqah. Dia benci pada perempuan yang tidak setia. Namun, pertemuan kedua antara Fakrul dan Haziqah membuatkan dia mula yakin bahawa Haziqah adalah miliknya. Bukan Yusri mahupun Hafiz…sepupunya.

Mampukah Haziqah menyambut huluran cinta Fakrul setelah dirinya puas dihina? Haziqah tidak mahu pisang berbuah dua kali! Baginya, kedukaan lalu masih bertapak utuh di hatinya. Cukuplah sekali…

Bab 1

HAZIQAH berjalan mundar-mandir di ruang tamu. Suasana bising yang kedengaran di segenap sudut rumah langsung tidak menarik minatnya. Dia gelisah. Sudah berkali-kali dia cuba menghubungi Yusri. Namun, Haziqah tidak berjaya mencari lelaki itu. Entah ke mana perginya. Haziqah risau seandainya ada perkara buruk yang berlaku di saat perkahwinan mereka hampir tiba dua hari lagi.

Tetamu yang datang di rumahnya untuk merewang sudah semakin ramai. Malah majikan tempat ibunya, Aminah bekerja sebagai pembantu rumah juga turut hadir untuk membantu menyediakan persiapan sebelum pernikahan. Puan Haryati memang baik. Apa sahaja keperluan Haziqah semua disediakan walaupun kini ibunya sudah berhenti kerja.

Setahu Haziqah, Puan Haryati mempunyai dua orang anak. Kedua-duanya lelaki. Suami Puan Haryati pula bekerja sebagai arkitek. Emaknya pernah bercerita tentang anak sulung Puan Haryati yang sering mengurung diri di dalam bilik kerana kecewa akibat kekasih hati yang berlaku curang. Tetapi Haziqah tidak berminat untuk tahu. Dia kini hanya memikirkan Yusri. Itu yang lebih penting.

"Macam mana Ziqa? Dapat tak kau hubungi Yusri?" Sumaiyah kawan Haziqah muncul dari muka pintu.

Haziqah tersentak. Kepalanya digeleng pantas.

"Manalah Yusri pergi ni? Aku risaulah," adu Haziqah bersama keluhan kecil.

Emaknya, Aminah yang sedang sibuk menyiapkan bunga telur bersama jiran-jiran di satu sudut rumah sekadar memandang ke arah mereka. Kemudian dia menyambung kembali kerja-kerja menyediakan barang hantaran. Di hati Aminah, perasaan risau turut bertandang. Emak manalah yang tidak risau apabila melihat anak gadis mereka gelisah tak menentu?

"Aku cuma berharap Yusri ada di waktu pernikahan kami nanti." Kata-kata Haziqah kedengaran perlahan.

"Kau jangan main-main Ziqa! Majlis pernikahan kau sekarang ni cuma tinggal dua hari saja lagi."

"Aku tahu!"

"Habis tu? Kau kena cari Yusri hari ni jugak. Sekurang-kurangnya kau tahu kat mana Yusri berada!" balas Sumaiyah.

Haziqah mengeluh berat. Tiada ucapan yang lahir dari bibirnya. Dia buntu dan gelisah. Kata-kata Sumaiyah seolah-olah menakutkan dirinya.

"Betul ke Yusri tu ikhlas ajak kau kahwin ni? Entah-entah Yusri tu..." ucapan Sumaiyah terhenti.

"Entah-entah apa?" tanya Haziqah lantas berdiri.

Sumaiyah menghampiri rakannya. Jelas wajah Haziqah sedang risau waktu itu. Wajahnya asyik berkerut-kerut sejak tadi. Sumaiyah mulai simpati. Perlahan-lahan tangan rakannya itu dicapai.

"Dari dulu lagi aku pernah cakap pada kau yang aku memang tak suka kau berkawan dengan Yusri. Kau ingat lagi, kan?"

Haziqah mengangguk perlahan.

"Bila Yusri mula melamar kau, aku dah mula syak yang Yusri tu tak serius. Dia bukan nak kahwin dengan kau! Dia cuma tak nak kau belajar tinggi-tinggi. Dia takut, pendidikan kau lebih elok daripadanya! Aku rasa Yusri tu sengaja ambil kesempatan sebab kau popular kat kampung kita ni." Begitu panjang telahan Sumaiyah. Menggambarkan ketidaksenangannya terhadap sikap Yusri.

Haziqah kembali duduk di kerusi. Gelisah dan resah bercampur menjadi satu perasaan yang sukar digambarkan. Andaian itu cukup melemaskan jiwanya.

"Macam mana kalau tiba-tiba Yusri buat perangai sebelum majlis kau ni berlangsung? Apa kau nak buat?" Sumaiyah mula risau.

Dia sebenarnya tidak suka mengandaikan perkara sebegitu kepada Haziqah. Tetapi Sumaiyah amat marah dengan sikap Yusri. Lelaki itu bagaikan tidak mengambil kisah dengan majlis yang hampir tiba. Ghaib dengan tiba-tiba tanpa diketahui oleh sesiapa pun.

Haziqah masih diam. Betulkah Yusri hanya mengambil kesempatan? Hisy…tak mungkinlah. Yusri pernah cakap yang dia sayangkan aku. Dia takkan tipu aku! Bisik hati kecil Haziqah.

Tiba-tiba terdengar Sumaiyah mengeluh. Mungkin rasa bersalah kerana bercakap perkara yang bukan-bukan. Aku sepatutnya menenangkan Haziqah bukan menambahkan kegelisahannya!

"Kau tak pergi cari Yusri kat rumah dia?" suara Sumaiyah mula mengendur.

"Dah."

"Apa kata Pak Samad?" tanya Sumaiyah apabila teringatkan ayah Yusri.

"Dia pun tak tahu. Dia ingat Yusri ada di rumah aku."

"Habis tu sekarang ni macam mana?"

Haziqah membatukan diri di hadapan tingkap. Dia tidak dapat memberi jawapan kepada pertanyaan Sumaiyah. Apa yang difikirkan saat itu ialah Yusri.

"Aku bukan apa Ziqa. Aku risau kalau Yusri hanya nak mempermain-mainkan kau."

"Tak mungkin. Yusri bukan lelaki yang macam tu." Haziqah memintas percakapan Sumaiyah.

"Kau ni Ziqa…"

"Berapa kali aku nak cakap…jangan tuduh Yusri macam tu. Aku tak suka!" Kali ini Haziqah menempik. Beberapa pasang mata tertuju ke arah mereka.

Sumaiyah terus kehilangan kata-kata. Ada linangan air yang mula bertakung di kelopak matanya secara tiba-tiba. Sampai hati Haziqah menengkingnya hanya kerana ingin menangkan Yusri. Padahal hubungan persahabatan mereka lebih lama dari perkenalan Haziqah dengan Yusri.

"Sudahlah. Jangan ganggu aku!" bentak Haziqah.

Sumaiyah terkedu. Mula menunduk.

"Kalau macam tu, aku balik dululah." Perlahan Sumaiyah berkata sambil berlalu.

"Sue!" panggi Haziqah.

Langkah Sumaiyah terhenti. Ketika itu pipinya sudah basah dengan air mata. Merasakan persahabatan mereka semakin jauh. Apakah nanti setelah Haziqah berumah tangga, hubungan mereka akan terhenti begitu sahaja?

"Aku minta maaf. Aku tak suka dengar kau cakap macam tu. Tolonglah jangan kusutkan kepala aku lagi."

Haziqah yakin Yusri bukan lelaki seperti yang dimaksudkan oleh Sumaiyah. Dia begitu mengenali Yusri biarpun usia perkenalan mereka tidaklah lama mana.

Aku terlalu mudakah untuk bergelar isteri? Soal Haziqah di dalam hati apabila teringatkan bantahan ibunya dahulu. Haziqah akui dia masih muda. Baru sahaja mencecah usia 20 tahun. Tetapi itu bukan penghalang untuknya memadamkan api cinta terhadap Yusri, lelaki pertama yang hadir dalam hidupnya.

Haziqah berlalu ke dalam bilik. Meninggalkan Sumaiyah termangu di situ. Dia ingin bersendirian. Baginya menenangkan fikiran adalah jalan yang terbaik.

"ASSALAMUALAIKUM."

"Waalaikumussalam." Sumaiyah pantas menuju ke pintu yang terbuka luas. Sebagai rakan Haziqah yang membesar bersama-sama, pergerakan Sumaiyah di rumah itu sudah biasa bagaikan rumah sendiri.

"Oh, Ijat! Nak apa?" tanya Sumaiyah apabila terpandangkan wajah seorang budak lelaki di halaman rumah.

"Kak Ziqa, ada tak Kak Sue?"

"Ada kat dalam. Kenapa?"

"Abang Yusri kirimkan Kak Ziqa bungkusan dan surat ni." Ijat menghulur.

"Mana Abang Yusri?"

Ijat hanya menjungkitkan bahu tanda tidak tahu.

"Habis, Ijat ambil barang-barang ni daripada siapa?"

"Ada orang suruh hantarkan," jawab Ijat perlahan.

"Siapa?"

"Entah…Ijat tak kenal."

"Hmm…tak apalah."

Sumaiyah meneliti sepucuk surat di tangannya dan bungkusan kecil yang berbalut kemas itu sebelum menapak masuk ke dalam rumah.

"Siapa Sue?" Tiba-tiba Haziqah muncul.

Sumaiyah menunjukkan surat dan bungkusan kecil itu kepada Haziqah.

"Untuk siapa?" tanya Haziqah.

"Kau."

"Daripada siapa?"

"Yusri."

Dengan rasa berdebar dia mencapai. Hatinya rasa tidak menentu. Gementar, risau dan gundah mula bercampur menjadi satu.

Bab 2

Ziqa,

Memang payah untuk Yus membuat keputusan. Berjaya mendapat cinta Ziqa adalah satu anugerah yang terindah buat Yus yang akan Yus kenang sampai bila-bila. Tapi…maafkan Yus. Perkahwinan ini tidak dapat diteruskan. Bohonglah seandainya Yus katakana yang Yus sanggup menerima Ziqa di atas apa yang telah berlaku.

Yus bukan lelaki yang sanggup menerima kelemahan orang lain. Apa yang Yus mahukan adalah kesempurnaan dan Yus tak dapat menerima kenyataan seandainya isteri yang bakal menghuni dalam hidup Yus sebenarnya sudah tiada serinya lagi. Cukuplah sampai di sini hubungan kita. Anggaplah Yus menolak Ziqa kerana kita masih muda dan mentah. Tidak mampu meneraju sebuah bahtera perkahwinan yang murni itu bersama…

Yusri

Haziqah terasa air matanya mengalir laju. Tidak tahu sudah berapa kali dia membaca kandungan surat yang baru diterima itu. Begitu pilu hatinya dirasakan bagai tertusuk belati yang tajam.

KENAPA kau buat aku macam ni Yusri? Apa salah aku sampai kau sanggup fitnah aku sebegitu rupa? Aku malu! Di mana aku nak letak air muka yang telah kau malukan itu? Sampainya hati kau! Haziqah merintih dalam sendu.

Kerana fitnah yang kau cipta itu, maruahku mula dipersoalkan oleh orang kampung! Kesucianku pula diperkotak-katikkan! Sedangkan kau tahu aku tak mungkin menjadi perempuan semurah itu. Sanggup kau tinggalkan aku bersama dengan tanda tanya di benak semua orang.

Emak! Betapa kecewanya emak dengan berita itu. Emak seolah-olah tidak mempercayaiku lagi. Emak jatuh sakit dengan kandungan surat yang kau titipkan tempoh hari. Dan kini, hidupku telah musnah. Tempat yang sepatutnya kau huni sebagai suami itu telah digantikan dengan orang lain. Aku terpaksa bernikah dengan lelaki yang aku tidak kenal hati budinya. Betapa terseksanya aku waktu ini! Kau sepatutnya tahu Yusri…

“PUASLAH hati kau! Kau beli jiwa mak aku, lepas tu kau suruh mak aku paksa aku berkahwin dengan kau demi menutup malu keluarga kau!” Jeritan lelaki itu begitu memeranjatkan Haziqah yang sedang bersendirian di dalam bilik.

Air mata yang sudah kering, mula bertakung lagi.Haziqah berpaling perlahan. Fakrul nampak kusut walaupun lengkap berbaju Melayu Teluk Belanga yang dipakai sewaktu majlis akad nikah berlangsung tadi.

“Perempuan murah!” jerkah Fakrul.

“Jangan tuduh saya macam tu!”

“Habis, apa yang kau nak aku cakap? Memang perempuan murahlah namanya kalau tunang sendiri tuduh yang kau dah tak suci.” Jerkahan Fakrul semakin kuat.

Haziqah mendengus perlahan. Dia ingin berkata sesuatu tetapi tidak jadi apabila melihat Fakrul melangkah ke dalam bilik mandi. Lantas kata-kata amarah emaknya dua hari lalu menerjah kembali ke ingatan.

“MAK tak sangka kau buat macam ni!” Saat itu, semua mata hanya tertuju ke arahnya.

“Kau ingat diri kau tu apa, Ziqa? Kita ni perempuan kampung. Kenapa kau sanggup gadaikan maruah kau?” ucap Aminah marah.

“Ziqa tak lakukan mak!” balas Haziqah setelah agak lama mendiamkan diri.

“Jangan nak tipu mak! Kalau kau tak lakukan, Yusri takkan tinggalkan kau!”

“Mak tak percayakan anak mak ke? Ziqa sanggup bersumpah yang Ziqa tak ada kaitan langsung dengan apa yang Yusri tuliskan tu.”

“Macam mana kita nak berdepan dengan orang kampung Ziqa?”

Haziqah tidak mampu menjawab kata-kata emaknya. Dia nampak air mata Aminah bergenang.

“Kau pergilah beritahu orang kampung yang majlis kau dah tak jadi. Pengantin dah putus tunang! Mak tak nak fikir apa-apa lagi sekarang. Mak dah terlalu malu dengan perangai kau ni!”

“Mak!”

Aminah senyap.

“Tak baik cakap macam tu Kak Minah,” sampuk Puan Haryati cuba meredakan keadaan.

“Apa yang aku cakap tu, memang kenyataannya Yati. Aku malu nak mengaku dia anak!”

“Ziqa sanggup buktikan pada mak yang Ziqa masih suci!” Entah mengapa laju sahaja ayat itu keluar dari bibir Haziqah.

Puan Haryati dan Tuan Fuad bertukar pandangan.

“Macam mana kau nak buktikan? Kau tu perempuan yang dah tak suci! Tak ada siapa pun yang sanggup bertanggungjawab terhadap kesalahan kau tu!”

“Kalau mak nak tahu sama ada Ziqa masih suci atau tak, Ziqa akan berkahwin jugak dua hari lagi! Majlis Ziqa akan tetap berjalan,” tegas Haziqah.

Bibir masing-masing terkunci. Menanti kata-kata Haziqah yang seterusnya.

“Ziqa akan berkahwin dengan sesiapa saja. Mak carikanlah calon suami untuk Ziqa.”

“Kau dah gila agaknya Ziqa! Kau ingat berkahwin ni perkara main-main?”

“Ziqa tak sanggup nak terima tuduhan daripada mak. Ziqa tak nak orang kampung memfitnah Ziqa. Ziqa dah buat keputusan. Ziqa akan berkahwin asalkan mak dapat tahu yang Ziqa masih suci!”

Aminah melepaskan nafas deras. “Kau jangan nak mengarut!”

“Ziqa tak mengarut.”

Aminah terdiam. Puan Haryati kembali memandang Tuan Fuad. Haziqah berpaling pantas ke wajah Puan Haryati dan Tuan Fuad dengan harapan.

“Makcik, pakcik. Tolonglah Ziqa. Ziqa nak buktikan yang Ziqa tak bersalah. Makcik dan pakcik carikanlah seorang lelaki yang sanggup berkahwin dengan Ziqa.”

“Kau pergi masuk ke bilik Ziqa!” pintas Aminah lagi.

“Ziqa merayu. Carilah sesiapa pun. Ziqa tak kisah! Ziqa nak buktikan yang kata-kata Yusri tu hanyalah tuduhan. Ziqa masih suci makcik,” ucap Haziqah sambil melutut di hadapan Puan Haryati. Dia menangis tersedu-sedu.

“Ya ALLAH Ziqa! Bangun nak! Jangan melutut macam ni,” pujuk Puan Haryati. Namun, saat itu Haziqah sudah tidak menghiraukan apa-apa lagi. Dia hanya mampu menangis dan merayu-rayu.

“TAK reti kenang budi. Nama saja orang kampung tapi berlagak nak jadi macam orang Bandar.”

Lamunan Haziqah hilang. Dia tidak menoleh ke arah Fakrul walaupun sekali. Dia rasa bersalah dengan Fakrul dan keluarga Puan Haryati.

Tidak disangka sama sekali Puan Haryati sanggup menerima keputusannya dengan mengusulkan perkara yang membuatkan dia sendiri terkejut. Tetapi Haziqah tidak akan menolak. Dia hanya ingin emaknya tahu yang dia masih suci. Itu sahaja!

“Jangan ingat aku terima kau, sebab aku nak tolong kau! Pergi jahanamlah! Tak pernah terlintas langsung dalam hati aku ni yang perempuan kotor macam kau boleh jadi isteri aku. Kalau tak kerana umi aku, jangan haraplah aku nak terima kau!” Kasar kata-kata Fakrul.

“Kalau awak tak setuju…kenapa awak terima?”

Kekusutan yang sedang melanda ditambah lagi dengan tuduhan dan jerkahan Fakrul. Dia semakin tertekan. Harapan dirasakan hanya tinggal harapan.

“Aku tak boleh tinggal kat sini. Makin lama aku tengok muka kau, makin panas hati aku ni.”

Fakrul segera mencapai beg pakaiannya. Baju-baju yang dibawa sejak semalam tidak terusik. Tanpa menunggu lama, Fakrul berlalu. Namun, sewaktu kakinya tiba di muka pintu, Fakrul kembali memusing.

“Aku rasa, hukuman gantung tak bertali memang sesuai aku gantungkan pada leher kau waktu ni! Ini satu hukuman supaya kau tahu betapa seksanya hidup apabila mempermainkan perasaan lelaki,” ucap Fakrul menyebabkan Haziqah berpaling.

Tetapi ketika itu Fakrul sudah hilang di sebalik pintu. Ya ALLAH! Hukuman gantung tak bertali? Benarkah apa yang aku dengar tadi? Apakah begini berakhirnya kehidupan aku? Saat itu air mata Haziqah

gugur lagi. Perlahan dan kembali lebat bagai hujan yang mencurah-curah.

FAKRUL menekan brek sepantas mungkin. Honda CRV yang dipandu dengan kelajuan 150km/j menyebabkan keretanya hampir merempuh kereta Wira di hadapannya. Terkejut dan cemas hadir dengan tiba-tiba apabila bunyi brek kedengaran begitu kuat. Saat itu bunyi hon dari pelbagai sudut juga membingitkan suasana.

Fakrul terdiam. Dia terkaku di tempat duduknya. Entah mengapa fikirannya boleh melayang tidak menentu. Mengingati Azura dan akhirnya kembali ke wajah Haziqah yang baru dinikahi pagi tadi.

Arrghhh!! Bodohnya aku! Kenapa aku tak membantah permintaan umi? Kenapa aku biarkan hidup aku semakin kusut dengan menerima perempuan sehina itu sebagai isteri? Fakrul bagai menangisi penyesalan yang datang.

“Tolonglah umi, Rul. Umi merayu pada kau…terimalah Ziqa sebagai isteri. Bantulah Makcik Minah supaya keluarga mereka tidak mendapat malu.” Fakrul mengenang kembali kata-kata uminya malam tadi.

Perbualan singkat yang bermula dengan perbincangan kecil akhirnya menjadi sejarah yang tidak mungkin dilupakan.

“Umi nak kau gantikan tempat tunangnya, itu aje!” Kata-kata itu benar-benar membuatkan Fakrul tersentak. Hampir tersedak air yang diminumnya.

“Kenapa Rul pulak yang harus berkorban? Dah tak ada lagi ke lelaki lain kat kampung tu?” soal Fakrul.

“Kita aje yang paling dekat dengan keluarga Makcik Minah. Majlis tu hanya tinggal esok aje Rul. Malu kalau dibatalkan. Orang kampung banyak dah mengata. Umi kasihankan Makcik Minah kau.”

“Ah, Makcik Minah tu hanya bekas orang gaji kita aje. Apa yang umi nak sibukkan?” pintas Fakrul kuat membuatkan Puan Haryati bingkas dari duduknya.

“Jangan nak kurang ajar, Rul! Umi tak pernah anggap Makcik Minah kau sebagai orang gaji.”

Fakrul terdiam lama.

“Umi tak kisah! Apapun yang terjadi, esok kau kena kahwin dengan Ziqa! Kalau kau tak ikut cakap umi…umi akan anggap yang kau dah menderhaka pada umi.”

“MANA Ziqa? Kenapa kau tak bawa dia sekali, Rul?” tanya Puan Haryati sewaktu ternampak Fakrul terpacul di pintu banglo sederhana mewah itu.

“Rul, umi tanya ni. Mana Ziqa?” ulang Puan Haryati lagi apabila soalannya tadi dibiarkan sepi.

Fakrul yang baru sahaja ingin menapak ke anak tangga terus terhenti di situ. Dia berpaling menatap wajah uminya.

"Rul dah pun ikut cakap umi. Sekarang ni, umi pulak yang kena cakap Rul."

"Apa maksud kau?"

"Untuk pengetahuan umi, Rul tak ada hati pun nak bawa dia balik ke sini. Biarlah dia tinggal kat kampung tu. Rul tak suka nak semak-semakkan fikiran Rul bila perempuan tu ada kat sini."

"Tapi dia dah jadi isteri kau!" jawab Puan Haryati.

"Dan hakikatnya, Rul tak cintakan dia! Itu yang patut umi tahu."

Puan Haryati kehilangan kata-kata. Tidak disangka Fakrul boleh berkata begitu di hadapannya.

"Sudahlah umi! Rul sanggup bernikah dengan dia untuk menutup malu keluarganya pun dah cukup baik. Umi tolonglah jangan kacau Rul lagi. Sekarang ni, Rul hanya nak tenangkan fikiran," tambah Fakrul.

"Kenapa kau buat macam ni, Rul?" tegur Puan Haryati dengan suara yang semakin kendur. Berniat ingin memujuk hati anaknya itu. Manalah tahu hati anak sulungnya itu akan lembut.

"Umi tak payahlah cakap apa-apa lagi. Ini keputusan Rul. Muktamad! Perempuan tu memang patut dihukum. Baru sesuai dengan status dia yang dah tak suci lagi tu!"

"Fakrul!" tempik Puan Haryati.

FAKRUL memusingkan badannya ke kiri dan ke kanan. Tetap gagal untuk melelapkan mata biarpun biliknya sudah gelap-gelita. Sejak tadi, dia bagaikan ternampak raut Azura sedang tersenyum padanya.Dan apabila wajah Azura menghilang, dia teringatkan Haziqah pula.

Fakrul terasa begitu terseksa dengan keadaan itu. Apakah aku telah melakukan satu kesalahan dengan meninggalkan Haziqah di situ sendirian? Tidak tahu mengapa, secara tiba-tiba timbul rasa kesal di benak Fakrul.

"Ah, kenapa mesti rasa bersalah? Aku telah lakukan apa yang sepatutnya!" Fakrul cuba menyedapkan hati.

"Tak baik Rul! Berdosa seksa anak gadis orang macam tu." Entah mengapa telinga Fakrul bagaikan terdengar ada suara orang berbisik-bisik.

Fakrul bingkas. Memerhati sekeliling bilik yang sunyi sepi dan gelap itu.

"Haziqah dah sah jadi isteri kau! Kenapa mesti seksa dia lagi? Dia dah cukup menderita dengan keadaan yang menimpa! Kenapa harus ditambah lagi penderitaannya?" Bisikan itu makin hampir di telinganya.

"Dia dah tak suci!"

"Kau pasti ke dengan tuduhan tu?"

Fakrul terdiam seketika.

“Kalau tak tahu, kenapa harus menghukum Ziqa dengan tuduhan yang kau sendiri tak pasti? Tak adil namanya!”

“Memang patut pun dia dihukum macam tu. Perempuan yang mempermain-mainkan perasaan lelaki.”

“Kau marahkan Azura sebenarnya, Rul! Kau menghukum Ziqa dengan kesalahan yang Zura buat.”

“Ah! Pedulikan semua tu! Aku tak nak fikir tentang dia. Aku nak tidur!” Fakrul menghempaskan tubuhnya ke atas katil, mencapai selimut lalu menyelubungkan diri. Berharap dengan cara itu dia dapat melupakan segala masalah. Tiada satu pun yang tertinggal.

Bab 3

“Mak,” tegur Haziqah sambil menolak pintu bilik Aminah. Saat itu juga dia ternampak emaknya sedang terbaring dengan batuk yang tidak henti-henti. Haziqah pantas menuju ke arah Aminah. Tangannya ingin menepuk belakang Aminah, meredakan batuk yang sejak tadi bagaikan tidak mahu berhenti.

“Tak apalah Ziqa. Tak payah susah-susah. Mak ni dah tua, agaknya dah sampai masa mak,” ucap Aminah.

“Janganlah cakap macam tu, mak!”

“Sudahlah Ziqa. Kau pergilah tidur. Mak tak apa-apa ni. Pergilah berehat.”

“Ziqa nak temankan mak.”

“Tak payah. Kau pergilah temankan Fakrul!”

“Dia…err…dia ada kat dalam bilik mak,” jawab Haziqah tersangkut-sangkut.

“Kalau macam tu, kau pergilah keluar. Tanya apa-apa yang dia nak. Takut Fakrul tak selesa tinggal kat rumah buruk kita ni. Dia dah biasa hidup senang,” ujar Aminah.

Haziqah sekadar mengangguk. Hatinya jadi pilu dengan sendiri. Dia terpaksa membohongi emaknya sedangkan Haziqah sendiri tidak tahu yang Fakrul telah pergi.

“Kenapalah Yusri buat macam ni pada kau Ziqa? Memang betul ke kau dah tak suci?”

Haziqah terdengar sayup-sayup ibunya bertanya. Kaki yang sedang bergerak ke muka pintu terus terpaku.

“Mak kecewa Ziqa! Mak didik kau dengan agama dan penuh kasih sayang. Dari kecil mak jaga kau sampai kau dewasa. Kenapa kau sanggup malukan mak?”

Hati Haziqah mula rasa sebak. Kata-kata emak bagai memberitahu wanita itu telah mempercayai kandungan surat yang dikirim oleh Yusri.

“Ziqa tak buat perkara tu mak. Mak tak percayakan Ziqa ke? Ziqa dah beritahu sejak semalam lagi yang Ziqa masih suci. Ziqa tak pernah serahkan maruah Ziqa pada sesiapa,” ucap Haziqah cuba berlagak tenang.

“Kalau kau masih suci, macam mana cerita tu boleh timbul? Cuba kau cakap!”

“Ziqa tak tahu.”

“Pokok takkan bergoyang kalau angina tak bertiup!” balas Aminah.

Haziqah menundukkan wajahnya.

“Ziqa tak pernah buat perangai yang tak senonoh macam tu. Kenapa mak tak percayakan Ziqa?” tangis Haziqah sudah kedengaran.

Jika bukan Aminah yang mempercayainya, siapa lagi? Sumaiyah yang rapat dengannya sejak kecil juga sudah berubah sikap. Orang kampung pula sudah mula memulaukannya. Tiada lagi yang mahu bertukar-tukar senyum apabila berselisih jalan. Yang ada hanyalah jelingan dan umpatan.

“Entahlah. Susah mak nak cakap. Apa yang berlaku hanya ALLAH yang tahu. Biarlah ALLAH yang tunjukkan semuanya.”

“Tapi sumpah mak! Ziqa sumpah yang Ziqa tak lakukan perkara tu.” Haziqah berjalan mendapatkan emaknya dipeluk dan dicium. Namun, cepat-cepat ditepis oleh Aminah.

“Jangan cakap macam tu. Nanti suatu hari kau yang dimakan sumpah.”

“Mak dah mula menuduh Ziqa! Mak pun nak jadi macam orang kampung? Anggap Ziqa dah tak suci?”

Aminah melarikan pandangannya ke arah lain. Tidak sanggup merenung wajah lembut itu.

“Dah tak ada sesiapa yang sudi percayakan Ziqa lagi!” rintih Haziqah perlahan.

Bab 4

"Inak *you* buat semula. *From A to Z.* Kalau ini hasil yang *you* nak berikan pada *client...just forget it. You* mau kasi saya malu ka?" kemarahan Puan Chan bagaikan terdengar-dengar lagi.

Fakrul menghempaskan pelan seni binanya ke atas meja. Hatinya terasa panas. Sejak kebelakangan ini, ada sahaja yang tidak kena dengan rekaan seni bina yang dilukisnya. Ada sahaja modal untuk Puan Chan membebel tentang ketidaksesuaian rekaannya dengan permintaan para pelanggan.

Ah, kerja dengan majikan perempuan memang menyusahkan! Hendak melawan, Puan Chan adalah majikannya. Sedangkan dia hanyalah arkitek yang diupah berdasarkan kelayakan.

Fakrul menoleh ke ruang pejabat. Hanya kelihatan beberapa orang di situ. Yang lain mungkin sibuk mengisi perut. Fakrul menoleh ke arah jam di tangannya. Sudah menunjuk ke angka 1.30 tengah hari. Entah mengapa, hari ini perutnya langsung tidak terasa lapar.

"Weh, Fakrul! Kau tak nak makan ke? *Join u*s?" jerit Anand rakannya yang sudah bergerak keluar bersama-sama Stephen dan Kassim.

"Tak apalah Anand. Aku tak lapar. Kau orang pergilah," tolak Fakrul.

Anand menjungkitkan bahu sambil memandang Stephen yang lebih senang dengan panggilan Steve dan Kassim bersilih ganti. Kemudian, ketiga-tiga mereka terus berlalu meninggalkan Fakrul sendirian di situ. Masing-masing sudah faham dengan sikap Fakrul yang sering bertukar-tukar angin.

"HAH, Fakrul! *You* tak keluar *lunch* ke hari ni?" terjenggul Puan Chan di hadapan meja Fakrul.

Fakrul terkejut. Teguran Puan Chan dengan ramah menimbulkan rasa pelik di benaknya. Pantas, Fakrul memperkemaskan duduk. Wajah Puan Chan tidak lagi kelihatan seperti singa yang ingin melapah mangsa. Kini wajah wanita Cina separuh abad itu nampak mesra dan peramah seperti tiada apa-apa yang berlaku di antara mereka.

"Tak Puan Chan. *I* tak ada selera. Perut *I* tak lapar," jawab Fakrul perlahan.

Puan Chan mengeluh kecil. Mata sepetnya memandang tepat ke wajah anak muda yang nampak tidak bermaya di hadapannya.

"Fakrul, *you* jangan ambil hati dengan apa yang *I* katakan tadi. *I just want you to think*. Prestasi kerja *you* sejak akhir-akhir ni merosot. *If you have any problem, you musn't let it affect your work,"* kata Puan Chan seolah-olah cuba mengambil semula hati pekerja kesayangannya itu.

Hampir tujuh tahun lamanya Fakrul berkhidmat di SENI BINA Corporation Sdn. Bhd. Semenjak Fakrul tamat pengajian di Universiti Malaya lagi, Puan Chan sudah mengupah Fakrul sebagai arkitek syarikatnya yang ketika itu masih di peringkat awal penubuhan. Puan Chan juga tahu ayah Fakrul mempunyai syarikat arkitek sendiri.

Seingatnya, Fakrul memang seorang pekerja yang rajin dan periang. Semua kerja yang dilakukan oleh Fakrul selalu memberi kepuasan di hatinya. Tetapi, itu dahulu. Kini segala-galanya berubah. Tiada lagi senyuman mesra yang menghiasi bibir Fakrul setiap kali waktu kerja bermula. Puan Chan tidak tahu apakah punca yang menjadikan Fakrul begitu.

"Entahlah Puan Chan. *I* tak ada *mood* nak makan."

"*All right then. I* pergi dulu. *Maybe husband I* dah tunggu kat restoran."

Fakrul hanya mengangguk. Ketika itu, ruang pejabat kembali menjadi sunyi seperti hati Fakrul yang sedang kesepian. Fakrul memejamkan mata. Dan saat itu, fikirannya terus melayang entah ke mana.

"PERANGAI *you* semakin berubah, Zura. Cuba *you* cakap…apa yang tak kena dengan *I* pada mata *you*?"

Niatnya ketika itu hanya satu, ingin menjernihkan semula perhubungan mereka yang kian hambar. Fakrul sendiri tidak tahu punca sebenar kekasihnya berubah laku. Sering menyendiri apabila mereka bersama. Dahulu, Azura tidak begitu!

"Zura, I serius sekarang ni! *What is your problem?"* soalan Fakrul mematikan lamunan Azura.

Azura toleh sekilas pada Fakrul. Wajah anak muda itu telah menarik hatinya sewaktu hari pertama mendaftar di Universiti Malaya. Aku sepatutnya bersyukur kerana Fakrul turut menyayangiku. Habis, apa lagi yang aku nak? Takkan kerana peristiwa hitam itu aku perlu mengusulkan perpisahan ini?

"*You* memang selalu macam ni, kan? Bila *I* tanya, *you* senyap. Kalau terus begini, macam mana kita nak *settle*kan *problem* kita." Fakrul mula bersuara keras. Geram dengan sikap acuh tak acuh Azura.

"Entahlah Fakrul. *I* rasa macam ada sesuatu yang mengganggu fikiran." Azura bersuara.

"Beritahu *I* apa yang mengganggu fikiran *you*?"

"*I* tak tahu."

"Kalau *you* sendiri tak tahu, macam mana *I* nak tolong *you*?" Fakrul merenung gadis di sisinya.

"*I* tak tahu Fakrul. *I*…"

"Okey…okey…*you* relaks. Tenangkan fikiran *you* dulu. Bila *you* dah dapat jawapannya, *you* beritahu *I*, okey?" Fakrul cuba berdiplomasi. Dia tidak mahu fikiran Azura semakin diracau dengan pelbagai perkara yang tidak sepatutnya. Biarlah perkara itu didiamkan dahulu. Bukankah itu yang lebih elok!

Keluhan berat tiba-tiba lahir di bibir Azura. Betul ke aku tidak tahu apa yang mengganggu fikiran aku ni? Atau aku sedang menyembunyikan sesuatu dari pengetahuan Fakrul? Argh! Azura rasa ingin menjerit untuk melepaskan tekanan perasaan yang dihadapinya.

"Jomlah kita balik. *I* ada kerja nak buat. Esok *I* ada *presentation for my client*," pujuk Fakrul seraya menghidupkan enjin keretanya.

"*You* lapar tak? Kalau lapar, kita singgah mana-mana restoran."

"Tak apalah."

"I tengok *you* macam tak sihat aje."

Azura gelisah. Niatnya menerima pelawaan Fakrul untuk keluar bersama hari itu, adalah untuk berterus-terang. Tetapi di hatinya timbul pula rasa bersalah. Dia tidak mahu penjelasannya nanti mengganggu fikiran Fakrul pula. Tambah-tambah kini Fakrul sedang sibuk dengan pelan rekaan bangunan untuk sebuah syarikat korporat yang menelan belanja jutaan ringgit.

"Sebenarnya Rul…*I* ada satu perkara nak beritahu *you*. Tapi…"

"Hah, apa dia? Kalau nak beritahu, janganlah teragak-agak. *I* sedia mendengarnya…" kata Fakrul sambil memulakan pemanduan.

Azura menarik nafas dalam-dalam. Hari ini, dia mahu segala-galanya selesai. Dia ingin Fakrul tahu masalahnya dan dia berharap Fakrul akan tabah mendengarnya. Kalau boleh, Azura tidak mahu hubungan mereka terjejas, biarpun status perhubungan mereka akan berubah.

"Apa dia Zura? Cakaplah. *I'm waiting*…"

Fakrul seperti sudah tidak sabar untuk mendengar kata-kata Azura. Wajahnya yang di hala ke hadapan sesekali dipaling ke arah gadis itu.

“Sebenarnya…”

Fakrul tersentak. Pensel di tangan terlepas ke atas meja. Bayangan wajah Azura hilang serta-merta. Tiada satu pun yang tertinggal. Fakrul memerhati ke sekeliling pejabat. Semua rakannya sedang sibuk dengan urusan masing-masing. Cuma dia yang melamun jauh.

Ya ALLAH! Kenapa dengan aku ni?

Bab 5

Petang itu, Fakrul sampai awal di rumah. Selepas meletakkan kereta di garaj yang dibuat khas untuknya, Fakrul keluar. Dia berjalan lemah menuju ke pintu. Ketika itu, Puan Haryati asyik memerhatikannya.

“Awal kau balik hari ni Rul?” sapa Puan Haryati.

Fakrul berpaling dan tersenyum tawar. Kesibukan sepanjang hari di pejabat membuatkan dia benar-benar memerlukan rehat. Disebabkan itu dia mahu pulang awal untuk mendapatkan rehat dan tidur secukupnya.

Esok dia perlu menyerahkan pelan seni bina yang sudah diubahsuai kepada Puan Chan. Jadi, malam ini terpaksalah dia menyiapkan pelan itu dengan sempurna. Jika tidak, pasti bebelan Puan Chan akan didengar lagi.

Fakrul mempercepatkan langkah menuju ke arah kerusi rehat yang diduduki oleh Puan Haryati di luar banglo. Banglo sederhana mewah itu nampak berseri dengan cat kuning cair pilihan uminya.

“Abah mana umi? Belum balik kerja lagi ke?” soal Fakrul sambil duduk di sisi Puan Haryati.

“Abah kau tu…selagi tak habis kerja kat pejabat, jangan haraplah nampak batang hidungnya. Macam kaulah jugak. Anak-beranak sama aje. Hari ni, kenapa kau balik awal pulak? Kerja kau dah habis ke?” tanya Puan Haryati cuba menukar topik perbualan.

Puan Haryati memandang wajah Fakrul yang cengkung. Bahu anak sulungnya itu diusap lembut. Rasa kasihan timbul di sudut hatinya. Anaknya itu pernah kecewa. Mungkin kerana itu, Fakrul lebih suka memerap diri di rumah dan bersendirian.

Semenjak Fakrul putus kasih dengan Azura, Fakrul cuba menyibukkan diri dengan kerja. Badannya kelihatan melidi. Wajahnya tidak seceria dulu. Senyumannya pun seperti dibuat-buat. Jadi, Puan Haryati tidak teragak-agak dengan keputusannya beberapa bulan yang lalu. Kekecewaan Fakrul cuba diubati dengan menyuruh Fakrul memperisterikan Haziqah.

Apa khabar Haziqah dan Aminah agaknya? Fikiran Puan Haryati mula melayang jauh.

“Kerja Rul tak pernah habis umi. Ini pun kena bawak balik kerja pejabat ke rumah. Malam ni Rul nak siapkan kerja,” ucap Fakrul sambil mengeluh berat.

“Kau ni, kerja tu kerja jugak. Tapi, kesihatan kena jaga. Nanti sakit, umi jugak yang susah,” leter Puan Haryati.

Fakrul hanya tersenyum.

“Itulah…abah kau dah ajak bekerja di pejabatnya, kau tak mahu. Kalau tak…kerja kau takkan susah sampai macam ni. Entah apalah nak

jadi dengan kau ni. Sibuk sangat nak berdikari," sambung Puan Haryati lagi.

Fakrul diam. Tidak membalas kata-kata uminya.

"Ada isteri ditinggal-tinggalkan." Ucapan Puan Haryati itu membuatkan Fakrul tersentak. Seolah-olah sengaja mahu menghukum dirinya atas satu kesalahan yang amat berat. Begitu perit dirasakan.

"Sampai bila kau nak buat isteri kau macam tu?" tegur Puan Haryati tenang. Sejenak raut Fakrul yang sedang menunduk itu ditenung agak lama.

"Umi tak nak orang mengata keluarga kita. Kau lelaki! Dan sebagai suami kau tak patut buat isteri kau macam tu."

"Umi yang paksa Rul kahwin dengan dia."

Puan Haryati mengerutkan dahi.

"Umi buat macam tu sebab umi tak nak kau ingatkan Zura lagi."

"Dengan berkahwin dengan perempuan yang Rul belum kenal hati budi tu? Umi ingat Rul akan bahagia?"

"Ziqa perempuan yang baik, Rul."

"Baik apa kalau tunang sendiri tak nak ambil dia sebagai isteri? Lagi dua hari aje nak berkahwin. Tup…tup…satu kampung tahu Ziqa dah tak suci. Itu yang umi kata perempuan yang baik?" jawab Fakrul dengan soalan.

"Kalau tak suka kenapa tak mahu lepaskan dia? Kenapa nak seksa dia dengan menjatuhkan hukuman gantung tak bertali? Kau tahu apa hukumnya buat macam tu?" Puan Haryati memintas pantas. Fakrul seperti sengaja ingin memperkotak-katikkan maruah Haziqah.

"Kau ni memang degil. Entah apa yang Azura dah buat pada kau. Sampai susah sangat nak lupakan perempuan tu. Ziqa yang baik tu kau tak nak pandang."

"Faremi mana umi?" Fakrul sengaja menukar topik apabila terpandang skuter adiknya di garaj kereta.

"Hah, umi sedang bercakap perkara lain…kau mulalah nak tukar topik." Puan Haryati menjeling Fakrul dengan riak yang marah.

"Rul tak nak bincangkan hal ni lagi. Rul tak boleh nak lupakan Zura. Bukan Rul tak mahu, tapi tak boleh." Fakrul berterus-terang.

Memang Fakrul akui bahawa Azura adalah gadis pertama yang berjaya menambat hatinya. Salahkah dia mengingati gadis itu biarpun mereka sudah lama berpisah? Fakrul tahu dia sepatutnya telah melupakan gadis yang sudah lama menjadi isteri orang. Atau mungkin sudah menjadi ibu waktu ini.

Ah…hanya Azura yang bertakhta di hatinya. Tiada sesiapa! Cuma, dia kecewa. Kasihnya tidak dihargai dan dibiarkan sepi seperti daun kering yang berguguran.

Namun bila difikir-fikirkan, Fakrul lebih kecewa untuk menerima perkahwinannya yang mendadak. Sudah lebih tiga bulan dia meninggalkan Haziqah semenjak hari pernikahannya. Dia juga tidak begitu ingat bagaimana rupa Haziqah. Dahulu, dia pernah berjumpa

dan berkenalan dengan Haziqah di rumahnya sekali dua sahaja. Itupun tidak terlintas di hatinya yang satu hari nanti gadis itu akan menjadi isterinya.

“Umi bukan nak paksa kau lakukan perkara yang kau tak suka. Umi cuma nak kau lupakan Zura. Lagipun, Makcik Minah dah banyak berjasa dalam keluarga kita. Umi tak mahu dia malu dengan kejadian yang menimpa anaknya tu,” kata Puan Haryati sambil mengusap bahu anaknya lagi. Berharap anaknya itu akan mengerti.

“Rul nak naik bilik dulu umi. Nak solat.”

“Ubah sikap keras kepala kau tu. Umi nak kau pergi jenguk Ziqa. Jangan sampai suatu hari nanti kau menyesal dengan tindakan kau sendiri.”

“KITA berpisah aje Rul? *I* dah tak sayangkan *you*. Kalau boleh *you* jangan cari *I* lagi!” Begitu senang kata-kata yang muncul di bibir Azura ketika tahap perhubungan mereka semakin kritikal.

Fakrul tersentak. “Tapi kenapa?”

Fakrul menghampiri Azura yang sedang berdiri memeluk tubuh.

“*You* tahukan yang *I* betul-betul sayangkan *you*? *I* tak sanggup berpisah dengan *you*,” ujar Fakrul sambil mencapai tangan Azura.

Azura menepis pantas. Dia menjauhkan dirinya. Tasik di hadapannya juga dipandang tanpa perasaan. Beberapa pasangan lain yang turut berada di kawasan tasik itu tidak seperti mereka. Yang lain nampak gembira dan bahagia dengan pasangan masing-masing.

“*I* dah tak sayangkan *you. That’s the point. I* tak boleh nak paksa hati *I* untuk sayangkan *you* lagi. Jadi…buat apa nak tunggu? Baik *I* jangan buang masa.”

“Buang masa?” tanya Fakrul pelik.

“Buang masa *I* untuk menyayangi *you*,” balas Azura.

Dahi Fakrul berkerut. Menandakan dia semakin pelik dengan kata-kata Azura itu.

“Jadi, selama ni, *you* anggap kasih sayang yang kita jalinkan hanya membuang masa *you*, begitu?”

“*No reason!”*

“Setiap perkara yang berlaku ada sebabnya Zura! Tak mungkin *you* minta *break up* dengan *I* tanpa sebab. Atau *you* dah ada lelaki lain dalam hidup *you*?” tegas Fakrul.

Dahi Azura pula yang berkerut. Bibirnya terkunci.

“Betul tak tekaan *I*?” Fakrul bertanya lagi.

Namun Azura masih mendiamkan diri. Bagaikan tiada jawapan untuk soalan itu.

“I dah agak perkara ni akan berlaku!” jerkah Fakrul.

“Itu hak *I* nak jatuh cinta dengan sesiapa pun. *You* tak boleh halang. Dan *I* rasa, tindakan *I* menerima cinta *you* dulu adalah satu

kesilapan. Kita tak patut bersama!” Kenyataan itu membuatkan hati Fakrul terguris.

Itulah hari terakhir mereka bersama. Selepas itu, Azura menyepikan diri. Tiada lagi panggilan telefon atau berita yang dikirim. Sepi dan terus menyebabkan Fakrul menderita dengan keadaan itu.

“Zura dah kahwin rupanya Rul. Dah sebulan! Dia di tangkap khalwat dengan seorang lelaki di Pahang,” kata rakannya, Amirul.

Namun, sampai ke hari ini wajah Azura tetap segar di ingatannya. Dia telah berusaha untuk melupakan gadis itu. Tetapi, gagal. Gadis itu terlalu disayanginya.

Apakah begini caranya untuk aku menyayangi gadis lain? Menerima perkahwinan yang tidak aku redhai? Ah, aku memang tidak mampu menyayangi Haziqah seandainya nama Azura tidak luput dari ingatan. Tidak sama sekali!

Perlahan-lahan Fakrul memejamkan mata. Dia sendiri tidak sedar bila agaknya dia terlena.

Bab 6

Haziqah berjalan pantas menuju ke rumahnya yang tinggal beberapa ratus meter sahaja di hadapan. Terserempak dengan jiran-jiran yang berselisih jalan hanya menambahkan kedukaan di hati.

“Kalau dah dasar keturunan tak baik, memang tak baik jugak Kak Jenab!”

“Yalah! Akak pun setuju dengan kata-kata kau, Som. Emaknya si Ziqa tu bukannya baik sangat. Dulu, bukan ke emaknya yang merampas suami Kak Senah. Lepas suaminya mati, emaknya pun…hei, entahlah!”

“Betullah tu! Hisy…selisih malaikat 44 kalau anak kita berperangai macam tu, kan? Janganlah suami kita digodanya pulak.”

“Itulah balasannya. Emak merampas suami orang. Anak ditinggalkan suami.”

“Kalau saya, jangan diharap perempuan macam tu hendak ditolong. Majikan Minah tu baik hati sungguh. Sanggup paksa anak sendiri bertanggungjawab atas perbuatan orang lain. Dah tak suci, nak buat macam mana? Kahwin dengan siapa pun, bukan dapat tutup apa-apa!”

Entah mengapa setiap bait yang keluar dari mulut orang kampung amat menyentuh hatinya. Haziqah rasa ingin menangis. Sejurus selepas membayar harga barang-barang yang dibeli di kedai mamak tadi, Haziqah terus berlari keluar.

Mengapa harus segalanya bermula lagi? Perlukah kisah silam ibunya juga diungkit sedangkan kini kisah yang wujud adalah dari peristiwa baru. Hanya dia yang ditinggalkan tunangan! Kenapa kisah emaknya pula yang dikaitkan?

Sejak bila pula emaknya dikatakan merampas suami orang Mak Senah? Haziqah mula tertanya-tanya. Dia tidak pernah mendengar tentang cerita itu. Seingatnya lelaki yang dikahwini emaknya adalah Hassan, ayahnya. Habis fitnah apa pula yang cuba mereka taburkan lagi?

Haziqah terpaku sebentar. Dia begitu pilu. Hubungan dengan emaknya juga semakin renggang. Nama saja tinggal serumah tetapi mereka sudah jarang bertegur sapa. Tiba-tiba Haziqah terbayangkan wajah Sumaiyah. Sue! Sampai hati kau. Di saat aku memerlukan sokongan, kau pun sama seperti mereka. Menuding jari ke arahku dan mengesahkan fitnah yang ditaburkan padaku.

Dada Haziqah semakin dihimpit sebak. Dia berpaling. Ingin meneruskan perjalanan untuk pulang. Namun, Haziqah tersentak. Dari jauh dia ternampak Sumaiyah sedang berjalan meninggalkan kawasan itu.

“Sue!” jerit Haziqah.

Dia berlari-lari anak menuju ke arah Sumaiyah.

“Sue, nantilah dulu!” jerit Haziqah semakin kuat. Namun, tiada riak yang menunjukkan Sumaiyah akan berhenti.

“Sue, aku kata tunggu!”

Terus sahaja Sumaiyah berhenti di situ. Menunggu kedatangan Haziqah yang berada di belakangnya.

“Kenapa kau buat aku macam ni?” soal Haziqah perlahan. Kakinya dihayun segera ke arah Sumaiyah.

“Apa salah aku sampai kau mengelak daripada aku?” Waktu itu, perasaan sebak mula bertandang di sanubarinya. Sumaiyah masih membisu.

“Cuba kau cakap dengan aku, Sue! Aku nak tahu…kenapa kau seolah-olah mengelak daripada aku?”

“Untuk apa lagi, Ziqa? Kau sendiri yang buat salah. Kenapa aku pulak yang kena beritahu kesalahan kau?”

“Maksud kau? Cerita tentang aku tu?”

Habis apa lagi? Atau kau ada cerita terbaru? Nak kongsi dengan aku?” soal Sumaiyah sinis.

Haziqah terdiam lama. Merenung wajah lembut Sumaiyah yang tika itu sudah bertukar menjadi garang.

“Aku kecewa Ziqa! Kau yang aku dah kenal lama sanggup buat perangai macam tu. Kau tak kasihankan mak kau ke? Kau dah jadi anak derhaka tahu tak?” Bertubi-tubi Sumaiyah menuturkan kata-kata.

Haziqah hanya mampu menunduk.

“Sudahlah. Mulai hari ini, hubungan kita terputus. Jangan cari aku lagi!” ujar Sumaiyah dan berkira-kira untuk berlalu.

“Begitu mudah?” Tiba-tiba sahaja Haziqah bersuara.

Sumaiyah tidak jadi meneruskan langkah. Dia memandang ke arah Haziqah yang sedang merenungnya.

“Kau hokum aku dengan situasi yang kau sendiri tak pasti! Kau percaya dengan semua cerita tu?” luah Haziqah.

“Pokok takkan bergoyang kalau angin tak bertiup!”

“Macam mana kalau semuanya hanya fitnah!”

“Dah heboh satu kampung Ziqa! Penduduk kampung dah tahu sikap kau yang sebenar,” jawab Sumaiyah selamba sambil memandang ke arah lain.

“Aku tak sangka…orang yang paling rapat dengan aku, sanggup harungi kesusahan bersama-sama aku, rupa-rupanya sama aje. Kau pun tak ubah macam orang lain Sue! Sama macam mak aku! Tapi kenapa? Kau tahu tak aku terseksa? Kau sedar tak yang aku dah tak ada apa-apa lagi yang boleh meredakan rasa derita yang aku lalui ni. Kau tahu tak?” jerit Haziqah kuat.

Sumaiyah terkedu.

“Aku tak tahu nak mengadu pada siapa lagi. Semua orang yang aku sayang dah pergi. Semua orang yang aku percaya dah tak ada. Yusri, kau dan mak aku! Nak harapkan suami? Dia pun sama aje. Aku tak sangka begini jadinya hidup aku. Kalau boleh aku tak nak jadi macam ni, kau tahu tak? Aku terseksa Sue! Kenapa kau tak faham?” luah Haziqah sayu.

Gagal menahan sebak membuatkan Haziqah tidak dapat berdiri lama di situ. Biarlah. Hanya itu yang mampu dilakukan untuk waktu ini! Semoga hari yang mendatang membawa seribu erti. Itu doa Haziqah!

Bab 7

"FAKRUL, pelan tender yang dekat Pantai Cahya tu, kau dah *setle*kan ke belum lagi?" tanya Stephen yang sudah berdiri di depan Fakrul. Ketika itu, Fakrul sedang leka mengukur saiz pelan bangunan yang terhampar di atas meja. Soalan yang sama terpaksa diulang. Kali ini, Fakrul menoleh ke arah Stephen. Ligat, memikirkan jawapan untuk soalan itu.

"Dah siap ke belum?" soal Stephen sekali lagi.

"Pantai Cahya? Tender yang mana satu Steve?" Fakrul agak keliru dengan pelbagai nama tempat dan tapak projek yang perlu diingat.

"Alah, tapak yang digunakan untuk pembinaan *resort* Syarikat Alam Maya. Takkan tak ingat?"

"Entahlah. Banyak benda yang aku nak ingat. Aku lupa yang mana satu. Tak apalah, nanti aku *check!* Kenapa dengan tender tu? Puan Chan dah tanya ke?" Fakrul menyoa sambil memandang Stephen.

"Tak adalah. Setahu aku, projek tu kau yang *handle*. Tadi, pegawai hartanah Syarikat Alam Maya tu dah *call*. Dia tanya tentang pelan struktur *resort* tu. Aku cakaplah dalam proses. Padahal aku tak tahu satu benda pun," jawab Stephen petah.

"Tak apalah. Nanti aku periksa maklumat tentang tender tu."

"Okey…kau jangan lambat-lambat sudahlah. Bising pulak Puan Chan kalau dia tahu!"

Stephen menuju ke arah kabinet yang tersimpan pelbagai fail sulit syarikat, lalu diselongkarnya perlahan. Mujur setiap fail-fail itu telah disusun mengikut abjad. Mudah sedikit untuk mencari fail yang dikehendaki.

"Ah, kalau Puan Chan membebel, suruh dia buat sendiri. Nak suruh aku buat, jangan banyak tanya. Aku tak suka!" Fakrul membalas.

Stephen tersentak. Segera meletakkan jari telunjuk di bibirnya.

"Hisy…kau ni! Cakap siang, pandang-pandang. Cakap malam, dengar-dengar." Stephen bermadah.

Fakrul mencebikkan bibir. "Kenapa pulak? Sebab dia bos, kau takut? Eh, tolonglah. Aku tak hairanlah dengan status dia. Bos ke, apa

ke, aku tak peduli. Bekerja dengan perempuan memang leceh!" Fakrul menegakkan lagi kata-katanya.

"Jangan sebab masalah kau dengan seorang perempuan, kau nak samakan semuanya. Tak adil bagi mereka."

"Adil atau tak, bukan masalahnya. Itu hak aku nak menentukan apa yang aku nak cakap."

"Aku tahu! Tapi, kau terlalu mengikut kata hati. Cakap ikut sedap mulut."

"Suka hati akulah."

"Dengan perempuan, kita sebagai lelaki jangan terlalu beri muka. Nanti, dia orang pijak kepala kita." Tiba-tiba Stephen berkata.

"Itu tak serius namanya. Aku bukan lelaki macam tu," jawab Fakrul selamba.

"Weh, lelaki kat Malaysia sekarang ni dah semakin kurang. Kau janganlah risau. Satu perempuan kau terlepas, ada sepuluh lagi yang berderet menunggu, kau tahu tak?" balas Stephen.

Fakrul mengeluh kecil. Kenyataan itu memang diakui. Tetapi dia tidak mahu disebabkan kenyataan itu, dia perlu mengambil kesempatan yang ada untuk mempermain-mainkan perasaan perempuan. Dia juga seorang manusia yang dikurniakan sifat setia.

"Fikirkanlah Fakrul! Aku bukannya nak mengubah pendirian kau. Cuma aku nak kau fikir mengikut logik. Sebenarnya kau yang cepat menyerahkan perasaan kau seratus-peratus pada perempuan. Sebab tu, kau mudah kecewa." Stephen bangkit dari duduknya untuk menyambung kerja.

Bab 8

SEWAKTU Fakrul tiba di rumahnya, keadaan begitu sunyi. Suasana seperti ini amat sesuai untuk menenangkan jiwa. Lantas Fakrul merebahkan badannya di kerusi panjang. Melepaskan penat setelah terperangkap dalam kesesakan lalu lintas hampir satu jam.

"Eh...along! Bila balik?" sapa Faremi tiba-tiba.

Fakrul tercari-cari adiknya. Kelihatan Faremi sedang turun dari tingkat atas. Fakrul terus tersenyum.

"Baru aje sampai, Mie. Kau ni nak ke mana?" soal Fakrul pelik melihat adiknya yang berpakaiam kemas.

Faremi sekadar tersengih.

"Itu memang tak ada kerja lain. Nak merayaplah tu," teka Fakrul sendiri.

"Tahun ni kau nak periksa, Faremi. Ingat sikit! Jangan asyik nak main aje. Ini tahun terakhir kau bersekolah tau?" Fakrul cuba memberi nasihat kepada adiknya yang bakal menduduki peperiksaan SPM tidak lama lagi.

"Alah...asyik baca buku hari-hari, kepala Mie ni dah naik pening. Sesekali nak jugak relakskan otak. Betul tak?" ujar Faremi beria-ia.

"Kau tu, bila along cakap sikit, ada aje alasannya. Jangan balik lewat. Nanti umi dengan abah bising, along tak nak tolong." Fakrul bersuara sambil menoleh ke arah jam di dinding.

"Alah, Mie keluar sekejap aje. Saja nak jumpa kawan-kawan hujung-hujung minggu macam ni."

Fakrul senyap. Perlahan-lahan matanya dipejam rapat. Melepaskan keletihan di situ. Faremi turut mendiamkan diri. Dia kasihan melihat alongnya begitu. Faremi tahu Fakrul kecewa kerana cinta Azura. Faremi juga tahu abangnya marah apabila dipaksa kahwin dengan Haziqah.

Entah apa nasib dan keadaan kakak iparnya itu, tidak pula diketahui oleh Faremi. Dia juga tidak mahu membuka cerita tentang itu. Faremi takut abangnya akan marah. Selebihnya dia tidak mahu Fakrul semakin menderita.

"Nak keluar ni, ada duit ke?" tanya Fakrul tiba-tiba. Matanya tepat merenung wajah adiknya yang satu itu.

Faremi mengangguk. "Duit yang along bagi hari tu ada lagi. Tapi, kalau along nak tambah apa salahnya." Faremi tersengih kambing.

Fakrul menarik dompet di poket seluarnya dan mengeluarkan not lima puluh. Duit itu diserahkan kepada Faremi. Faremi tersenyum lebar.

"Terima kasih along."

"Ingat, jangan balik lambat-lambat!"

Faremi mengangguk lagi. Dia menuju ke almari kasut. Kasut Adidas Superstar dicapai lalu di sarung.

"Umi dengan abah mana Mie? Dari tadi, along tak nampak mereka pun." Fakrul bertanya. Dia hanya memandang tubuh Faremi yang sedang terbongkok-bongkok mencari kunci skuternya.

"Umi dengan abah pergi masjid agaknya," jawab Faremi pendek.

Dari jauh kedengaran enjin kereta masuk ke tengah halaman. Panjang leher Fakrul mengintai ke luar rumah.

"Mie, pergi dululah. Nanti, umi nampak Mie macam ni bising pulak dia," jerit Faremi sambil berlalu.

"DAH lama kau balik Rul?" soal Puan Haryati sambil mengambil tempat di sebelah Fakrul.

Tudung yang membalut kepalanya ditarik keluar. Kemudian dia mengibas-ngibas tubuhnya yang terasa panas. Kipas siling yang berputar terasa tidak mengeluarkan angin.

"Baru aje. Letih pun tak habis lagi ni," luah Fakrul.

Fakrul menyandarkan kepalanya ke kusyen semula. Merenung kipas siling yang berputar deras. Hatinya sarat dengan persoalan hidup yang masih dicari-cari.

"RUL! Hisy…termenung pulak dia! Uni tengah bercakap dengan kau ni." Puan Haryati menepuk tangan anaknya.

"Umi cakap apa tadi? Rul tak dengar…"

"Macam mana kau nak dengar kalau asyik termenung aje?" Puan Haryati mula membebel.

"Umi ni, mana ada Rul termenung?" naïf Fakrul.

“Ah, kau tu bukan baru semalam umi lahirkan. Dah berpuluh tahun, Rul. Umi dah masak benar dengan perangai kau!”

Puan Haryati menghentikan kata-katanya. Nafasnya ditarik perlahan. Wajah Fakrul yang kurus ditatapnya.

“Sampai bila kau nak ingatkan Azura lagi?” keluh Puan Haryati berat. Rasanya sudah berhari-hari Fakrul dinasihati, tetapi anaknya itu tetap begitu.

“Rul naik ke bilik dululah umi. Badan Rul letih sangat. Semalam tak cukup tidur.”

“Umi baru aje nak cakap sikit, mulalah kau nak mengelak.” Puan Haryati berleter lagi.

Fakrul tidak jadi bangun. Wajahnya betul-betul nampak bosan dengan karenah uminya.

“Okey umi, Rul minta maaf,” ucap Fakrul tenang.

Puan Haryati berhenti membebel. Wajah anak sulungnya yang berusia 27 tahun itu direnung seketika. Dia tahu, sedegil-degil Fakrul, hatinya mudah lembut. Jangan pulak Faremi! Kalau dibebel, ada sahaja yang dijawabnya. Tetapi Puan Haryati tahu, Fakrul masih marahkannya. Fakrul sengaja tidak mahu berbicara tentang Haziqah.

“Apa yang umi nak cakap?” soal Fakrul perlahan mengembalikan Puan Haryati ke dunia realiti.

“Bila agaknya kau nak bawa Ziqa ke sini?”

Fakrul mula meletakkan fokus pandangannya ke kaca televisyen yang kosong. Bagaimana dia mahu menjawab soalan itu? Lama juga dia terdiam.

“Jawab soalan umi ni, Rul? Bila kau nak bawa Ziqa ke sini? Sampai bila kau nak tinggalkan dia di kampung tu? Ziqa tu isteri kau!”

Fakrul menelan air liur. Otaknya mula berselirat dengan pelbagai soalan. Dia menunduk lama. Tiba-tiba Fakrul bangun dan meninggalkan uminya yang terpinga-pinga.

“Hei, umi tak abis cakap lagi ni!”

“AWAK tengoklah tu bang! Apa nak jadi dengan anak kita tu?” bentak Puan Haryati apabila dia mula menyedari kehadiran Tuan Fuad di situ.

“Apa yang tak kena dengan awak ni?”

“Anak abang tulah. Entah apa yang nak jadi dengan dia, tak tahulah Yati!”

Tuan Fuad mencapai surat khabar di atas meja. Ingin melihat perkembangan berita di halaman utama. Sudah beberapa hari, banyak berita tentang perang yang dibaca.

“Abang dengar ke tak ni?” Puan Haryati menepuk lengan suaminya kuat.

“Dengar! Awak yang tak habis-habis membebel tentang Fakrul tu, kenapa?”

Puan Haryati mengeluh.

“Itulah. Dari dulu lagi abang dah cakap. Soal anak-anak jangan masuk campur. Sekarang Yati tengok apa dah jadi?” Tuan Fuad menyambung kata-katanya.

“Apa yang Yati dah buat?”

“Abang dah halang Yati supaya jangan buat keputusan melulu tentang masa depan anak-anak. Soal kahwin bukan boleh dibuat main-main. Sekarang Yati tengok sendiri, apa yang Fakrul dah buat? Bukan ke semuanya berpunca dari Yati jugak?”

“Tapi, Yati cuma nak tolong Kak Minah, bang. Niat Yati baik. Lagipun Yati tak mahu soal Azura jadi beban pada Fakrul.”

“Habis tu, Yati ingat soal Ziqa tu tak jadi beban pada Fakrul?”

Puan Haryati terdiam. Kelu lidahnya untuk berkata.

“Sudahlah Yati. Apa yang berlaku semuanya dah tak boleh nak patah balik.”

“Habis, apa yang Yati kena buat? Berdosa kalau dibiarkan Fakrul terus berperangai macam tu? Tak elok diseksanya anak Kak Minah macam tu. Yati pun rasa berdosa bang. Kita dah banyak terhutang budi pada Kak Minah. Takkan begini caranya kita nak balas semua budi Kak MInah pada kita?”

Tuan Fuad membisukan diri. Benar juga kata-kata isterinya itu. Aminah pernah membantunya satu waktu dahulu. Ketika itu, Tuan Fuad kesempitan duit setelah berkahwin dengan Puan Haryati di Kampung Sri Gambut. Akibat kesempitan itulah, Aminah yang tinggal bersebelahan dengan rumah sewanya itu sanggup membantu dengan menggadaikan barang-barang kemas yang ada.

Dengan duit itulah, Tuan Fuad membuka perniagaan sendiri. Setelah mendapat pulangan yang agak memberangsangkan, barulah Tuan Fuad menebus segala hutangnya pada Aminah. Sehinggalah Aminah pula ditimpa susah setelah kematian suami dan akhirnya sanggup menjadi pembantu rumah di banglonya.

“Macam mana ni, bang?”

Tuan Fuad mengeluh kecil. “Nantilah kita fikirkan sama-sama. Buat masa ni, biar marah Fakrul reda dulu.”

“Tapi dah empat bulan!” ujar Puan Haryati risau.

“Tak apalah. Nanti ada masa lapang kita ke rumah Kak Minah. Kita bincang dengannya elok-elok.”

Bab 9

Dari jauh, Melati sudah nampak kelibat Haziqah berjalan seolah-olah ingin menuju ke rumahnya. Dahi Melati mula berkerut. Entah apa pula malang yang bakal Haziqah bawa ke rumahnya pagi itu. Benci sungguh Melati melihat gadis yang dirasakan pesaingnya itu.

Tetapi apabila memikirkan nama Haziqah yang sudah mula menjadi sebutan akibat fitnah yang tersebar beberapa bulan yang lalu, Melati terasa sedikit gembira. Sekurang-kurangnya Haziqah tidak sudah menjadi kebanggaan anak-anak penduduk kampung lagi.

“Assalamualaikum kak,” sapa Haziqah apabila dia sudah tiba di hadapan tangga tempat Melati berdiri.

“Hoi, kau buat apa datang rumah aku ni?”

“Mak suruh hantar makanan ni untuk Kak Ati dan makcik.” Haziqah menjawab perlahan.

“Kan aku dah cakap, jangan jejakkan kaki kau kat tanah bapak aku ni. Kau pekak ke? Tak paham bahasa!” Melati menjerit kuat.

Haziqah terkejut. Sewaktu kecil-kecil dahulu, dia amat takut dengan Melati yang tiga tahun lebih tua daripadanya. Haziqah ingat lagi wajah bengis Melati yang memaki hamunnya sewaktu menerima berita pertunangannya dengan Yusri. Haziqah dituduh sebagai perampas.

“Dasar keluarga tak tahu malu! Ayah aku dahlah mak kau rampas. Lelaki yang aku suka pun kau nak jugak. Perempuan dalam keluarga kau memang semuanya tak berguna!” Cercaan Melati suatu masa dulu bagaikan berdesing di telinganya.

“Hoi, yang kau tercegat macam tiang buruk tu kenapa? Pergi balik!” jerit Melati.

“Err…Kak Ati…”

“Jangan panggil aku kakaklah. Aku bukan kakak kau dan aku tak ingin ada adik macam kau. Perampas!”

Haziqah terdiam sejenak. Kata-kata Melati mengguris perasaannya. Selama ayah kandung Melati meninggal dunia, Melati dan Mak Senah tidak pernah menunjukkan tanda-tanda mahu berdamai. Pelbagai tuduhan dilemparkan apabila terserempak dengannya. Tapi kenapa? Adakah ayah Melati pernah berkahwin dengan emak? Kalau ya, kenapa aku tidak pernah tahu?

“Sudahlah. Jangan nak termenung kat sini pulak. Pergi balik!”

“Mak Ziqa kirim lauk untuk akak dengan makcik,” ucap Haziqah lagi penuh berhati-hati. Tangan kanannya menghulurkan mangkuk berisi kari ayam dan sayur kangkung goreng. Namun, Melati hanya mencebikkan mulutnya. Malah, mangkuk yang dihulurkan itupun tidak disambut.

Haziqah mendengus kecil. Perlahan-lahan meletakkan mangkuk ke atas tanah. Kemudian kakinya mula melangkah untuk pulang.

“Hoi…aku tak naklah lauk keluarga kau ni! Entah-entah ada racun dalam tu!” Melati berkata kuat.

Haziqah tidak menghiraukan kata-kata Melati. Dia terus berjalan. Kalau diikutkan hati, dia tidak mahu langsung datang ke situ. Tetapi, di atas arahan ibunya, dia terpaksa menurut. Tambahan pula itu sahaja caranya untuk dia berbaik-baik semula dengan emaknya.

“Dasar perempuan kotor! Patutlah Yusri tu tinggalkan kau! Dah tak suci pun ada hati nak berkahwin dengan orang kaya. Kau ingat dengan cara tu, nama kau akan kembali bersih? Jangan haraplah Ziqa!”

“Kak Ati jangan hina maruah Ziqa!” jerkah Haziqah sambil berpaling.

“Apa tak betul ke kata-kata aku tadi?”

“Sudahlah. Malas Ziqa nak layan Kak Ati. Merepek tak sudah-sudah!” ucap Haziqah dan terus berlalu pantas.

“Perempuan miang! Mak dengan anak sama aje.”

Telinga Haziqah sempat mendengar sumpah seranah yang dilontarkan oleh Melati berserta balingan di belakangnya. Pasti Melati sedang melambakkan lauk pemberian ibunya ke tanah seperti selalu.

“KENAPA dengan kau ni, Ati? Terpekik-pekik tak tentu pasal ni?” Sayup-sayup Haziqah terdengar suara Mak Senah memarahi Melati.

“Ni hah, mak. Keluarga tak tahu malu tu, hantar lauk lagi,” jawab Melati.

“Alah…biarkan ajelah kat situ. Yang kau sibuk-sibukkan sangat tu, pasal apa? Nanti, pandailah ayam-ayam kita ni makan.”

Haziqah memanjangkan langkah. Hatinya dibalut rasa pilu yang dalam. Tanpa disedari, air matanya mengalir hiba. Sampai hati mereka! Bisik Haziqah.

SAMPAI sahaja di rumah, Haziqah terus mengurungkan diri di dalam bilik. Dia mahu bersendirian. Memikirkan nasib diri yang sering diperkatakan oleh penduduk-penduduk kampung.

“Nasib baik anak aku tak jadi kahwin dengan dia. Kalau tak, aku tak tahu apa akan jadi.” Kata-kata ibu Yusri pula kedengaran. Begitu merobek hatinya.

“Kau dah tak suci. Memang patut kau dihukum gantung tak bertali. Baru sesuai dengan keturunan kau!”

Haziqah menekup telinganya. Dia menggeleng-geleng. Tidak tahan dengan tuduhan yang diterima.

“Aku masih suci! Kenapa tak ada orang yang percayakan aku? Kenapa?” rintih Haziqah bersama tangisan.

Perlahan-lahan Haziqah bangun. Pandangannya ditebar jauh ke tengah laman rumah yang kosong. Segala keindahan yang pernah dipuja bagaikan sudah hilang. Sepi dan hanya menambahkan kesayuan di hatinya.

“Ayah! Betul ke ini dugaan untuk Ziqa?” Entah mengapa Haziqah terkenangkan arwah ayahnya, Hassan.

“Tapi apa kelebihan yang ada pada Ziqa sehingga ALLAH menduga Ziqa sebegini? Ziqa tak mampu menanggungnya seorang diri ayah. Kalaulah ayah ada, mesti ayah tolong Ziqa, kan? Mesti ayah sokong dan tak tuduh Ziqa macam mereka?” Haziqah menundukkan wajahnya pula.

“Mak…kenapa mak terlalu percaya dengan mereka? Mak sedar tak yang Ziqa memerlukan mak waktu ni. Tapi, mak tak faham! Ziqa telah difitnah mak. Semua yang dikatakan oleh orang kampung hanyalah fitnah semata-mata,” luah Haziqah sendiri.

Haziqah terjelepuk ke lantai bilik. Akhirnya dia terlelap di situ. Membiarkan kesedihan di hatinya pergi untuk seketika.

Bab 10

ZIQA, kenapa berkurung aje dalam bilik tu?” suara Aminah yang kedengaran dari luar pintu bilik telah mengganggu tidur Haziqah.

“Buka pintu ni Ziqa. Keluar cepat!” arah Aminah lebih kuat dari tadi.

Pantas Haziqah menarik daun pintu biliknya. Dia hanya menunduk lesu.

“Pergilah ke depan. Puan Yati dan Tuan Fuad datang tu,” ujar Aminah pendek.

“Kenapa mereka datang?” tanya Haziqah terkejut.

“Jangan banyak tanya. Mak kata keluar…keluar!” ucap Aminah dan terus berlalu ke dapur.

Haziqah membatukan diri. Petanda apa pula bekas majikan emaknya itu datang ke rumah? Mahu membawa perkhabaran apa agaknya? Tanya Haziqah di dalam hati. Aku telah diceraikankah? Haziqah cuba meneka-neka.

“Bagus juga! Aku pun tak ingin menjadi isteri sesiapa lagi,” bisik Haziqah bersungguh-sungguh.

Tanpa menunggu lama Haziqah berjalan ke ruang tamu rumahnya.

“Assalamualaikum makcik, pakcik,” sapa Haziqah.

Puan Haryati dan Tuan Fuad terkejut dengan teguran itu. Mereka memandang Haziqah sambil serentak menjawab salam.

“Makcik apa khabar?” soal Haziqah sambil menghulurkan tangan lalu diciumnya tangan wanita itu.

“Sihat. Alhamdulillah, umi sihat Ziqa! Kau pula apa khabar?” tanya Puan Haryati pula. Sempat mengusap kepala Haziqah yang bertudung.

Haziqah terdiam. Umi? Begitu janggal perkataan itu menampar ke telinganya.

“Ziqa sihat. Pakcik sihat?” Haziqah mengalihkan pandangan ke arah Tuan Fuad pula.

“Janganlah panggil pakcik. Kita kan dah jadi keluarga. Panggil abah lebih mesra.”

Haziqah hanya membisu sambil tersenyum tawar.

“Duduklah sini,” pelawa Puan Haryati. Sejenak, dia memerhatikan tubuh Haziqah yang agak kurus. Wajah itu nampak cengkung.

“Tak apalah. Ziqa duduk di sini aje,” ucap Haziqah sambil duduk di atas lantai berhampiran kerusi yang diduduki oleh Tuan Fuad dan Puan Haryati.

“Fakrul tak dapat datang. Dia ada kerja di pejabatnya.” Puan Haryati memulakan perbualan.

Haziqah hanya mengangguk tanda faham. Tindakannya itu membuatkan Puan Haryati rasa pilu. Dia tiba-tiba bangun lalu menuju ke arah Haziqah. Tubuh gadis itu dipeluk erat.

“Umi minta maaf Ziqa. Umi tahu Ziqa terseksa. Umi tak sangka Fakrul sanggup buat Ziqa macam tu. Maafkan umi.” Puan Haryati menangis.

“Umi dah cuba nasihatkan Fakrul tapi dia tak mahu dengar. Umi tak tahu nak buat macam mana lagi Ziqa!” sambung Puan Haryati apabila tiada apa-apa respon daripada Haziqah.

“Tapi, Ziqa jangan risau. Walau apapun yang berlaku, umi akan tetap menjaga Ziqa sebagai menantu umi. Percayalah.”

“Tapi, tak ada sesiapa pun yang percayakan Ziqa. Semua orang menganggap Ziqa gadis yang tak bermaruah. Ziqa tak tahu nak pergi mana lagi,” balas Haziqah. Air matanya sudah gagal dibendung. Dia terus tersedu-sedu di bahu Puan Haryati.

“Sabar Ziqa, sabar.”

“Ziqa tak buat perkara tu, umi. Ziqa bersumpah!”

“Umi tahu. Umi percaya.”

“Tapi, mak tak percayakan ZIqa. Sue pun dah tak nak berkawan dengan Ziqa lagi. Begini ke caranya mereka menghukum Ziqa?”

Puan Haryati terkedu mendengar luahan Haziqah. Dia kehilangan kata-kata. Dia memandang Tuan Fuad seolah-olah dengan cara itu dia dapat kekuatan untuk memujuk Haziqah.

“Kalau diikutkan hati, Ziqa rasa macam nak lari! Biar Ziqa seorang yang tanggung semuanya. Tak perlulah mak turut difitnah oleh penduduk kampung. Tapi, Ziqa tak ada kekuatan. Ziqa tak sampai hati nak tinggalkan mak sorang-sorang kat sini,” jelas Haziqah lagi.

Waktu itu, Puan Haryati sudah melepaskna pelukan. Wajah lencun Haziqah begitu memilukan.

“KAU nak lari sangat, pergilah!” Entah sejak bila Aminah berada di ruang tamu itu tidak pula disedari oleh Haziqah.

Haziqah terus menunduk. Menelan kata-kata Aminah dengan perasaan sebak. Puan Haryati terus diam. Apatah Lagi Tuan Fuad yang memang sejak tadi tidak bersuara.

“Kak Minah, tak baik cakap macam tu!” pintas Puan Haryati tiba-tiba.

“Apa yang tak baiknya? Dia dah menconteng arang ke muka aku. Yang malunya siapa? Aku Yati! Aku yang malu berdepan dengan orang kampung!”

“Tapi, Ziqa tak buat semua tu kak! Tak baik menuduh tanpa bukti yang kukuh.” Puan Haryati menyangkal.

“Kalau dia tak buat, macam mana cerita tu boleh wujud?” ujar Aminah sambil meletakkan dulang berisi minuman di atas meja.

“Fitnah orang, siapa yang tahu.” Puan Haryati menoleh ke arah Haziqah. Kelihatan gadis itu sedang mengesat air matanya. Simpatinya semakin menebal.

“Saya sebagai orang luar pun percaya dengan Ziqa. Kenapa akak yang lebih dekat dengan Ziqa tak mahu percayakan dia? Bukan ke Ziqa tu anak akak jugak!”

“Aku tak ada anak macam dia!”

“Mak!” Haziqah menjerit. Seolah-olah tidak percaya dengan kata-kata yang baru lahir dari mulut emaknya.

“Tak payahlah kau panggil aku mak lagi. Aku tak ada anak macam kau!” pantas Aminah memotong.

Haziqah terkedu di situ lama. “Kalau itu yang mak nak…Ziqa ikutkan. Ziqa akan keluar dari rumah ni. Sekarang jugak!”

Puan Haryati dan Tuan Fuad tersentak dengan kenyataan yang baru didengari itu. Haziqah pula sudah berlalu meninggalkan ruang tamu.

“Ziqa!” panggil Puan Haryati.

Aminah hanya menunduk. Tidak langsung menghalang atau membantah tindakan anaknya.

Tidak lama kemudian, Haziqah keluar bersama beg pakaiannya. Dia terus berjalan menuju kea rah Aminah dan duduk berteleku di hadapan ibunya.

“Maafkan segala kesalahan Ziqa! Ampunkan dosa-dosa Ziqa dan halalkan makan minum Ziqa sepanjang hidup Ziqa di bawah asuhan mak!” luah Haziqah sambil memeluk kaki Aminah erat-erat. Tetapi tiada respon daripada Aminah. Wanita itu hanya mematungkan diri.

“Ziqa pergi dulu, mak!” Haziqah bangun dan melangkah pergi.

“Bang, macam mana ni? Takkan nak biarkan macam ni aje!” Puan Haryati gelisah.

“Kita bawa Ziqa ke rumah kita, Yati. Abang rasa itu yang terbaik!” bisik Tuan Fuad ke telinga Puan Haryati.

Wanita itu segera mengangguk setuju.

“Pergi panggil Ziqa cepat! Kita balik sekarang!”

“Macam mana dengan Kak Minah, bang?”

“Kita biar marahnya hilang dulu. Nanti kita fikirkan jalan penyelesaiannya.”

Hanya beberapa saat sahaja, kereta Perdana V6 milik Tuan Fuad sudah menghilang dari halaman rumah Aminah. Mereka ingin mengejar Haziqah.

Di dalam rumah, Aminah tiba-tiba saja gagal menahan sebak. Air matanya gugur tanpa disedari. Bagai menangisi pemergian Haziqah di dalam diam. Maafkan mak, Ziqa! Mak buat semua ni adalah untuk kebaikan kau. Maafkan mak! Semoga hidup kau akan lebih berbahagia selepas ni.

Bab 11

F
akrul mengecilkan kelopak matanya apabila fokus penglihatannya tertumpu kea rah seorang doktor yang sedang berjalan ke arahnya itu. Fakrul bingkas dari sofa yang tersusun rapi di ruang legar itu.

"Apa khabar Rul? Lama tak dengar cerita? Kenal aku lagi tak?" Lelaki yang kelihatan segak dengan jubah putih di hadapannya mengukir senyuman.

"Weh kau! Hampir tak kenal aku dibuatnya. Kau kata tadi, lambat sikit?" Fakrul menghampiri Amirul.

"Aku *handle* satu kes suspek TiBi."

"TiBi?" Fakrul seolah-olah terkejut. Tetapi, dia sudah sedia maklum dengan tugas Amirul yang terdedah dengan pelbagai kes dan penyakit.

"Eh, jomlah kita ke kafe. Kita sembang panjang-panjang," Amirul mempelawa.

"Kau kan *on duty* sekarang ni?"

"Sekarang waktu rehat akulah. Takkan nak bekerja sepanjang hari sampai tak makan. Aku bukan macam kau!" jawab Amirul selamba.

Fakrul hanya menjeling mendengar kata-kata sinis teman seuniversitinya itu. Sedangkan Amirul sudah ketawa terbahak-bahak apabila terpandangkan wajah Fakrul yang keruh.

"Kau dan Radiah apa khabar?" Fakrul menyoal ketika mereka sudah selesai memesan makanan di kafeteria.

"*Well…as you see,* aku sihat. Alhamdulillah, isteri aku pun sihat."

“Baguslah. Tengok dari air muka kau pun aku dah dapat agak. Kalau tak sihat, tak sesuai pulak dengan status kau sebagai doktor, kan?” gurau Fakrul.

“Eh, doktor pun manusia jugak. Ingat semua doktor wajib sihat ke?” ujar Amirul membetulkan kenyataan Fakrul itu.

“Kau bila nak kahwin Rul? Takkan sampai sekarang pun kau tak dapat pengganti lagi?”

Pertanyaan Amirul itu membuatkan Fakrul terpana seketika. Tak semena-mena Fakrul terbayang wajah Haziqah. Walaupun raut itu nampak samara-samar.

“Kalau mengikut hukum, isteri yang ditinggalkan suami lebih dari tiga bulan tanpa memberi nafkah zahir dan batin maka isterinya itu layak meminta fasakh! Maka jika jatuh talak, isterinya itu tidak akan melalui tempoh edah.” Fakrul teringat kata-kata yang pernah diucapkan oleh ustazah di sekolahnya dahulu.

Dia tiba-tiba memikirkan kemungkinan yang berlaku padanya di atas kata-kata ustazahnya itu. Apakah perkahwinan aku masih sah? Fakrul tertanya-tanya sendiri.

“Kau ni kenapa Rul? Tak sihat?” soalan Amirul amat memeranjatkan dan doktor itu berkira-kira untuk bangun memeriksa Fakrul.

“Eh, tak adalah.”

“Habis tu yang kau tiba-tiba senyap aje. Kenapa?”

“Tak ada apa-apa,” jawab Fakrul pendek.

Amirul hanya memerhati Fakrul. Lama dia begitu. Merenung teman yang kelihatan suram.

“Apasal pandang aku macam tu?” giliran Fakrul pula bertanya.

“Itulah kau. Asyik memikirkan kerja aje. Tengok tu, diri sendiri pun tak terurus,” ujar Amirul sambil menyedut minuman bersusu di hadapannya.

Keluhan Fakrul tercetus perlahan. Fikirannya mula tertumpu kepada Amirul.

“Habis, kau rasa apa yang patut aku buat?” soalnya.

“Kahwin Rul. Aku rasa itu aje ubatnya.”

Fakrul terseyum tawar. Lelaki yang baru mendirikan rumah tangga enam bulan lalu itu ditenung seketika. Kahwin? Begitu mudah temannya itu berkata-kata. Sedangkan ketika itu Amirul tidak tahu bahawa dirinya juga sudah beristeri. Cuma isterinya itu seolah-olah ada di dalam tiada.

“Kau tu jual mahal sangat. Bukannya aku tak kenal kau. Sejak di universiti lagi, peminat kau ramai!”

“Itu dulu! Sekarang dah lain.” Tangan Fakrul bermain-main di hujung straw. Matanya juga tertumpu di situ. Wajah lembut Azura menerpa ke ingatannya lagi. Melenyapkan bayangan Haziqah secara tiba-tiba.

"HELO…" suara di hujung talian kedengaran lagi. Mungkin menyangka di talian tiada sesiapa.

"Helo, sayang! Tengah buat apa tu?" soal Fakrul.

"Haa…apa halnya *you* telefon *I* malam-malam ni? Dah tak boleh nak tunggu hari esok ke?" soal Azura.

Fakrul tersenyum. Dia tidak kisah cara percakapan Azura yang seolah-olah tidak mahu melayannya.

"Cakaplah cepat! *I* mengantuk ni. Nak tidur," ucap Azura sedikit tegang.

"*I* rindu kat *you*. Kita jumpa ya? *I* ada hal nak bincang dengan *you*," luah Fakrul separuh berbisik.

Fakrul ingin memberi kata putus. Dia ingin Azura menjadi surinya dalam masa yang terdekat. Dia tidak mahu perkahwinan mereka ditangguh-tangguhkan lagi.

"Kan pagi tadi kita dah jumpa. Lagipun esok *I* ada hal kat Pahang."

"*You* nak pergi Pahang? Berapa lama?" Fakrul mengeluh berat.

"Tak tahu lagi. Mungkin dua atau tiga hari."

"Kenapa tak beritahu *I*? *At least, I* boleh *apply* cuti. Kita ke Pahang sama-sama."

"Tak apa. *I* dah *book ticket*. Esok *I* bertolak."

"*So…I* tak boleh jumpa *you* ke malam ni?"

"*I* letih Fakrul. Tolonglah faham."

"Azura, *please*…perkara ni penting. *I* kena beritahu *you* malam ni jugak."

"*Sorry, I* nak tidur." Azura menengking kuat.

"Azura…mak *I* dah tanya pasal kita. *Please…I* perlukan jawapan *you* malam ni jugak," desak Fakrul lagi.

"I masih fikirkan hal ni. Nantilah *I* berikan *you* jawapannya." Azura menjawab acuh tak acuh.

"Sampai bila *you* nak *I* tunggu lagi? *I* dah tak boleh sabar. *I love you so much…and you know that*!" luah Fakrul kuat.

"*I knew that. But you must understand, Fakrul! I* tak boleh serahkan hidup *I* pada *you* sesuka hati." Suara Azura sudah berbaur tidak senang.

"Okeylah. *I* bagi *you* sedikit masa lagi. Tapi, jangan kecewakan hati *I*," kata Fakrul.

"KAU masih ingatkan perempuan tu?" pertanyaan Amirul membuatkan lamunan Fakrul terhenti.

"Siapa?"

"Azura. Kau masih cintakan dia, kan?" Amirul mengulangi soalannya.

“Rul, aku tahu Azura cinta pertama kau. Tapi, kalau dia dah tak suka kat kau, buat apa kau nak ingatkan dia lagi. *Just wasting your time*.” Mata Amirul memandang tepat ke arah Fakrul yang kelihatan lesu.

Seingatnya dahulu, Fakrul adalah lelaki yang menjadi pujaan ramai gadis seuniversiti. Apalagi yang Fakrul nak fikirkan? Pilih saja gadis yang lain!

“Kau sendiri tahu, sejak dulu lagi, aku memang tak suka kau dengan Azura tu ber*couple*. *First impression* aku masa baru kenal dengan dia pun, aku rasa dia bukan perempuan yang baik.” Amirul mula berterus-terang.

“Ah, itu cuma tuduhan orang. Kau tu yang suka sangat dengar cakap orang. Lagipun kau tak kenal Azura tu betul-betul.”

“Mata kau yang sebenarnya buta. Azura tu memang baik masa kau mula-mula kenal. Tapi, dia kena *culture shock* bila lama-lama terdedah kat Kuala Lumpur ni. Sebab tu Azura tu berubah hati.”

Fakrul diam membisu.

“Lupakan dia Fakrul. Banyak lagi gadis yang lebih hebat daripada Azura yang boleh kau cintai. Setakat Azura tu, aku rasa sebesar jari kelingking pun kau tak rugi kalau dia pergi. Hah, kalau kau nak, aku boleh kenalkan. Kat hospital ni, ramai *nurse* yang cun dan muda-muda. Tak payahlah kau risau.”

“Alah kau ni, ada-ada aje.”

“Eh betul! Aku tak tipu kau!”

Fakrul buat-buat ketawa.

“Kau jangan ingat aku bergurau Rul.”

“Aku tahu. Engkau tu semuanya serius.”

“Kalau kau nak, aku boleh Diah carikan. Kat Kampung Sri Gambut tu ramai gadis yang cantik dan baik-baik. Aku pun ada kenal dua tiga orang kat sana. Ada seorang tu tak silap aku, baru aje kahwin tiga bulan lepas. Tapi kesian! Kerana fitnah, dia tak jadi kahwin dengan tunangnya. Lelaki yang berkahwin dengannya untuk menutup malu pun dah tinggalkan dia.”

“Kat mana?” pantas Fakrul bertanya.

“Kampung Sri Gambut. Tempat Diah bertugas sekarang ni.”

Fakrul terpana.

Bab 12

“ZIQA, kita dah nak sampai! Jom umi bawa Ziqa ke dalam.” Pintu kereta di tempat duduk Haziqah dibuka. Berharap Haziqah menuruti kata-katanya.

“Masuklah Ziqa! Buat macam rumah sendiri. Jangan malu-malu,” ucap Puan Haryati lagi. Tuan Fuad sudah berlalu ke dalam rumah.

“Ziqa duduklah dulu. Umi nak ke dapur. Nanti umi siapkan bilik untuk Ziqa. Beg baju Ziqa tu, letakkan kat tepi dinding tu. Nanti umi suruh Faremi angkatkan.”

“Tak payahlah susah-susah umi. Ziqa ni macam menyusahkan aje.” Haziqah merendah diri.

Puan Haryati sekadar tersenyum. Dia hanya berdiri di sisi Haziqah. Faremi yang baru tiba di ruang tamu itu sedikit terkejut dengan kehadiran Haziqah. Seingatnya, abah dan umi hanya memberitahu tentang pemergian mereka ke Kampung Sri Gambut. Tidak pula dinyatakan bahawa Haziqah akan tinggal bersama mereka.

“Hah, Mie…pergi salam dengan Kak Ziqa tu. Kejap lagi bawak beg Kak Ziqa masuk ke dalam bilik,” arah Puan Haryati.

“Bilik yang mana umi? Kat atas ada tiga bilik aje. Bilik umi dengan abah, bilik Mie dengan bilik…” Faremi teringatkan bilik Fakrul. Kemudian dia mengangguk tanda faham.

Faremi menuju ke arah Haziqah. “Akak apa khabar?” Faremi sekadar berbasa-basi.

“Sihat.”

Haziqah berasa kaku seketika. Sejak di dalam kereta, hatinya berbaur-baur. Betulkah tindakannya menurut kata-kata Puan Haryati dan Tuan Fuad supaya tinggal bersama mereka?

Apabila sudah tiba di banglo yang agak mewah itu, Haziqah terasa menyesal pula. Bagai terbayang-bayang wajah Aminah yang ditinggalkan keseorangan.

“Kenapa Kak Ziqa datang ke rumah kita, umi? Berapa lama dia akan tinggal kat sini?” soal Faremi ketika Puan Haryati sedang sibuk di dapur.

“Mie tengok dari air muka Kak Ziqa tu macam ada masalah aje. Kenapa?” Faremi terus bertanya walaupun soalannya tadi belum lagi berjawab.

“Umi rasa Kak Ziqa kau tu akan tinggal lama di sini. Umi pun tak pasti!”

“Tinggal kat bilik along ke?”

“Habis? Takkan nak suruh dia tinggal kat bilik kau?”

Faremi tersengih.

“Kak Ziqa tu isteri along kau. Apa salahnya seorang isteri tinggal sebilik dengan suaminya.”

“Tapi…umi bukan tak tahu dengan sikap along tu. Asyik naik angin aje. Kalau dia tahu Kak Ziqa tinggal sebilik dengannya lagilah dia marah.”

“Umi harap semuanya akan berubah Mie,” kata Puan Haryati penuh mengharap.

“UMI harap Ziqa akan selesa tinggal di sini. Kalau Ziqa perlukan apa-apa, beritahu aje pada umi,” ujar Puan Haryati sambil menarik tangan Haziqah menuju ke katil.

Gadis itu tidak banyak bicara. Dia lebih suka memerhati ruang kamar yang hening dan agak luas itu. Dia bagaikan terlupa rumah itu juga kepunyaan Fakrul.

“Ziqa berehatlah dulu. Kejap lagi nak solat, panggil umi. Nanti umi bagi sejadah dan tunjukkan arah kiblat,” kata Puan Haryati mesra.

Haziqah hanya mengangguk.

LEWAT malam itu, Fakrul balik dengan riak-riak keletihan. Kepulangannya disambut oleh Puan Haryati dan Tuan Fuad. Mereka memang menunggu kepulangan Fakrul sejak dari tadi lagi.

“Umi dan abah nak bercakap dengan kau sekejap, Rul. Ada perkara penting yang perlu kami beritahu!” Puan Haryati bersuara sedikit tegas.

Jam di dinding ruang tamu sudah menunjukkan ke angka 11.00 malam. Namun, Puan Haryati dan Tuan Fuad kelihatan masih segar.

“Duduk di sini dulu. Dengar apa yang kami nak cakapkan!” arah Puan Haryati lagi.

“Penting sangat ke? Mata Rul dah ngantuk ni. Esok ajelah kita bincang,” soal Fakrul sambil merenung umi dan abahnya bersilih ganti.

“Tak. Ini soal kehidupan kau dan…”

“Ziqa? Tak habis-habis dengan Ziqa! Rul dah bosan tau tak? Setiap hari asyik dengar nama dia aje,” pinta Fakrul pantas.

“Tak elok menengking tak tentu pasal, Rul! Cuba dengar dulu apa yang kami nak cakapkan ni?” tegur Tuan Fuad pula.

“Esok ajelah abah. Rul nak tidur.” Tanpa menunggu lama, Fakrul terus melangkah meninggalkan ruang tamu.

SELESAI mengerjakan solat Isyak, Haziqah duduk berteleku di atas sejadah menghadap kiblat. Dia turut berzikir dan berdoa agar segala penderitaannya akan berakhir. Ruang bilik tidur itu pula memang sengaja dibiarkan malap untuk mendapatkan solat yang khusyuk.

Namun, keadaan itu terganggu apabila tiba-tiba tombol pintu bilik itu ditarik dari luar. Haziqah berpaling. Lantas dia terpandang sekujur tubuh yang sedang berdiri tegak di hadapan pintu yang terbuka luas.

"Siapa?" tanya Haziqah pendek.

Tiada jawapan yang diterima. Tubuh itu sudah menapak ke dalam bilik dan kemudian memetik suis lampu. Bilik menjadi terang-benderang. Haziqah terkejut. Wajah itu cukup dikenali. Ya, ALLAH! Kenapa aku boleh terlupa tentang lelaki itu?

"Apa kau buat kat dalam bilik ni? Siapa suruh kau datang dan tinggal kat sini?" sergah Fakrul memeranjatkan Haziqah.

Gadis it uterus berdiri tegak menghadap tubuh Fakrul yang kian mendekat.

"Kau keluar!" Tiba-tiba Fakrul menjerit dengan kuat.

Haziqah terkedu. Terasa menggeletar seluruh urat sarafnya. Tubuhnya juga bagaikan menggigil. Sungguh, dia tidak tahu bilik yang diduduki itu adalah bilik Fakrul.

"Entah apa lagi yang kau nak? Tak cukup lagi ke kau menyeksa hidup aku, hah?"

"Saya tak tahu bilik ni bilik awak." Haziqah mendapat kekuatan untuk bersuara.

"Sudah! Pergi keluar!" tengking Fakrul.

PUAN HARYATI dan Tuan Fuad muncul di hadapan pintu bilik. Turut bersama mereka ialah Faremi. Masing-masing nampak kalut dan resah.

"Siapa yang suruh umi bawa perempuan ni ke sini? Siapa yang bagi dia tinggal kat dalam bilik Rul ni?" jerkah Fakrul dengan nafas yang turun naik.

Puan Haryati berjalan mendapatkan Haziqah. Gadis itu sekadar menundukkan wajah. Takut dengan tengkingan Fakrul yang seolah-olah dirasuk hantu.

"Rul! Dengar cakap umi dulu!"

"Umi ni tak habis-habis nak mengatur hidup Rul. Tak cukup lagi ke apa yang Rul dah buat untuk memuaskan hati umi? Rul ikut cakap umi untuk berkahwin dengan perempuan ni sedangkan umi tahu yang Rul tak cintakan dia." Jari telunjuk Fakrul tertuju ke arah Haziqah.

Gadis yang masih bertelekung itu hanya membisu. Kata-kata Fakrul bagaikan satu tamparan yang hebat.

"Along, bertenang! Jangan menjerit-jerit macam tu," pujuk Faremi.

“Kau senyap Mie! Pergi balik ke bilik kau! Kau jangan masuk campur dalam urusan along.”

Faremi terkesima. Melihatkan anak mata Fakrul yang mencerlang, terus menambahkan kegusaran. Perlahan-lahan Faremi berundur.

“Kau, pergi berambus! Aku tak nak tengok muka kau kat sini!” tempik Fakrul terus-terusan.

Haziqah hanya menunduk. Dia rasa bersalah kerana pergaduhan itu melibatkan dirinya. Dia menuju ke beg pakaian dan segera bergerak untuk beredar dari bilik itu.

“Kau dah melampau Fakrul! Sanggup kau menengking isteri kau macam tu?” celah Puan Haryati tiba-tiba.

“Dia bukan isteri Rul!”

“Habis, kau ingat Ziqa tu apa?”

“Dia perempuan kotor!”

Spontan tangan Puan Haryati melayang ke muka Fakrul. Dia begitu marah dengan cercaan Fakrul itu.

Fakrul terus terdiam. Puan Haryati yang sedang memandangnya turut terdiam. Sedangkan ketika itu, Haziqah sehabis daya menahan sebak.

“Kau dah melampau Fakrul! Kalau Ziqa perempuan yang tak baik, umi pun tak akan fikir untuk jodohkan kau dengan dia. Ini…belum apa-apa lagi kau dah tuduh dia macam-macam. Macam mana kau boleh kata macam tu? Cuba kau cakap?”

Kemarahan Fakrul masih belum reda. Kata-kata Puan Haryati datang berulang-ulang ke telinganya dan akhirnya menusuk ke dalam hati. Tanpa menunggu lama, dia beredar dari situ. Tangannya pantas mencapai kunci kereta.

“Fakrul!!!” Panggilan Tuan Fuad tidak dihiraukan. Dia ingin berada jauh dari rumah itu. Tapi ke mana?

Bab 13

"SUDAHLAH Kak Ziqa. Janganlah ambil hati dengan kata-kata along tu. Angin along memang macam tu. Bila dia dah okey nanti, baliklah dia." Faremi cuba memujuk kakak iparnya.

"Janganlah menangis kak."

"Mana ada akak menangis," naïf Haziqah.

"Akak tak kenal perangai along yang sebenar-benarnya. Lama-lama nanti, akak akan faham. Mie yakin!"

"Entahlah. Akak tak tahu nak ke mana lagi."

"Akak kan isteri along! Walau apapun yang terjadi, akak kena tinggal dengan along."

"Akak tak nak."

"Bersabarlah kak. Mie yakin satu hari nanti, along akan berubah," pujuk Faremi sambil bangun dan keluar dari bilik itu.

Haziqah melepaskan keluhan yang berat. Dia memerhatikan bintang-bintang di langit yang berkelip perlahan. Pandangannya mula kabur. Di manakah perginya kekuatanku? Mak, Ziqa rindukan mak! Hati Haziqah mula dipagut rasa sayu. Perlahan-lahan dia menekup wajahnya dan tanpa disedar, dia menangis sendirian.

KETUKAN bertalu-talu di pintu membuatkan Amirul yang baru hendak melelapkan mata tersedar. Amirul bingkas. Pelik juga! Takkanlah isterinya Radiah pulang ke rumah lewat malam sebegitu. Malah, baru sekejap tadi mereka berbual-bual di telefon bagi melepaskan rindu kerana sudah hampir dua minggu mereka tidak berjumpa di atas kesibukan tugas masing-masing.

Lantas Amirul mempercepatkan langkah. Mengintai di lubang kanta yang terdapat pada permukaan pintu sebelum membuka pintu yang terkunci itu.

"Mirul! Aku menganggu kau ke?" tanya Fakrul dengan suara yang hampir tenggelam timbul.

Amirul menggeleng. Dia hairan dengan kemunculan Fakrul yang tiba-tiba.

"Aku ada masalah!" Fakrul menjelaskan tujuannya.

"Masuklah dulu," pelawa Amirul.

Fakrul terus melabuhkan punggungnya di sofa di ruang tamu rumah itu.

"Aku ke dapur kejap!"

"*It's okay*. Aku tak haus."

Mendengarkan kata-kata itu, Amirul kembali duduk di hadapan Fakrul.

"Kenapa Rul? Ada apa-apa yang tak kena ke?"

"*Yupp*."

"Sampai dah tak boleh tunggu hari esok?"

Fakrul mengangguk.

"Okey. Ceritalah. Nampak macam masalah besar aje."

Fakrul mengangguk lagi tanpa sepatah kata.

"Haa…ceritalah. Nak tunggu apa lagi?" tanya Amirul tidak sabar. Waktu itu, Fakrul dilihatnya masih gelisah. Malah, keadaan fizikal lelaki itu nampak tidak terurus.

"Aku ada masalah Mirul. Aku nak kau tolong aku!"

"Ya. Aku tahu kau ada masalah. Tapi kau tak cakap lagi apa masalah kau. Macam baru bergaduh dengan bini aje! Geli hati aku," ujar Amirul sambil ketawa mengekek.

"*Come on Mirul! This is not the time to make jokes*. Fikiran aku betul-betul buntu sekarang ni dan aku perlukan bantuan aku," luah Fakrul sambil memicit jari-jemari yang terasa lenguh. Kebiasaan yang dilakukan apabila fikirannya sedang kacau-bilau.

"*Okay, tell me! What is your problem?"*

Tubuh Fakrul disandarkan ke kerusi. Kemudian, wajah rakannya ditenung sejenak.

"Sebenarnya…" Fakrul yang mula mendapat kekuatan untuk bersuara, tiba-tiba sahaja tidak jadi meneruskan ayat. Macam mana nak mula ni?

"Sebenarnya apa?" Amirul mula menggertak.

"Aku dah kahwin!"

Mendengarkan kata-kata itu, Amirul terus memandang tepat ke wajah Fakrul. Dahinya berkerut.

"*What?*"

"Sebenarnya aku dah kahwin, Mirul."

Kali ini, ucapan Fakrul itu betul-betul membuatkan Amirul yakin yang dia sebenarnya tidak bermimpi.

"Kau dah kahwin?" Amirul menyoal meminta kepastian lagi.

Fakrul mengangguk berkali-kali.

"Tipulah. Kalau kau dah kahwin, kenapa kau tak cerita kat aku pagi tadi?" kata Amirul sambil ketawa.

"Aku…aku…aku bingung! Aku buntu!" kata Fakrul lalu bangun menuju ke beranda rumah. Amirul turut mengatur langkah menuju ke situ.

"Kau serius ke, Rul?"

"Aku nampak macam bergurau ke?"

"Siapa perempuan tu?"

Fakrul melemparkan pandangan ke hadapan. Pemandangan dari rumah Amirul yang terletak di tingkat 7 Apartmen Seri Mewangi nampak begitu indah. Namun, keindahan itu langsung tidak memberikan ketenangan kepadanya.

"Kau ni biar betul, Rul! Aku macam tak percaya aje yang kau dah kahwin."

"Kenapa pulak?"

"Orang yang baru kahwin, mukanya tak macam kau sekarang ni. Untuk pengetahuan kau, orang yang baru kahwin mesti ceria, *happy* dan macam-macam lagi. Ini, tengok rupa kau aje…buat aku tak percaya langsung." Tiba-tiba Amirul ketawa kecil.

Fakrul hanya diam. Tidak berminat untuk sama-sama ketawa.

"Okey…okey…kalau betul kau dah kahwin, siapa perempuan tu?"

"Haziqah!"

"Haziqah? Macam biasa dengar nama tu."

"Perempuan yang kau cakap tinggal kat Kampung Sri Gambut pagi tadi. Kau ada ceritakan kisahnya pada aku masa kita jumpa tadi."

"*You mean Ziqa? Your wife is Ziqa?"*

Fakrul mengangguk.

"Jadi…kaulah…"

"Akulah lelaki yang tinggalkan dia selepas majlis akad nikah kami selesai."

"Ya ALLAH! Kenapa aku tak boleh agak yang kau adalah lelaki tu? Rul, apa yang kau buat ni?" Amirul menyoal dengan nada tidak percaya.

"Buat apa?"

"Kau tinggalkan Ziqa sampai dia difitnah dengan lebih teruk, kau tahu tak? Kenapa kau buat macam tu?"

"Ah, itu dah tak penting Mirul. Sekarang ni, aku ada masalah yang lagi besar!" potong Fakrul sehingga Amirul yang baru beremosi terdiam seketika.

"Apa masalahnya?"

"Ziqa dah ada kat rumah aku sekarang ni. Aku tak tahu sama ada umi aku yang bawa balik atau dia yang datang sendiri. Sekarang ni, dia ada kat dalam bilik aku."

"Ziqa ada kat rumah kau. *So*…apa masalahnya?"

"Aku tak suka! Aku benci tengok muka dia."

Amirul tiba-tiba ketawa besar.

"Kenapa kau ketawa?" tanya Fakrul hairan.

"Kau ni bodohlah Rul! Cuba kau cakap kat aku, apa sebabnya kau tak sukakan Ziqa?" tanya Amirul sambil menepuk-nepuk bahu rakannya itu perlahan.

Bibir Fakrul dirapatkan. Soalan yang baru diajukan oleh Amirul, berlegar-legar dalam otaknya. Mencari jawapan yang sesuai untuk soalan yang ditanya.

"Weh, kenapa?"

“Aku nak tumpang tidur kat rumah kau sementara waktu ni, boleh tak?”

Amirul menjungkitkan keningnya. Permintaan yang dirasakan pelik.

“Kalau aku kata tak boleh, kau mesti nak tumpang jugak, kan?”

Fakrul hanya senyap.

“Okey, kau boleh tidur sini tapi aku nak tahu sebab apa kau tak sukakan Ziqa?”

“*I’m tired. I need to rest.*” Fakrul menukar topik menyebabkan Amirul mematikan niat untuk bertanya lebih panjang.

Bab 14

MAK SENAH merenung rumahnya yang sunyi. Pintu dan tingkap masih tertutup rapat. Dia menyandarkan cangkul dan sabit di tiang rumahnya. Selepas membasuh kaki yang kotor bersalut lumpur, Mak Senah menolak pintu rumahnya.

“Eh, dah bangun ke belum budak Melati ni?” bebel Mak Senah sendirian.

Ruang tamu masih belum berkemas. Kain baju yang sudah kering, belum dilipat lagi. Hanya dibiarkan berlonggok di atas kerusi. Sah, budak ni masih tidur! Mak Senah melangkah laju ke bilik Melati. Anak daranya itu masih berselimut di atas katil biarpun remang pagi

telah jauh merangkak pergi. Melati tidur dengan nyenyak sehingga tidak menyedari kehadiran Mak Senah di situ.

"Astaghfirullahalazim…Ati! Hoi bangun! Apa nak jadi dengan kau ni? Mak pesan apa pada kau pagi tadi?" Mak Senah menggoyangkan tubuh Melati.

"Hisy…anak dara seorang ni memang tak boleh diharap betul," sambung Mak Senah lagi.

Melati membuka kelopak matanya malas. Suara lantang Mak Senah telah mengejutkannya dari tidur.

"Bangun Ati! Matahari dah tegak atas kepala. Kau masih lagi berlingkar kat atas katil ni. Apa nak jadi dengan kau ni, Ati?" ulang Mak Senah kuat.

"Alah mak ni, bising ajelah." Melati mengetap gigi.

"Manalah mulut mak tak bising. Kau tu anak dara, Ati! Tak elok kalau tidur sampai ke tengah hari. Zaman mak dulu, subuh-subuh lagi dah bangun. Jangan harap nak tidur lagi bila dah bangun pagi tu."

Mak Senah terus menuju ke tingkap bilik. Daun tingkap yang masih terkunci, ditolaknya perlahan. Cahaya matahari yang terik mula menerjah masuk. Angin yang datang terasa hangat dan suam. Melati mengerutkan dahi. Matanya terasa perit dengan cahaya itu.

"Kau ni tak pernah nak menyenangkan hati mak. Patutlah tak ada lelaki yang nakkan kau! Pemalas!" bising Mak Senah lagi.

Melati mencebik. Dia bangkit dan mula menyusun bantal-bantal yang bersepah di atas katil. Selimut yang masih menutupi tubuhnya, ditarik dan dilipat.

"Mulut mak ni tak habis-habis membebel perkara yang sama. Dulu, masa orang datang meminang Ati, kenapa mak tak nak terima?"

"Kau nak ke bersuamikan nelayan macam ayah kau tu? Pendapatan tak menentu hala. Dah tu, hidup tak terurus, ada hati nak kahwin dua." Mak Senah seolah-olah melepaskan kemarahannya.

Melati hanya selamba. Dia turun dari katil.

"Pendapatan tak menentu hala pun, dapat jugak beli tanah untuk mak. Bila ayah meninggal, pandai pulak mak tuntut hak mak daripada isteri kedua ayah tu." Melati menjawab tanpa menghiraukan Mak Senah yang sedang marah.

"Eh, kau ingat mak ni bodoh? Mak isteri pertama tahu. Semua tanah tu sepatutnya milik mak."

"Tapi, ayah hanya namakan sebahagian saja tanah tu atas nama mak. Yang selebihnya milik isteri kedua ayah tu…" kata Melati sambil duduk di birai katil.

"Yang kau macam nak berpihak pada isteri kedua ayah kau tu kenapa?" marah Mak Senah.

Melati tersengih. "Tak adalah. Eeee…mak ingat Ati ni hairan sangat harta-harta tu. Huh! Benci lagi ada. Tambah-tambah bila terpandang Ziqa tu. Rasa macam nak humban dia kat dalam laut. Biar mati macam ayah!"

Mak Senah terdiam. Terkenangkan arwah suaminya yang telah lama meninggal dunia akibat mati lemas semasa menangkap ikan di laut.

Sejurus selepas Mutalib meninggal dunia, madunya telah dihalau keluar dari kampung itu. Hasil perkahwinan arwah Mutalib dan madu Mak Senah, anak pertama pasangan itu selamat dilahirkan dan diberi nama Siti Haziqah. Dan kini, madu Mak Senah sudah menghilangkan diri. Sebelum itu, dia sempat menyerahkan Haziqah kepada Aminah. Kecoh satu kampung bercerita perihal kejadian itu.

Aminah yang masih membujang ketika it uterus mengambil keputusan untuk berkahwin. Siapa yang tahu bahawa Hassan, adik Mutalib sendiri sudi memperisterikan wanita itu. Alasannya Siti Haziqah adalah ahli keluarga mereka juga.

“Kenapa mak senyap?”

Mak Senah segera menggeleng.

“Kau bila nak mula bekerja?” soal Mak Senah tidak lama kemudian. Cuba mengalih topik.

“Malaslah.” Melati mencebikkan bibir.

“Ati, mak ni semakin hari, semakin tua. Dah tak ada kudrat nak cari duit untuk kita dua beranak.”

“Alah, satu hari nanti, mesti ada orang kaya yang meminang Ati ni. Mak jangan risaulah.” Melati tersenyum dengan angan-angannya.

“Sudahlah Ati. Jangan nak berangan! Kau tu, SPM pun tak lulus. Takkan ada orang kaya yang nak pandang kau kalau kau sendiri tak berusaha menonjolkan diri kau tu,” sindir Mak Senah.

Senyuman Melati tiba-tiba hilang apabila ibunya seolah-olah memperkecil-kecilkan keupayaannya.

“Mak ni…semua tak boleh. Orang nak berangan sikit pun tak boleh.”

“Kau sedar sikit Ati. Kat kampung kita ni, dah tak ada lelaki yang sesuai dibuat suami. Dulu, Yusri tu ada tapi kau yang tak pandai menggunakan peluang. Alih-alih, si Ziqa tu yang dipandangnya.”

Mendengarkan nama Haziqah membuatkan Melati naik menyampah. Tiba-tiba dia rasa meluat.

“Mak…Ziqa tu pakai minyak senyonyong. Sebab tu, Yusri tak dapat bezakan Ati ni lagi cantik daripada Ziqa!” luah Melati geram.

Mak Senah tersenyum. Hati Melati sekeras hatinya. Amat pantang jika barang milik sendiri dirampas oleh orang lain.

“Tapi, apa yang nak dihairankan sangat? Yusri kan tak jadi kahwin dengan Ziqa. Ati masih ada peluang…” sambung Melati penuh harapan.

Bab 15

"MACAM MANA? Boleh terima syarat prinsipal saya?" Gadis di hadapan Fakrul dan Stephen bertanya sambil memandang sekilas ke wajah anak muda yang masing-masing kemas berbaju kemeja itu. Stephen menoleh ke arah Fakrul. Lelaki itu hanya senyap sejak tadi. Pantas Stephen menyiku lengan Fakrul menyebabkan lelaki itu tersentak.

"Kenapa?"

"Kau ni…termenung ke apa?" soal Stephen pelik.

Gadis yang berada di hadapan mereka hanya tersenyum. Fakrul segera melepaskan keluhan.

"Kalau nak termenung, bukan sekarang waktunya, okey. Tunggu dah sampai *office* nanti."

"*Sorry*…" ucap Fakrul.

"Awak berdua berbincanglah dulu. Saya nak ke *ladies* sekejap." Gadis itu bangun. Sengaja memberi peluang kepada kedua-dua anak muda itu untuk berbincang sebelum membuat keputusan.

"Kau fikirkan apa, Rul? Dari tadi aku nampak kau macam bukan dengan kami," tanya Stephen sambil menyedut minuman sejuk di hadapannya.

Fakrul mengeluh lagi. Matanya meliar ke ruang restoran yang agak lenggang pagi itu.

"Kalau kau tak sihat, kenapa kau datang kerja? Mintalah cuti. Aku boleh *handle appointment* ni." Stephen menambah.

Fakrul senyap. Masih memikirkan masalah yang menimpa hidupnya.

"Kita ni sedang bekerja. Jangan campur adukkan hal peribadi dengan hal kerja.," nasihat Stephen lagi.

Fakrul pantas meneliti butir-butir perjanjian. Helaian kedua perjanjian diselak dan diteliti lama.

"Semua syarat ni biasa-biasa aje. Kat mana-mana projek pun aku jumpa butir-butir yang sama." Fakrul menghulurkan fail itu kepada Stephen semula.

"Jawapan kau macam tak ada perasaan aje nak menguruskan projek ni! Kenapa? Sebab pegawai tu seorang perempuan?" Stephen meneka.

Fakrul tidak menjawab. Hanya menjungkitkan bahunya. Gadis itu tiba di meja semula.

"Okeylah Cik Nancy. Kami dah berbincang dan rasanya semua syarat ni kami boleh terima."

Stephen memandang tepat gadis hitam manis di hadapannya itu. Biarpun Nancy berbangsa Cina, namun kulitnya nampak sedikit gelap.

"Kalau macam itu, bila agaknya projek pembinaan *resort* tu boleh dimulakan?" soal Nancy ingin tahu, loghat Cinanya masih kedengaran.

Stephen menoleh ke arah Fakrul. Meminta Fakrul memberikan jawapan.

"Buat masa ni, saya masih mengendalikan sebuah projek di Sungai Besi. InsyaALLAH projek tu dalam proses nak menamatkan fasa akhir. Jadi, projek pembinaan *resort* ni, mungkin akan dimulakan selepas projek kat Sungai Besi tu tamat," jawab Fakrul serius.

Stephen hanya mendengar. Wajah Nancy sejak tadi menjadi perhatiannya.

"Kalau macam tu, saya minta diri dululah. Saya ada urusan lain lagi ni."

Stephen dan Fakrul bangun serentak.

"Oh ya, kertas perjanjian tu, Encik Stephen boleh serahkan pada saya sebelum projek dimulakan." Nancy mengukir senyum.

Stephen membalas senyuman itu, sedangkan Fakrul hanya selamba. Fakrul kembali duduk. Air yang masih berbaki disedut perlahan.

"Kau ni Rul, makin lama Puan Chan mengupah kau makin *bankrupt*lah perempuan tu tak lama lagi."

"Kenapa pulak?"

"Dengan klien pun kau buat muka macam tu. Cubalah manis-maniskan muka tu sikit. Kalau klien tak tahan, tender pun tak datang, kau tahu tak?"

Fakrul buat-buat tidak mendengar.

Bab 16

BALKONI yang hanya diterangi cahaya lampu antik yang samar-samar seolah-olah menampakkan lagi keindahan Bandar Subang Jaya yang sunyi ditemani malam. Fakrul mengeluh berat. Menyedari sudah hampir seminggu lamanya dia berada di apartmen milik Amirul. Namun, tiada apa-apa perubahan yang dirasakan. Hidupnya masih sama. Dikelilingi masalah yang belum selesai.

"Kasihan Ziqa! Berdosa seksa isteri kau macam tu, Rul!" kata Amirul sambil menghampiri rakannya yang sejak tadi menongkat dagu.

"Takkan selama-lamanya kau nak biar hidup kau tak terurus macam ni. Kalau terus-terusan begini, alamatnya satu masalah pun takkan selesai."

"Entahlah Mirul. Kalau ikutkan rasa hati, aku tak nak hidup aku macam ni. Tapi…entahlah."

Sambil menyandar di jeriji balkoni, Amirul memandang muka Fakrul yang masih kusam. Sudah banyak kali Fakrul dinasihati supaya pulang ke rumahnya. Tetapi lelaki itu masih berdegil dengan alasan dia belum bersedia. Bukan sahaja tidak bersedia untuk berdepan dengan

uminya, malah tidak bersedia untuk berdepan dengan Haziqah sebagai isterinya.

“Bila difikir-fikirkan, aku rasa berdosa pulak menengking umi aku macam hari tu. Padahal aku tahu umi aku tak salah. Cuma dia nak aku lupakan Azura aje.”

“*So*…apa yang kau tak puas hati sangat?”

“Yang aku tak puas hati tu, kalau pun umi aku nak pilihkan isteri semata-mata untuk aku lupakan Azura, kenapa mesti pilih Haziqah?”

Amirul pelik dengan kata-kata Fakrul.

“Tak boleh ke?”

“Dah tak ada perempuan lain lagi ke yang dia boleh pilih untuk aku?”

Amirul melepaskan keluhannya perlahan. Alasan Fakrul dirasakan tidak logik.

“Aku tak sukakan dia!” keluh Fakrul tiba-tiba.

“Kenapa kau tak sukakan Ziqa? Dari hari tu aku nak tanya kau soalan ni tapi macam tak terluah pulak.”

Fakrul membetulkan kedudukan badannya. Dari menikmati pemandangan malam yang hening, kakinya menuju ke ruang tamu. Otaknya cuba mengenangkan soalan yang diluahkan oleh Amirul sebentar tadi.

“Macam mana kau boleh kenal Ziqa tu?” Amirul bertanya lagi.

“”Dia anak bekas orang gaji kat rumah aku dulu.”

“Oh…macam tu rupanya! Mungkin dah jodoh kau agaknya Rul. Terima aje. Apa yang susahnya? Lama-lama kau tolak pun, kenyataannya masih sama,” terang Amirul sambil duduk di sebelah Fakrul.

“Kau rasa, aku akan bahagia tak kalau hidup dengan Ziqa tu?” Entah mengapa secara tiba-tiba Fakrul mengajukan soalan itu.

“InsyaALLAH, kalau kau pandai cari kebahagiaan sendiri, mestilah hidup kau akan bahagia!”

Mata Fakrul terkebil-kebil. Ligat menganalisa kata-kata Amirul.

“Kau bahagia tak hidup dengan Diah?” Fakrul bertanya sekadar ingin tahu.

“*Of course I do*.”

“Kau dengan Diah saling mencintai. Aku? Apa yang Ziqa tu ada yang boleh aku banggakan? Nak harapkan cinta? Aku tak pernah jatuh cinta pada dia. Itu yang kau kata akan bahagia tu?”

“Fakrul, cinta bukan faktor utama untuk membuatkan hidup seseorang tu akan bahagia. Cinta hanya salah satu faktornya saja.”

Sepi mula melayari ruang di antara mereka.

“Itulah kau! Masa kat U dulu, aku suruh kau bercinta dengan perempuan yang elok-elok, tapi kau pilih Azura. Sekarang bila kecewa, Haziqah yang tak bersalah tu kau jadikan mangsa keadaan.”

“Bila masa pulak aku jadikan Ziqa tu mangsa aku?”

“Kalau dah menyeksa isteri kau macam tu, bukan mangsa ke namanya? Kau hukum Ziqa sebab kau marah Azura, kan?”

Fakrul terdiam. Terasa kelu lidahnya dengan kata-kata Amirul itu.

“Aku nasihatkan...baliklah ke rumah kau. Aku bukan niat nak menghalau. Cuma aku tak nak tanggung dosa bersubahat. Ada isteri tapi tak dipedulikan. Rugi betul jadi lelaki macam kau ni! Tak reti menghargai orang.”

Mendengarkan kata-kata itu, Fakrul pantas melepaskan keluhan berat. Setiap patah perkataan Amirul kian berlegar-legar di segenap sudut hatinya. Bagai menarik dirinya untuk menurut kata temannya itu.

“Kenal dulu hati budi Ziqa! Lepas tu terpulanglah pada kau sama ada nak teruskan atau tidak. Kalau tak bahagia, kenapa nak teruskan? Bebaskan dia! Kepala kau pun tak pening.”

Bebaskan dia? Fakrul terfikir-fikir.

Bab 17

HAZIQAH bersendirian di dalam bilik. Memerhati suasana bilik yang agak suram dan sepi itu begitu bosan dirasakan. Dia baru sahaja selesai mengemas. Pelbagai barang kepunyaan Fakrul

telah disusun rapi. Namun, hanya album-album lelaki itu yang menarik perhatiannya. Sempat album itu dibelek beberapa kali. Tersenyum sendirian apabila melihat gambar Fakrul bersama rakan-rakannya.

Bila teringatkan Fakrul, Haziqah jadi gelisah. Dia tahu dia tidak sepatutnya risau dengan kehilangan lelaki itu. Tetapi entahlah. Bila bersendirian, dia asyik teringatkan Fakrul. Entah ke mana lelaki itu membawa diri. Kalaupun marah dengan dirinya, kenapa perlu mengaitkan masalah mereka dengan ahli keluarga? Kasihan umi! Pasti wanita itu sedang merindukan anaknya tika ini.

Haziqah terkejut apabila terdengar suara riuh orang berbual di ruang tamu awal pagi itu. Haziqah berjalan pantas keluar dari bilik dan menuju ke tingkat bawah.

"Ziqa! Mari sini nak. Umi nak kenalkan Ziqa dengan seseorang."

Matanya terpaku pada beberapa pasang mata yang sedang merenungnya. Ada seorang wanita yang agak tua dan seorang lelaki muda berwajah Inggeris di sisinya.

"Kak Inah, inilah menantu Yati kak. Isteri Fakrul. Haziqah namanya…Ziqa ni anak Kak Minah," ujar Puan Haryati sambil menarik tangan Haziqah mesra.

"Ziqa, kenalkan ini kakak umi. Mak Long Sakinah," beritahu Puan Haryati lagi.

Haziqah mengukirkan senyuman. Menghulurkan tangan dan mengucup tangan itu mesra.

"Ini Ziqa?" Siti Sakinah bagaikan tidak percaya.

Haziqah mengangguk. "Saya makcik."

"Panggil mak long aje, Ziqa. Itu kan mak saudara Fakrul," Puan Haryati sambil tersenyum.

Haziqah membalas pandangan Siti Sakinah yang tidak lepas-lepas memandangnya sejak tadi. Dia jadi pelik dengan renungan itu.

"Yang itu pulak, anak mak long…Hafiz namanya," terang Puan Haryati lagi.

Haziqah menoleh. Pelik dengan senyuman lelaki Inggeris yang mempunyai nama seperti orang Melayu itu.

"Hai, saya Hafiz!" lelaki itu berkata ramah.

Pandai pulak dia berbahasa Melayu! Bisik hati Haziqah sendiri.

"Mereka ni baru balik dari Jerman, Ziqa. Sebelum ni mereka menetap di sana."

Haziqah terdiam mendengarnya.

"Ziqa, tolong buatkan air boleh tak? Kejap lagi umi siapkan makan tengah hari," arah Puan Haryati lembut.

Haziqah hanya menurut dan terus menghilangkan diri di dapur. Sejurus selepas itu, Hafiz meminta diri untuk duduk di luar. Tidak mahu mengganggu perbualan kedua adik-beradik yang sudah lama terpisah itu.

Siti Sakinah mendiamkan diri. Tiba-tiba dia kehilangan modal untuk bersuara. Wajah Haziqah yang baru ditatapnya sebentar tadi

bagai menggamit dirinya dengan kenangan lama. Mencengkam ke dasar hati sehingga dia terasa kehidupan lampaunya bagai baru semalam berlaku.

“Kak Inah! Tegur Puan Haryati perlahan.

Siti Sakinah tersedar. Berpaling segera ke wajah adik perempuannya di sisi.

“Apa yang akak menungkan?” tanya Puan Haryati bagaikan faham dengan kebisuan kakaknya.

“Akak macam tak percaya aje. Dah besar Ziqa sekarang ni! Minah pulak, entah apa khabarnya kat kampung tu!” Tiba-tiba Siti Sakinah bersuara sebak.

“Kak Minah khabar baik, kak! Baru minggu lepas saya datang ke rumahnya. Cuma…”

Puan Haryati hanya membisu. Teringat bagaimana Aminah menghalau Haziqah seminggu yang lalu. Tidak sanggup rasanya Puan Haryati menceritakan kisah itu kepada kakaknya. Bagaikan tidak terluah bibirnya untuk memberitahu bagaimana Haziqah dan Fakrul disatukan.

“Cuma apa Yati?”

“Tak ada apa-apalah, kak,” jawab Puan Haryati.

Siti Sakinah mengeluh berat. “Kalau akak nak berjumpa dengan Minah, kau rasa dia nak tak terima akak sebagai tetamunya?”

“Akak tahu akak banyak buat salah Yati. Akak sesat dengan hiburan duniawi yang tak bermakna. Tapi, akak dah tak buat kerja-kerja tu lagi. Akak dah insaf!” Siti Sakinah memberitahu bersungguh-sungguh.

“Kau maafkan akak tak?”

Puan Haryati tidak terus menjawab. Dia terfikir-fikir. Maaf? Entahlah, dia tidak tahu sama ada dia sudah memaafkan Siti Sakinah atau belum. Jika difikir-fikirkan, begitu berat kesalahan yang telah dilakukan oleh Siti Sakinah kepada dia dan Aminah. Tetapi mereka adik-beradik. Walau apapun, air dicincang takkan putus.

SITI SAKINAH pantas mengesat air matanya dengan tisu. Sesekali memandang ke arah Haziqah yang sedang menyusun gelas di atas meja.

“Mak long boleh minum air kiwi, kan?” soal Haziqah.

Siti Sakinah terkejut dengan teguran itu. Pantas dia mengangguk. Seketika gadis bertudung itu ditenungnya.

“Minumlah mak long, umi,” pelawa Haziqah. Dia berkira-kira untuk berlalu semula ke dapur tetapi Puan Haryati menyuruhnya duduk menyertai mereka di situ.

“Eh, Abang Hafiz mana?” soal Haziqah apabila tersedar Hafiz tiada di situ.

“Ada kat luar agaknya. Pergi panggil Ziqa!” ujar Puan Haryati.

“UMI suruh Abang Hafiz ke dalam. Jomlah minum dulu,” ajak Haziqah.

Hafiz yang sedang berkhayal, sedikit terkejut. “Kejap lagi abang masuk!” ujar Hafiz.

Haziqah mengangguk. Kemudian mula mengatur langkah untuk berlalu semula ke dalam rumah.

“Ziqa!” Lelaki itu memanggil.

Langkah Haziqah terhenti. Dia memusingkan tubuhnya menghadap lelaki itu.

“Kita berbual-bual sekejap boleh?”

Haziqah membisu untuk beberapa saat sebelum melangkah semula ke arah Hafiz.

“Dah berapa lama berkahwin dengan Fakrul?”

“Apa dia?”

Hafiz tersenyum. Mungkin Haziqah terleka.

“Dah lama ke Ziqa berkahwin dengan Fakrul?” Hafiz mengulangi soalannya.

Haziqah terdiam seketika. “Lebih kurang 4 bulan,” jawab Haziqah tidak lama kemudian.

“Oh…masih pengantin barulah ni?”

Haziqah hanya tersenyum.

“Tak pergi *honeymoon* ke?”

“Tak,” jawab Haziqah pendek. Ada senyuman tawar yang cuba disembunyikan dari lelaki itu.

Untuk beberapa ketika, Haziqah mendiamkan diri. Hafiz di sisinya juga senyap.

“Abang Hafiz ni anak kandung mak long ke?” Haziqah memberanikan diri untuk bertanya.

“Kenapa? Tak percaya?”

“Bukan macam tu. Cuma Ziqa tengok Abang Hafiz ni lain sikit.”

“Macam anak angkat, kan?”

Haziqah terdiam sambil mengetap bibir. Terasa sudah terlanjur kata. Namun, lelaki itu dilihatnya hanya tersenyum.

“Sebenarnya, abang ni hanya anak tiri ibu. Ayah abang berbangsa Jerman, berkahwin dengan ibu sejak abang masih kecil.”

“Oh, macam tu! Patutlah Abang Hafiz fasih bertutur dalam bahasa Melayu.”

Hafiz tersenyum lagi. Mulai senang dengan keramahan Haziqah yang manis bertudung itu.

“Ziqa pulak, ahli keluarga ada kat mana sekarang ni?”

“Kampung. Tinggal emak aje kat sana. Ayah dah lama meninggal dunia.”

Hafiz pula diam mendengar.

“Eh, dah lama abang kat rumah ni. Tak nampak Fakrul pun! Dia kerja ke hari ni?”

“Err…Fakrul? Dia…”

“HAFIZ!” Suara yang tiba-tiba mencelah membuatkan Haziqah dan Hafiz berpaling serentak. Bagaikan tidak percaya, Fakrul sedang tersenyum ke arah mereka.

“Fakrul! Panjang umur kau. Aku baru aje bertanya tentang kau pada isteri kau ni haa…” Hafiz berkata ceria apabila Fakrul menghampirinya sambil berjabat tangan. Haziqah bagaikan terkaku di situ.

“Kau apa khabar Fiz? Bila sampai ke Malaysia?” senyuman Fakrul semakin melebar.

“Semalam. Ibu ada kat dalam.”

“Oh ya ke? Jomlah kita masuk!”

Hafiz hanya mengangguk.

“UMI, Rul minta maaf. Rul tahu Rul bersalah. Rul janji takkan buat macam tu lagi.” Haziqah teringat lagi kata-kata Fakrul selepas sahaja Siti Sakinah meminta diri untuk pulang.

Haziqah seperti tidak percaya. Fakrul yang dilihat seminggu yang lalu begitu bengis dan garang. Tetapi hari ini, lelaki itu nampak bermulut manis. Memeluk Puan Haryati dan mengucup tangan wanita itu dengan mesra.

Ah, kenapa aku asyik terfikirkan tentang dia? Marah Haziqah. Aku bukan fikirkan dia! Cuma aku macam tak percaya aje. Bisik Haziqah lagi.

Lamunan Haziqah tersentak apabila dia terdengar bunyi keriuk pintu bilik seperti dibuka seseorang. Dia menoleh kelihatan wajah Fakrul di situ sambil memandang ke arahnya dengan pandangan yang sukar dimengertikan oleh Haziqah. Haziqah tidak berani memandang wajah lelaki itu lama-lama.

“Ada kau usik barang-barang aku kat dalam bilik ni?” soal Fakrul sambil memandang ke arah albumnya yang tersusun kemas di dalam almari.

Haziqah pantas menggeleng. Tidak berani dia berterus-terang.

“Mulai hari ni, aku nak barang-barang kita diasingkan di tempat sendiri. Faham?”

Diasingkan? Haziqah tertanya-tanya. Pelik dengan ucapan lelaki itu. Apakah Fakrul akan tinggal di dalam bilik ini juga? Otaknya masih bertanya sendirian. Fakrul dilihatnya sudah bergerak ke meja kerjanya. Mengambil pelekat berwarna merah dan gunting sebelum menuju kea rah katil. Haziqah memandang dengan pelik.

“Awak nak buat apa ni?”

Fakrul meneruskan kerja. Soalan Haziqah tidak dijawab. Hari ini, dia mahu rancangan awalnya selesai. Dia perlu mengasingkan barang-barang di dalam bilik itu!

“Okey dah siap! Sekarang ni, kau punya tempat kat sebelah sana. Ini, kawasan aku! Kau tak boleh masuk ke kawasan aku, faham! Bilik air, kita boleh kongsi. Almari pulak, kau ambil yang sebelah kanan. Yang sebelah kiri tu, tempat aku!”

Lidah Haziqah terasa kelu tiba-tiba. Matanya terus memerhati ruang bilik yang sudah dipenuhi pelekat berwarna merah.

“Ingat, ini kawasan aku. Kau tak boleh masuk ke sini. Faham?” terang Fakrul.

“Kenapa awak buat macam ni?”

“Suka hati akulah! Kau jangan banyak cakap. Dengar dan ikut saja apa yang aku suruh.”

Haziqah mengangguk pantas.

“Dan satu lagi, hal ni hanya kita berdua saja yang tahu. Umi, abah dan Faremi tak boleh tahu. Sesiapa yang ketuk pintu, jangan bagi masuk.” Fakrul memberi arahan.

Kemudian, Fakrul terus melangkah ke katil. Tubuhnya direbahkan di situ. Sedikit lega kerana rancangan awalnya berjaya dilaksanakan. Mungkin kerana itu dia mendapat kekuatan untuk pulang ke rumah.

Bab 18

DARI tingkat bawah, Puan Haryati ternampak wajah Fakrul terjengul di tingkat atas. Anak sulungnya itu hanya bertuala dan lagaknya seperti baru lepas mandi.

“Umi, mana baju Rul?” jerit Fakrul awal pagi itu.

“Baju apa?” Puan Haryati bertanya bagaikan pelik.

“Baju kerja Rul lah. Umi tak gosokkan ke?” tanya Fakrul sedikit kuat.

“Kau tak cakap pun nak suruh umi gosokkan.” Puan Haryati membalas sambil melempar pandang ke tingkat atas. Fakrul dilihatnya tercengang-cengang.

“Selama ni umi yang selalu gosokkan baju Rul. Rul nak kena cakap jugak ke?”

“Kau tu dah ada isteri, suruhlah isteri kau yang gosokkan. Takkan nak harap pada umi kau lagi!” celah Tuan Fuad dengan tiba-tiba.

Puan Haryati yang mendengar terus ketawa.

“Betul kata abah kau tu, Rul. Suruhlah Ziqa gosokkan baju kau. Sekarang isteri kau yang bertanggungjawab menjaga segala keperluan kau.”

Fakrul mengetap gigi. Ingin berkata sesuatu tetapi Puan Haryati sudah menghilangkan dirinya di dapur. Fakrul melangkah masuk ke biliknya semula. Nak suruh dia gosokkan baju aku ke? Tapi, nak ke dia gosokkan baju aku? Fakrul terfikir-fikir.

Ketika bangun dari tidur pagi tadi, Haziqah dilihatnya juga sudah bangun. Tidak tahu di mana gadis itu tidur kerana Fakrul tidur lebih awal malam tadi. Apa yang Fakrul pasti, Haziqah tidak tidur di sebelahnya. Mungkin takut jika diapa-apakan! Bisik lelaki itu dengan senyuman gelihati.

FAKRUL menolak daun pintu. Tersentak apabila ternampak Haziqah di hadapannya. Haziqah yang sedang melipat telekung juga terkejut. Pantas menundukkan kepala. Segan dengan keadaan Fakrul yang masih bertuala.

“Tolong gosokkan baju aku!” arah Fakrul tegas sambil meletakkan baju kemeja dan seluarnya di atas katil.

Haziqah mengangkat wajah. Pelik dengan arahan itu.

“Kau dengar tak? Pergi gosokkan baju aku. Aku nak cepat ni!” ulang Fakrul apabila melihat Haziqah masih kaku.

“Kenapa saya pulak yang kena gosok?” tanya Haziqah sambil mengerutkan dahi. Angin tak ada, rebut tak ada…tiba-tiba nak suruh aku gosok baju dia pulak! Ngomel hati kecil Haziqah.

Haziqah ingin keluar dari bilik yang menyesakkan nafasnya. Tambah-tambah setelah Fakrul tinggal bersama di dalam bilik itu sejak semalam. Tidak selesa rasanya!

Fakrul berpaling. Jari telunjuknya mengunjuk kea rah kaki Haziqah yang sudah melangkaui kawasan yang dibenarkan. Haziqah tidak jadi melangkah. Dia kemudian berundur ke tempatnya. Di belakang garisan merah.

"Aku suruh kau gosok, gosok ajelah!"

"Awak yang nak pakai baju tu, awak gosoklah sendiri!" jawab Haziqah selamba.

Fakrul mendengus. "Kau nak dengar cakap aku atau tak? Kalau nak, buat apa yang aku suruh dan jangan banyak bertanya! Kalau tak nak, kau janganlah berangan-angan nak tinggal dalam bilik ni lagi. Kau nak aku halau kau macam hari tu?" gertak Fakrul bersungguh-sungguh.

Haziqah terdiam. Tidak jadi melawan.

"Gosok cepat! Jangan terhegeh-hegeh. Aku nak pergi kerja ni!" sergah Fakrul.

Haziqah tidak menunggu lama. Tangannya mencapai baju Fakrul dan ingin menggosok baju sepantas yang mungkin. Kakinya terus dihayun ke papan penggosok.

"Eh, eh...kaki tu jaga-jaga sikit. Ini kawasan aku!" Fakrul menghalang tiba-tiba.

"Habis tu, macam mana saya nak gosok baju awak. Seterika tu ada kat sana. Kat kawasan awak!" ujar Haziqah sedikit geram.

Ya tak ya jugak! Bisik Fakrul. Dia mendiamkan diri, cuba menahan ketawa.

"Okey, aku bagi kelonggaran pada kau untuk lalu kawasan aku setiap kali kau nak gosok baju. Ingat, waktu menggosok aje kau boleh masuk ke kawasan ni. Itupun terhad kat belah sana aje. Kat tempat lain, kau jangan berani!"

Haziqah senyap. Tidak menjawab apa-apa.

"Kau dengar tak?"

"Dengar!"

"Habis, nak tunggu apa lagi? Cepatlah gosok!"

Haziqah segera berlalu. Menuju ke tempat menggosok dan pantas menghidupkan suis seterika. Perangai macam budak tak matang! Cebik Haziqah dalam diam. Kemudian, dia leka dengan kerjanya tanpa langsung menyedari lelaki yang berada sama di bilik itu tersenyum sendirian. Lucu melihat Haziqah yang kelam-kabut.

"WEH, kenapa?" suara Stephen yang kuat mengejutkan Fakrul yang sedang termenung.

"Senyap aje. Tak habis-habis dengan termenung. Apa yang kau pandang?" soal Stephen sambil memandang ke arah yang sama.

Namun, tiada apa-apa yang menarik di situ. Hanya kelihatan pasangan manusia yang berbual-bual sambil menikmati hidangan tengah hari.

"Tak ada apa-apa Steve. Aku ni kan memang suka termenung. Kau ni macam tak tahu pulak!" jawab Fakrul sambil tersengih.

"Entah-entah ingat kat bini kot!" Tiba-tiba Amirul muncul di antara mereka dengan pinggan berisi nasi.

Fakrul tersentak. Stephen di sisi sudah ketawa besar. Sedikit lucu dengan kata-kata Amirul itu.

"Wah, kau dah ada isteri ke, Rul?" Stephen berniat untuk bergurau.

Amirul tersenyum melihat Fakrul. "Kau tak cerita kat Stephen ke, Rul?" Amirul bertanya sedikit hairan.

Ketawa Stephen terhenti. "Kau dah kahwin ke, Rul?" tanya Stephen seperti tidak percaya.

Soalan yang diajukan oleh Stephen itu membuatkan Fakrul senyap. Amirul di sisi sudah leka dengan makanannya. Hari itu, mereka berjanji untuk keluar makan bersama-sama. Fakrul tidak tahu mengapa dia ikut serta sedangkan perutnya tidak terasa lapar. Lagipun Stephen sudah lama tidak berjumpa dengan Amirul, teman yang diperkenalkan oleh Fakrul dahulu.

"Betul ke Mirul?" Stephen masih bertanya.

Amirul menoleh ke arah Fakrul. Selepas itu, dia menoleh ke arah Stephen pula.

"*He's married four months ago*. Aku pun baru tahu minggu lepas."

"*What?* Betul ke?" Stephen hampir menjerit.

"Syhh…janganlah menjerit kuat-kuat." Fakrul menegur.

Stephen masih tidak percaya. Dia memandang ke arah Amirul dan lelaki itu mengangguk tanda mereka tidak berbohong. Memang kenyataannya Fakrul sudah berkahwin. Jadi, untuk apa disembunyikan perkara yang baik itu?

"Bila kau berkahwin? Kenapa tak jemput aku?"

"Ah, cerita dah lepas!" jawab Fakrul acuh tak acuh.

"Kahwin tak jemput aku. Sampainya hati kau!" Stephen membebel.

"Pilihan *family* Steve…" jawab Amirul bagi pihak Fakrul.

"Wah, cerita menarik ni. Mesti lawa. Ala-ala…orang kampung gitu."

"Hisy…korang ni. Aku yang kahwin, kau orang pulak yang lebih-lebih." Fakrul mencelah.

"Mestilah. Bukan senang nak tahu kau dah ada isteri. Hmm… nampak gayanya aku ajelah yang masih membujang ye?" Stephen berkata perlahan.

Amirul ketawa besar. Fakrul yang tadi berwajah kurang ceria turut menghamburkan tawanya.

“Amacam Rul? *Best* tak dah kahwin ni?” Stephen menyoal setelah tawanya mulai reda.

“Ah, kalau nak tahu pergilah kahwin. Nak tanya aku pulak!” Fakrul hanya mencebikkan bibir.

“Alah Steve, awal-awal kahwin dengan orang yang tak kenal memanglah tak *happy*. Lama-lama nanti, nak berenggang sekejap pun rasa tak sanggup. Asyik nak berkepit saja! Tak percaya cakap aku, tunggu ajelah masanya nanti!” Amirul berkata dalam nada bergurau.

SEWAKTU Fakrul baru pulang dari kerja, dia ternampak Haziqah sedang berbual-bual dengan Faremi. Niat di hati ingin turut serta tetapi apabila terpandangkan wajah Haziqah, kakinya tidak jadi mengatur langkah. Faremi juga hanya memandang ke arahnya sekali imbas.

Fakrul terasa Faremi masih marahkannya. Dia juga terasa seolah-olah dirinya semakin jauh daripada Faremi. Dahulu, mereka begitu rapat. Sering berbual-bual hingga lewat malam sebelum melelapkan mata. Kini, adik lelakinya itu lebih banyak menghabiskan masa dengan Haziqah. Bukan Fakrul tidak perasan. Sejak dia pulang ke rumah itu semalam Faremi langsung tidak bertegur sapa dengannya.

Perlahan-lahan Fakrul meletakkan beg kerjanya di atas meja dalam bilik. Dari situ dia dapat melihat Faremi dan Haziqah yang asyik berbual. Sambil melonggarkan tali leher, matanya tidak lepas memerhatikan mereka.

Sesekali Fakrul ternampak Haziqah ketawa. Kemudian dia ternampak Faremi pula yang ketawa. Entah apa yang lucu sangat! Desis hati kecilnya.

Cemburu? Hisy…tak ada masa! Fakrul berkata sendiri.

Bab 19

HAZIQAH menerima telegram yang amat memeranjatkannya pagi itu. Emaknya sakit kuat di kampung. Itulah mesej yang dikirimkan oleh Sumaiyah kepadanya. Setelah memberitahu Puan Haryati, wanita itu bergegas menelefon Tuan Fuad. Mereka pulang ke Kampung Sri Gambut awal tengah hari itu.

Di dalam perjalanan, Haziqah tidak henti-henti menangis. Dia terlalu risaukan keadaan emaknya. Sudah lebih tiga minggu wanita itu ditinggalkan tanpa khabar berita. Apakah wanita itu sedang merindukannya sehingga terlantar sakit?

Haziqah menoleh ke kiri dan kanan. Perjalanan untuk ke kampungnya dirasakan sangat jauh. Padahal, jika hendak diikutkan, jarak di antara Kuala Lumpur dengan Kampung Sri Gambut tidak adalah sejauh mana.

“Sabarlah Ziqa. Mak Ziqa tak apa-apa tu. Cuma sakit kuat aje. Jangan fikir yang bukan-bukan.” Puan Haryati berniat ingin menyabarkan hati menantunya.

“Ziqa rasa tak sedap hati sejak semalam. Ziqa risaulah umi. Ini semua salah Ziqa. Ziqa tak patut tinggalkan mak sorang-sorang kat sana.” Haziqah berkata dalam sendu.

“Sudahlah. Ziqa tidurlah dulu. Nanti dah sampai, umi kejutkan,” ucap Puan Haryati.

Haziqah hanya diam melayan perasaan. Untuk tidur, dia tiada kekuatan. Asyik memikirkan emaknya. Namun, dia cuba melelapkan mata. Berniat apabila tersedar dari lenanya, Aminah sudah ada di sisi. Itu harapan Haziqah!

“ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH…” Haziqah berkata sambil toleh ke kanan dan kemudian ucapan yang sama diulang apabila kepalanya beralih ke sebelah kiri.

Kedua-dua tapak tangannya diraup ke seluruh muka. Bibir halusnya pula terkumat-kamit sambil menuruti setiap bacaan tasbih dan istighfar ayah serta ibunya. Selepas menadah tangan dan mengaminkan doa, Haziqah bangun dan bersalaman dengan ibu dan ayahnya.

Haziqah nampak senyuman yang penuh dengan kasih sayang di kedua-dua wajah itu.

“Ingat pesan mak. Belajar rajin-rajin. Dah besar nanti, boleh tolong jaga mak dengan ayah.” Ucapan mulus itu di sambut dengan anggukan.

“Ayah harap Ziqa menjadi orang yang berguna bila besar nanti. Jangan contohi sikap Kak Ati kau tu. Tak ada sopan-santun dengan orang tua.” Hassan menyampuk.

“Abang ni tak baik membanding-bandingkan perangai bidak-budak. Nanti timbul pulak rasa iri hati dalam diri Ziqa. Ati tu kan kakaknya jugak.” Aminah menegur kata-kata Hassan.

Haziqah yang masih bertelekung hanya duduk dan membisu di samping kedua-dua orang tuanya itu. Usianya yang baru lima belas tahun menjadikan dia tidak begitu berminat dengan setiap kata-kata yang diutarakan oleh Hassan dan Aminah. Dia hanya tahu yang dia punya emak dan ayah yang menyayanginya sepenuh hati.

“Abang tahu semuanya berpunca daripada abang sendiri. Abang tak tahu menasihati Kak Senah dan Ati dengan baik. Bukan awak tak tahu Minah, sejak abang bernikah dengan awak dulu pun mereka tak habis-habis sakitkan hati awak dan Ziqa. Kalau abang dah mati nanti macam mana pulak agaknya.”

“Abang ni ke situ pulak fikirnya. Saya bukan apa. Kak Senah dan Ati tu dah saya anggap seperti keluarga saya sendiri. Biarpun mereka tak pernah melayan saya dengan baik, tapi saya bersyukur kerana mereka tak pernah buat sesuatu yang menakutkan. Biasalah kalau dia orang marah. Siapa tak marah kalau suami berkahwin lagi? Tambah-tambah abang berkahwin pulak dengan saya, orang yang menjodohkan suaminya dengan Kak Inah.” Ucapan Aminah membuatkan Hassan tersenyum kecil.

“Awak, kalau saya berkahwin lagi…awak tak marah ke?” soal Hassan berbaur gurauan.

Aminah menjeling pantas ke arah suaminya.

“Suka hati awaklah bang. Kalau abang mampu takkan saya nak haling? Awak kan boleh berkahwin empat,” kata Aminah selamba.

Kain telekung sudah dicabut dan dilipat rapi bersama sejadah. Haziqah di sisi turut membuka telekungnya.

“Kalau ayah kahwin lagi, Ziqa akan dapat adik ya mak?” Tiba-tiba Haziqah menyampuk.

Hassan ketawa. Kepala Haziqah diusap-usap. Kasih sayangnya terluah dengan kata-kata itu. Aminah sekadar menggeleng memandang Haziqah.

“Kau ni menyampuk pulak cakap orang tua,” marah Aminah. Haziqah hanya tersengih.

“Ziqa nak adik lagi ke?” soal Hassan.

“Nak! Kalau ada adik, kan *best*. Boleh diajak berkawan,” ucap Haziqah.

“Suruh mak Ziqa beranak. Boleh Ziqa dapat adik.” Kata-kata Hassan membuatkan Aminah membuntangkan matanya.

“Ah, abang jangan nak merepek. Saya ni dah tua. Sebelum abang bernikah dengan saya lagi, saya dah cakap yang saya ni tua. Nak beranak pun dah tak larat bang.”

“Abang bergurau ajelah,” jawab Hassan.

“Alah mak pun bukannya tua sangat. Kan cantik lagi tu. Betul tak ayah?” Haziqah menyampuk lagi.

“ZIQA…ZIQA…kita dah sampai!” suara Puan Haryati memanggil membuatkan Haziqah tersedar dari lenanya.

Serentak itu, suara bising yang kedengaran dari luar kereta menyebabkan Haziqah membuka mata. Tangannya menggosok-gosok mata yang terasa sembap. Haziqah turun dari kereta dengan pantas. Tidak sabar mahu berjumpa Aminah dan mengetahui berita tentang emaknya itu. Dia tidak menghiraukan orang ramai yang berada di kawasan rumahnya. Mungkin masing-masing sedang menziarahi emaknya yang sakit kuat.

“Ziqa!” tegur Puan Haryati lagi.

Haziqah terus berjalan tanpa menghiraukan sesiapa. Dia begitu rindukan Aminah. Ingin menatap wajah itu sepuas-puasnya.

“Ziqa! Bawa bersabar.”

Langkah Haziqah masih diteruskan. Sememangnya dia sudaj tidak sabar mahu berjumpa dengan Aminah.

“Ziqa!” panggil Puan Haryati lebih kuat.

Namun Haziqah tetap berjalan. Dalam hatinya hanya satu. Aminah!

“Mak, Ziqa datang mak.” Haziqah terkumat-kamit.

Tuan Fuad hanya melihat. Matanya sempat memandang ke arah Puan Haryati yang sedang menahan tangis. Ketika itu juga, mereka ternampak kelibat Siti Sakinah yang sedang berjalan tergesa-gesa ke arah mereka.

“Kak Inah!” Puan Haryati menegur.

Siti Sakinah sudah menghampiri mereka. Ada tangisan yang bertakung di tubir mata wanita itu.

“Macam mana dengan Kak Minah, kak?” soal Puan Haryati.

Wanita itu hanya menundukkan wajah.

“Akak, macam mana dengan keadaan Kak Minah?” Puan Haryati bertanya lagi.

Serentak itu, Puan Haryati melihat Haziqah yang sedang berdiri tegak di hadapan bilik. Kakinya ingin menghampiri Haziqah. Tetapi, tiba-tiba Haziqah sudah terjelepuk jatuh di situ. Puan Haryati tersentak. Tidak jadi meneruskan langkah. Dia terkedu.

“Minah dah tak ada Yati! Minah dah tak ada,” ucap Siti Sakinah kemudiannya.

“Minah dah meninggal! Baru sekejap tadi,” beritahu Siti Sakinah teresak-esak.

Kemudian dia mengalihkan pandangan matanya ke arah Haziqah yang masih kaku. Dari sisi gadis itu, Siti Sakinah dapat melihat air mata Haziqah yang mengalir di pipinya. Siti Sakinah dapat mendengar suara Haziqah meraung kuat sambil memanggil-manggil nama Aminah tadi. Kini, persoalan Puan Haryati terjawab dengan sendiri. Aminah sudah pergi! Menyambut seruan ILAHI.

Bab 20

PROTON SAGA Sumaiyah berhenti di halaman rumah Haziqah. Ketika itu, rumah papan milik Haziqah kian reda dari kunjungan orang kampung untuk mengucapkan takziah. Kemudian, dia keluar dari perut kereta dan terus menuju ke serambi rumah perlahan-lahan.

"Assalamualaikum."

“Waalaikumussalam.” Wajah Puan Haryati terpacul di situ. Puan Haryati membalas senyuman yang dihulurkan oleh Sumaiyah.

“Sue, kan? Masuklah.”

Sumaiyah mengangguk dan terus menghayun langkah ke dalam rumah. Ketika itu hanya ada beberapa orang sahaja yang sedang berbual-bual. Sumaiyah terus duduk di atas tikar mengkuang yang terhampar di ruang tamu rumah.

“Makcik…” tegur Sumaiyah.

Puan Haryati berpaling ke arah Sumaiyah.

“Saya tak nampak pun Ziqa. Mana dia?”

Puan Haryati melepaskan nafas berat. Perlahan dia berjalan menuju ke pintu lalu melemparkan pandangan ke arah tubuh kecil yang sedang duduk bersendirian di pangkin berdekatan pohon ketapang yang merendang. Sudah tiga hari Haziqah membiarkan dirinya dengan rasa sunyi dan menyendiri.

Malah, Puan Haryati terpaksa menangguhkan kepulangan ke Kuala Lumpur kerana mahu menemani Haziqah. Nak harapkan Fakrul, dia sudah lama pulang sejak singgah di rumah itu sehari selepas kematian Aminah. Itu pun setelah dipaksa berkali-kali.

“Kenapa makcik?” tanya Sumaiyah.

“Kasihan makcik tengok Ziqa. Dia asyik menangis. Makcik tak tahu macam mana nak pujuk. Ziqa macam dah hilang semangat…” Suara Puan Haryati bernada resah. Sumaiyah jadi risau. Perlahan-lahan dia bangun menghampiri Puan Haryati.

“Kalau saya berjumpa dengan Ziqa sekarang, boleh tak makcik?” tanya Sumaiyah ragu-ragu.

Puan Haryati berpaling ke arah Sumaiyah semula.

“Cubalah Sue. Mungkin dia mahu bersembang dengan orang berbanding hari-hari lepas. Tak pun, Sue cubalah pujuk dia,” pinta Puan Haryati.

SUMAIYAH terus keluar dari rumah dan berjalan ke arah Haziqah. Tiba-tiba dia jadi gementar. Apakah Haziqah akan menerima kehadirannya ketika itu? Bukankah dia yang telah membuang Haziqah dahulu? Jadi, mengapa dia kembali mencari Haziqah? Rindu? Mungkin itu adalah salah satu sebabnya. Yang selebihnya, Sumaiyah rasa bersalah. Dia tahu, tidak sepatutnya dia meragui Haziqah.

Bunyi daun kering seperti dipijak itu membuatkan Haziqah mendongak. Saat itulah dia terpandangkan Sumaiyah. Gadis itu sedang berdiri tegak dengan wajah yang sukar dimengertikan.

Haziqah kembali menunduk. Memerhati daun-daun kering yang semakin memenuhi laman rumah yang sudah lama ditinggalkan. *Mood*nya masih hambar. Kematian Aminah memberi kesan yang amat sukar untuk dilupakan.

“Ziqa.” Sumaiyah memanggil perlahan.

Bibir Haziqah menguntum senyuman tawar.
“Kenapa?” Perlahan soalan itu diajukan.
Sumaiyah mengerutkan dahi. “Kenapa apa?” soal Sumaiyah kembali.
Haziqah menarik nafasnya dalam-dalam. Matanya dialihkan ke sudut pokok-pokok bunga yang sering menjadi tempatnya bermain di waktu petang. Di situlah banyak kenangan yang dicipta bersama arwah emaknya.
“Kenapa kau datang?” Saat itu, hatinya kembali menjadi sebak. Semua kenangan bersama emaknya terlayar di kotak minda.
“Aku mengganggu kau ke?”
Haziqah pantas menggeleng. Jari-jemarinya meraup seluruh wajahnya yang masih lembap dengan air mata. Suasana terus jadi sunyi. Tiba-tiba Haziqah mengeluh. Membuatkan Sumaiyah menoleh ke arah gadis yang dari tadi mendiamkan diri.
“Aku datang ni nak jumpa kau.”
Haziqah tersenyum tawar lagi.
“Sebab nak ucapkan takziah? Atau kau masih belum melupakan fitnah Yusri pada aku?”
“Bukan macam tu Ziqa.”
“Habis…apa lagi? Kau nak ketawakan aku? Kau nak cakap aku perempuan malang, kan? Mak aku dah mati sebab tak tahan dengan fitnah tu. Betul tak?”
“Ziqa! Aku nak minta maaf pada kau,” ucap Sumaiyah teragak-agak. “Aku bersalah sebab buat kau macam tu. Aku tak patut bersikap macam budak-budak. Aku nak minta maaf.”
“Kenapa baru sekarang?”
“Sebab aku rindukan kau!”
Dada Haziqah jadi sebak. Tetapi bibirnya bagaikan terkunci. Dahulu, sewaktu dia memerlukan teman untuk mengadu, kata-kata seperti itulah yang dia dambakan daripada Sumaiyah. Tetapi kini untuk apa lagi? Tiba-tiba Haziqah terasa tangannya dipegang. Dia melihat tangan Sumaiyah sedang melekap di atas tangannya.
“Maafkan aku, Ziqa! Maafkan aku…” kata-kata Sumaiyah bagaikan merayu-rayu.
“Aku berjanji takkan biarkan kau menderita seorang diri lagi. Aku berjanji!” Sumaiyah berkata bersungguh-sungguh.
Perlahan-lahan Haziqah mengukir senyuman. Dia mengangguk dan dengan pantas dia memeluk Sumaiyah.
“Jangan buat aku macam tu lagi. Kau janji, kan?” Haziqah bersuara dalam tangisan.
“Aku takkan buat macam tu lagi.” Sumaiyah turut menangis di bahu Haziqah. Seperti mana Haziqah menangis di dalam pelukannya.
“Aku terseksa Sue! Tolong aku redakan perasaan aku ni. Kenapa sampai macam ni aku diduga?” Haziqah merintih pilu.

SELEPAS Sumaiyah pulang, Haziqah berlalu ke dalam rumah. Tanpa menghiraukan sesiapa, dia mengurungkan diri di dalam bilik. Termenung dan mengenang saat-saat hidupnya bersama Aminah.

Kini Aminah telah pergi untuk selama-lamanya tanpa sempat dia bersua muka dengan wanita itu. Kenapa begitu awal? Tiadakah sebarang pesan yang wanita itu tinggalkan untuknya walaupun sepatah perkataan?

Haziqah menunduk. Merenung birai katil yang sepi. Di situlah tempat Aminah menghembuskan nafas terakhir. Di atas katil dan di dalam biliknya. Sungguh Haziqah sayu! Bagai memberi jawapan bahawa wanita itu terlalu rindukannya seperti mana dia merindukan wanita itu.

“Tak elok menangis untuk orang yang dah mati!”

Haziqah tersentak apabila terdengar suara orang menegurnya di belakang. Dia cuba mengesan pemilik suara itu! Dahinya berkerut. Kelihatan Fakrul sedang menutup pintu bilik.

“Dari tadi aku tengok kau ni tak habis-habis dengan menangis! Sebanyak mana pun kau menangis, orang yang dah pergi bukannya boleh hidup semula.” Kata-kata kasar Fakrul disambut dengan jelingan oleh Haziqah.

“Aku bukannya apa. Rimas mata ni, kau tahu tak! Menangis macam budak-budak kecil.”

“Kalau rimas, pergilah duduk kat luar. Kenapa masuk jugak kat dalam bilik ni?” jawab Haziqah setelah agak lama membisu.

Fakrul tersenyum sinis. Menuju ke tingkap bilik yang terbuka luas.

“Duduk kat luar, kena halau ke dalam bilik. Bila masuk kat dalam bilik, kena halau keluar pulak,” bebelnya perlahan.

Fakrul menoleh ke arah Haziqah apabila mendapati wanita itu hanya membisu. Kali ini, dia memeluk tubuh sambil memerhati ke arah gadis itu yang ringkas berkain batik dan T-shirt. Ada tudung berwarna biru air yang tersangkut di kepalanya.

Fakrul baru perasan yang selama ini Haziqah tidak pernah menunjukkan rambutnya kepada sesiapa. Seingat Fakrul, sejak di hari pertama mereka diijabkabulkan lagi, Haziqah tidak pernah sekalipun menanggalkan tudung. Malah Fakrul pernah ternampak Haziqah tidur dengan tudung di kepala. Hisy…ada jugak perempuan yang macam ni? Fakrul tertanya-tanya.

“Umur kau berapa?” soal Fakrul.

Haziqah memalingkan wajah memandang Fakrul. Terasa soalan Fakrul begitu asing di telinganya.

“Kenapa nak tahu?”

Fakrul menjungkitkan bahu. “Aku rasa kau ni muda lagi. Kenapa buat keputusan nak kahwin awal?”

Haziqah diam.

“Kau tak rasa ke hidup kau ni masih terlalu jauh?”

“Saya ni orang kampung. Perempuan pulak tu. Apa lagi yang saya boleh fikir selain dari kahwin?”

“Kenapa tak sambung belajar?”

Haziqah mengeluh berat. “Belajar tinggi-tinggi pun buat apa?

Akhirnya ke dapur juga tempat saya!”

Fakrul tersenyum lagi. Lebih sinis dari tadi. “Kalau dah dasar orang kampung! Fikiran semuanya kolot.”

Haziqah rasa sedikit terpukul dengan kata-kata lelaki itu. Bercakap dengan Fakrul hanya akan membuatkan hatinya sakit. Haziqah tahu, lelaki itu sentiasa mahu menang. Ah, biarlah! Satu hari nanti aku akan pastikan lelaki itu pula yang tertewas. Haziqah berkata di dalam hati.

Bab 21

MELATI mundar-mandir di ruang tamu rumahnya. Wajahnya yang berkerut-kerut membuatkan Mak Senah yang sedang duduk menjahit di kerusi rotan menjadi bingung. Dia tidak tahu perkara apa yang bermain-main di fikiran anaknya. Ingin bertanya tetapi dia tidak tahu hendak mula dari mana. Sesekali Mak Senah terdengar keluhan Melati sambil menghentak-hentak kakinya ke lantai rumah.

“Eeee…geram…geram. Bodoh betul perempuan tu. Mak dah mati pun boleh sibuk bercinta. Tak guna!” Bebelan Melati kedengaran lagi.

Mak Senah berhenti menjahit. Bebelan Melati membuatkan dirinya semakin kuat untuk mengetahui punca sebenar. Dia melihat Melati sekejap duduk dan sekejap berdiri di hadapannya seperti cacing kepanasan.

“Eh Ati, kau ni kenapa? Dah buang tabiat? Pening kepala mak tengok kau berjalan ke sana sini, tak reti duduk diam!” marah Mak Senah.

Melati terus-terusan merungut. “Ati benci betul dengan Ziqa tu. Mata ni sakit mak tahu…sakit! Eee…perempuan miang!” Melati hampir-hampir menjerit.

“Hisy, kau ni. Kalau ya pun, janganlah sampai terpekik, terlolong. Kau tu anak dara Ati. Ingat sikit!”

“Ah…Ati peduli apa! Ziqa tu memang tak tahu malu. Tak habis-habis pembawa malang. Bodoh betul Fakrul tu! Apalah yang Ziqa tu buat sampai mereka boleh berbaik?” Melati berkata kasar.

Melati terasa nafasnya meruap panas apabila teringatkan Fakrul dan Haziqah yang dilihatnya berbual-bual di dalam bilik melalui tingkap bilik Haziqah yang terbuka luas. Biarpun tiada kemesraan yang boleh menimbulkan syak, hati Melati tetap panas. Lelaki kaya yang menjadi suami Haziqah itu dirasakan bakal merosakkan rancangannya untuk menghapuskan Haziqah.

“Fakrul mana pulak ni?” Mak Senah bertanya.

“Ah, sudahlah. Malas nak bercerita pasal budak gila tu. Rasa macam nak cekik aje leher dia orang. Jagalah nanti! Ati takkan bagi dia hidup senang. Selagi Ati ada kat kampung ni, Ziqa tu takkan hidup gembira.”

“Kau nak buat apa? Mak dia dah mati, dia dah tak ada sesiapa. Mak kandungnya pun hanya datang masa Aminah mati dua minggu lepas aje. Biarkan ajelah.”

“Tak semudah tu, mak. Ati ada rancangan sendiri. Biar hati ni rasa puas. Tak kisahlah apa pun yang berlaku, asalkan hati Ati rasa puas!”

“Apa rancangan kau?” soal Mak Senah sedikit risau.

KETUKAN yang bertalu-talu membuatkan Haziqah melangkah pantas ke arah pintu rumahnya yang dikunci rapat. Perasaan hendak marah menular ke seluruh badannya apabila terdengar ketukan yang kuat dan kasar seperti hendak roboh rumah pusaka itu. Mulut Haziqah sempat merungut-rungut tanda tidak senang menerima kehadiran tetamu pada waktu dirinya ingin bersendirian.

“Siapa?” tanya Haziqah sebelum membuka pintu.

Tiada jawapan yang kedengaran.

“Siapa kat luar?” Haziqah bersuara keras. Dia sedikit ragu-ragu memandangkan waktu sudah lewat malam.

“Ziqa, aku ni…” suara lelaki itu tidak dapat ditangkap oleh pemikiran Haziqah.

“Siapa? Fakrul ke?” tanya Haziqah sambil membuka pintu.

“Fakrul ke?” sapa Haziqah lagi. Dia tidak nampak wajah lelaki yang sedang berdiri di hadapan pintu rumahnya. Keadaan waktu itu samara-samar.

Namun Haziqah hampir rebah apabila dia dirempuh dengan begitu kuat oleh lelaki yang tidak dikenali. Haziqah kaget. Ketika itu dia

dapat mendengar bunyi ketawa yang amat kuat. Haziqah bertambah gementar apabila mendengar bunyi pintu berlaga-laga dan dia tahu pintu rumahnya sedang dikunci. Hatinya semakin berdebar-debar. Apakah maksud perbuatan lelaki itu?

“Kau ni siapa?” Haziqah bertanya apabila matanya terpandang wajah seorang lelaki separuh usia yang agak menakutkan.

Lelaki itu dilihatnya masih ketawa. Malah lebih kuat dari tadi dan amat mencemaskan Haziqah. Ya ALLAH! Apakah ujian yang sedang kualami ini? Bisik Haziqah sambil berundur ke belakang.

Haziqah tersandar di dinding papan rumahnya. Malam itu dia hanya keseorangan. Puan Haryati sudah dua hari pulang ke Kuala Lumpur. Fakrul pun baru sahaja berangkat pulang. Hanya Haziqah yang tinggal di situ. Dia masih mahu berlama-lama di rumah itu. Malah, Fakrul pun telah memberi keizinan padanya.

“Aku Leman!” lelaki itu menjawab.

Haziqah mengerutkan dahi. Leman? Haziqah tidak tahu. Setahunya dia tidak pernah mendengar nama itu di Kampung Sri Gambut.

“Apa kau nak?”

“Aku nak kaulah. Kau tak ingat aku? Aku kan kawan ayah kau…” Leman ketawa terbahak-bahak.

Haziqah bertambah gerun. Serentak itu, Haziqah teringat ada seorang lelaki yang pernah menarik tangannya ke satu tempat sunyi. Waktu itu, dia masih bersekolah menengah. Mujur ayah cepat mencarinya. Jika tidak, dia sendiri tidak tahu apa yang akan terjadi kepadanya.

“Bagus betul orang yang mengupah aku tu! Hanya menyuruh aku memburukkan nama kau, aku dapat upah yang cukup besar! Tapi kalau setakat duit aje, aku takkan puas. Kalau dapat merasa tubuh kau yang cantik tu…mesti sedap, kan?” kata Leman dengan mata yang galak.

Masya-ALLAH! Siapa yang merancang semua ni? Haziqah terasa takut. Saat itu juga, dia mendengar tapak kaki semakin mendekati.

Tetapi langkah Leman tiba-tiba terhenti. Dia teringatkan kata-kata Melati sewaktu menyerahkan tugas kepadanya semalam.

“Kau jangan usik lebih-lebih Leman. Aku upah kau ni untuk menyakat dia aje. Jangan sampai kau apa-apakan dia.” Kata-kata itu terngiang di ingatan Leman.

Leman memandang wajah Haziqah yang sedang menangis. Kemudian, matanya meliar ke seluruh tubuh Haziqah yang berbaju kurung dan berkain batik itu. Ah, aku peduli apa! Dulu, aku kempunan. Sekarang, aku akan pastikan perempuan ini jadi milik aku.

Haziqah cuba untuk melarikan diri. Tetapi Leman pantas bertindak. Kakinya menyekat pergerakan Haziqah. Lantas Haziqah jatuh tersungkur. Dia cuba bangun dan ketika itu juga terasa kepalanya dihentak dengan sesuatu yang keras.

“Kau nak lari ke mana, hah?” Leman menjerit.

Kepala Haziqah berpinar-pinar. Dia turut terasa rambutnya melekit dengan cecair likat yang pekat. Haziqah bertambah pening. Kepalanya terasa amat sakit. Kemudian, dia terasa tangan Leman menjalar-jalar ke seluruh tubuhnya. Dan raungan Haziqah semakin kuat apabila baju kurungnya direntap dan terkoyak sebahagiannya.

Walaupun lemah, Haziqah mengumpul kekuatan. Dengan sisa kudrat yang ada, dia menolak tubuh Leman sekuat hati.

“Hoi, perempuan bodoh! Jangan ingat kau boleh lari dari cengkaman aku,” jerit Leman geram. Dia seperti tidak sabar untuk menikmati tubuh itu.

Haziqah terus berlari tidak tentu arah. Biarpun terhuyung-hayang. Haziqah tetap cuba. Namun, Haziqah gagal. Tiba-tiba dia longlai di atas lantai rumahnya. Dia terasa lemah yang teramat. Ketika itu, tubuhnya telah dihimpit, dia dapat merasakan deru nafas Leman yang semakin kuat di telinganya. Malah semakin dekat dengan wajahnya yang semakin lemah.

KERETA Fakrul semakin hampir melintasi rumah Haziqah. Dia mengurangkan kelajuan keretanya. Rumah itu nampak sunyi dan gelap. Fakrul pelik. Sempat mengerling ke arah jam tangannya. Dah tidur ke perempuan tu? Akhirnya Fakrul membelokkan kereta ke lorong kecil rumah itu. Dia masih ragu-ragu kerana takut kedatangannya nanti tidak diterima oleh Haziqah.

Tetapi Fakrul ke situ bukan dengan niat apa-apa. Dia sekadar mahu menghantar sedikit bekalan makanan untuk Haziqah. Kemudian Fakrul akan terus pulang. Dia tidak akan berlama-lama di situ. Memang sepatutnya Fakrul menemani Haziqah, tetapi Fakrul merasakan dia tidak betah berada di situ. Pasti Haziqah juga akan berasa kekok untuk tinggal berdua dengannya di rumah itu.

Ketika Fakrul melangkah keluar dari kereta, dia dapat mendengar bunyi deraian kaca yang pecah. Begitu kuat dan bunyi itu datang dari dalam rumah Haziqah. Fakrul pantas berlari ke pintu rumah.

“Ziqa! Kau tak apa-apa ke?” tanya Fakrul beserta ketukan bertalu-talu di pintu.

Suasana di dalam rumah terus sunyi. Namun bunyi tapak kaki seperti berlari-lari anak membuatkan Fakrul yakin bahawa Haziqah berada di dalam rumah.

“Ziqa!” laung Fakrul lebih kuat dari tadi. Tetapi masih tiada jawapan.

“Ziqa, aku ni Fakrul…” Fakrul jadi risau. Pantas dia turun ke tanah. Kakinya melangkah ke tingkap rumah Haziqah pula. Dari celah-celah papan, Fakrul dapat melihat situasi rumah Haziqah yang agak berselerak. Tetapi kurang jelas. Daun tingkap diketuk pula. Mungkin

Haziqah tidak mendengar dan risau dengan kehadiran tetamu di tengah-tengah malam sebegitu.

“Ziqa!” Fakrul melaung lagi.

Fikiran Fakrul mula ligat berputar. Kemudian dia menuju ke pintu rumah Haziqah yang masih tertutup. Dia berdiri di hadapan pintu itu seketika sambil berfikir kemungkinan yang berlaku. Jika Haziqah tiada apa-apa, kenapa dia tidak mahu membuka pintu? Sedangkan Fakrul sudah memberitahu namanya sebentar tadi!

Tiba-tiba Fakrul ternampak seolah-olah ada kelibat seseorang yang berlari ke arah belakang rumah Haziqah. Fakrul tersentak.

“Siapa tu?” jerit Fakrul. Namun tiada sesiapa yang menyahut. Fakrul terus menuju ke tempat matanya terpandang kelibat tadi. Tetapi tiada sesiapa. Kemudian, Fakrul melilaukan pandangannya ke semak-samun dan belukar kecil yang gelap-gelita. Dan ketika itu, Fakrul terpandang pintu belakang rumah Haziqah yang terbuka luas. Ada cahaya terang-benderang di situ.

“Ziqa!” Fakrul memanggil. Kakinya terus melangkah laju ke dalam rumah.

Mata Fakrul hampir terbeliak apabila melihat ruang tamu yang bersepah-sepah seperti baru dicerobohi itu. Ada kaca yang bertaburan di sana-sini. Dan paling mencemaskan, ada titis-titis darah di lantai rumah.

Hati Fakrul berdebar-debar. Haziqah tercederakah? Habis siapa yang berlari-lari tadi? Kelibat siapa pula yang hampir-hampir dilihat olehnya? Bulu roma Fakrul menegak. Jangan-jangan…

Fakrul pantas melangkah ke bilik Haziqah. Mana tahu Haziqah ada di dalam bilik selepas tercedera. Tetapi, tak semena-mena biji mata Fakrul menangkap sendiri sekujur tubuh Haziqah yang kaku. Tubuh yang terbaring itu berada dalam keadaan yang amat mengaibkan. Sebahagian tubuhnya terdedah dan benar-benar mencemaskan.

Fakrul tergamam. Ziqa! Jeritnya di dalam hati.

Bab 22

"MACAM MANA keadaan Ziqa, Diah? *Is she okay?*" Fakrul bertanya cemas. Selepas ternampak Radiah keluar dari bilik rawatan, Fakrul terus mendapatkannya. Keadaan Haziqah yang begitu teruk membuatkan Fakrul tidak sabar-sabar mahu mengetahui dengan lebih lanjut tentang gadis itu.

Radiah mengeluh kuat. Kedengaran amat berat di telinga Fakrul.

"Susah aku nak cakap, Fakrul."

"*What is her condition?"*

"*I'm not sure*. Terlalu banyak kesan luka di badannya."

Hati Fakrul yang risau bercampur aduk dengan perasaan ingin tahu. Radiah merenung Fakrul yang gelisah.

“*Fakrul…I think she was raped*,” ujar Radiah lambat-lambat.

Sebagai doktor yang sudah bertugas bertahun-tahun di hospital itu, sudah menjadi lumrah baginya untuk mengandaikan sesuatu kejadian atau kes melalui pengamatan dan pemeriksaan awal.

Fakrul terpana. “*What? Are you sure?*”

Radiah menunduk sejenak. Kemudian keluhannya tercetus. Begitu faham dengan gelodak perasaan Fakrul yang nampak terkejut dengan andaiannya.

“Semuanya masih dalam pemeriksaan. Apa yang aku cakap tadi hanya andaian awal. Sekarang ni, apa yang penting kita berdoa. Semoga Ziqa selamat dan tiada apa-apa perkara buruk yang berlaku padanya.”

Fakrul diam membisu. Simpatinya tiba-tiba bertambah apabila teringatkan keadaan Haziqah sebelum dibawa ke hospital tadi. Betapa lemahnya hembusan nafas gadis itu dengan tubuh yang kaku. Seolah-olah nyawanya sudah berada di hujung tanduk. Begitu menakutkan!

Biarpun Fakrul tidak pernah cintakan Haziqah, namun sebagai seorang manusia yang bertanggungjawab, dia cuba membantu apa yang patut. Haziqah bukan sahaja gadis yang sudah menjadi anak yatim tetapi Haziqah juga adalah isterinya.

“DOKTOR! Pesakit dah sedarkan diri.” Suara seorang jururawat yang memanggil dari pintu bilik rawatan membuatkan mereka berdua saling berpandangan.

Kemudian, Radiah bingkas dan berjalan pantas ke bilik itu. Fakrul mengikut Radiah dari belakang.

“Eh, encik tak boleh masuk. Keadaan pesakit masih belum stabil,” beritahu jururawat tadi apabila Fakrul ingin melangkah ke dalam bilik.

“Pergi! Pergi! Jangan sentuh aku! Jangan sentuh aku!” Dari luar bilik, Fakrul sudah terdengar jeritan yang begitu nyaring. Fakrul tahu itu suara Haziqah.

Jururawat tadi sudah hilang di sebalik muka pintu apabila terdengar jeritan Haziqah. Fakrul tidak peduli. Dia tetap menolak daun pintu bilik rawatan. Serentak dia menghentikan langkah apabila ternampak Haziqah yang sedang dalam ketakutan.

“Bawa bertenang Ziqa. Aku takkan apa-apakan kau. Aku cuma nak merawat kau. Kau tak kenal aku?”

Radiah berusaha menenangkan Haziqah. Beberapa jururawat turut membantu walaupun masing-masing kelihatan ragu-ragu untuk mendekati Haziqah. Haziqah duduk memeluk lutut di ceruk dinding. Bibirnya terkumat-kamit seolah-olah sedang berkata sesuatu. Kata-kata Radiah tidak dihiraukan olehnya. Haziqah seakan berada di dalam dunianya sendiri.

“*Nurse*, bersedia untuk suntik dia,” arah Radiah kepada beberapa orang jururawat yang membantunya.

“Encik, tolong keluar dulu. Pesakit perlu disuntik. Encik tidak sepatutnya berada di dalam bilik ni.” Jururawat yang menegur Fakrul sebentar tadi, memberitahu.

“Saya suami dia,” ujar Fakrul pantas.

Jururawat tadi terdiam. Kemudian tidak berkata apa-apa lagi. Bersiap sedia untuk menyediakan alat-alat yang diminta oleh Radiah. Radiah dan beberapa orang jururawat mula menghampiri Haziqah. Kemudian, masing-masing menarik tangan Haziqah yang menjerit dan meronta-ronta meminta dirinya dilepaskan.

“Jangan sentuh aku! Jangan pegang aku! Tolong…tolong…!” suara Haziqah begitu kuat.

Setiap jeritan Haziqah didengari oleh Fakrul. Lelaki itu jadi gelisah. Apa yang telah berlaku pada Haziqah agaknya? Tidak lama kemudian, jeritan Haziqah tidak kedengaran lagi.

“Fakrul!” Tiba-tiba Amirul muncul.

Fakrul mengeluh apabila ternampak rakannya.

“Macam mana Ziqa? Apa yang berlaku sebenarnya?”

“Aku tak tahu Mirul! Kau tanyalah Diah sendiri.” Fakrul menjawab perlahan.

Amirul kemudiannya berlalu menuju ke arah Radiah yang masih memberi rawatan kepada Haziqah. Wajah Haziqah yang dipenuhi luka-luka dan calar-calar nampak amat tertekan biarpun dia masih tidak sedarkan diri. Nafasnya yang terputus-putus itu benar-benar membuatkan Haziqah nampak begitu lemah. Apatah lagi dengan wajah yang pucat lesi. Kepalanya juga berbalut dengan kain kasa dan hidungnya ditutupi dengan corong oksigen bagi membantu pernafasannya.

“Jom, kita duduk kat luar, Rul. Diah dah suntik bius. Mungkin Ziqa tak sedarkan diri sampai esok.” Amirul berkata sambil tangannya menepuk bahu Fakrul.

JAM sudah menunjukkan pukul 1.30 pagi. Suasana hospital terlalu sunyi ketika itu. Kebanyakan pesakit sudah tidur dan petugas-petugas hospital juga sedang sibuk dengan tanggungjawab masing-masing.

Kejap-kejap Amirul menoleh Fakrul yang membatu sejak tadi. Nampak sangat lelaki itu sedang memikirkan sesuatu. Namun tidak diketahui oleh Amirul. Pasal Haziqahkah?

“Kau dah telefon *family* kau beritahu pasal Ziqa?”

Fakrul menggeleng.

“Pergilah telefon. Sekurang-kurangnya *family* kau tahu. Aku rasa sekarang ni Ziqa memerlukan sokongan daripada kita.”

“Kenapa? Apa yang berlaku?”

“Diah cakap Ziqa dalam trauma.”

“Trauma? Maksudnya?”

“Gangguan emosi. Salah satu kesan yang biasanya akan berlaku pada seseorang jika seseorang itu mengalami kejadian yang menakutkan.”

Fakrul terdiam.

“Sudahlah Rul. Pergilah telefon *family* kau dulu. Kau pulak jangan banyak berfikir sangat. Kita tunggu bila Ziqa dah sedar nanti.” Amirul menepuk bahu Fakrul.

SITI SAKINAH tidak dapat menahan rasa sedih apabila melihat wajah cengkung Haziqah yang dipenuhi calar-calar halus. Baru beberapa minggu Haziqah hidup keseorangan sebagai yatim piatu, dirinya ditimpa musibah pula. Siti Sakinah benar-benar pilu. Sejak diberitahu nasib yang menimpa Haziqah oleh adiknya tadi, Siti Sakinah dan Hafiz cepat-cepat bertolak ke Kampung Sri Gambut.

Ketika sampai di pintu wad, kelihatan keluarga Puan Haryati sudah berada di situ. Siti Sakinah pantas mendapatkan Haziqah. Semua yang ada di situ hanya mendiamkan diri. Cuma Puan Haryati yang asyik bersuara. Menegur sikap Fakrul yang tidak memuaskan hatinya.

“Kau ni tak habis-habis nak susahkan hati umi. Apa yang dah merasuk kau agaknya Rul! Kalau tak sayang, jangan nak menyeksa anak orang. Kau menipu umi! Kononnya setuju tinggal beberapa hari kat sini sebab nak jaga Ziqa...habis apa yang kau buat ni?” Puan Haryati membebel lagi.

Fakrul hanya menunduk sejak dari tadi. Dia rasa bersalah dan dia tahu dirinya telah dipersalahkan atas kejadian yang menimpa Haziqah. Fakrul tidak berani untuk bersuara. Jika dia tidak meninggalkan Haziqah pasti kejadian itu tidak akan berlaku.

“Kau tengoklah isteri kau tu Rul. Tak kasihan ke? Dia anak yatin piatu, Rul. Kewajipan menjaga kebajikannya terletak di tangan kau sekarang ni. Bukan menyeksanya.”

“Sudahlah Yati! Tak elok marah-marah sekarang ni. Nanti bila Ziqa dah sedar, dia terkejut pulak.” Tuan Fuad cuba memujuk.

“Betul tu Yati. Apa yang terjadi ni satu takdir.” Siti Sakinah pula memberikan pendapatnya.

Hafiz di sisi hanya diam bersama Faremi. Sumaiyah pula hanya memerhati di sisi ibunya, Makcik Roha.

“Yati sedih kak. Kenapalah Rul tak habis-habis menyusahkan hati Yati?”

Fakrul menunduk lagi. Diam seribu bahasa.

WAKTU itu, jam sudah hampir menunjukkan pukul 2.00 petang. Mereka masih sabar menunggu di bilik itu. Hanya sesekali jururawat datang

memeriksa tekanan darah dan denyutan nadi Haziqah. Siti Sakinah ingin menarik tangannya dari tangan Haziqah. Namun, tiba-tiba dia terasa tangan Haziqah bergerak-gerak.

“Ziqa!” panggil Siti Sakinah.

Semua yang sedang membatu terus memandang ke arah Haziqah. Mereka turut ternampak respon tangan Haziqah yang bergerak-gerak.

“Ziqa, umi ni! Buka mata kau, nak. Umi dah datang.” Puan Haryati berbisik di telinga Haziqah.

Puan Haryati menggenggam jari-jemari Haziqah yang lagi sebelah. Mata Haziqah masih tertutup rapat. Namun, jari-jemarinya yang erat menggenggam, terus dapat dirasai oleh Puan Haryati dan Siti Sakinah.

“Ziqa!” Giliran Siti Sakinah memanggil.

Perlahan-lahan tubuh Haziqah digoyang-goyangkan. Tetapi, tangan Haziqah sudah tidak bergerak lagi. Kaku seperti sebelumnya.

“Ziqa!” Puan Haryati tetap memanggil.

“Yati, Ziqa masih perlukan rehat.” Tuan Fuad menyampuk tiba-tiba.

“Yati cuma nak Ziqa buka mata dan sedar yang kita ada di sisinya. Itu saja!”

“Baik kita jangan ganggu dia dulu. Keadaannya masih tak stabil. Kata doktor, dia masih dalam traumanya,” beritahu Fakrul setelah agak lama membisu.

“Trauma?”

Fakrul mengangguk.

Bab 23

SABAN hari Fakrul menjadi pengunjung setia hospital itu. Dia lebih senang melihat sendiri perkembangan diri Haziqah. Malah dia sudah tidak sabar lagi untuk mengetahui keputusan pemeriksaan Haziqah. Lantas, langkahnya diatur laju ke bilik Radiah.

Nasib Fakrul baik kerana setibanya di bilik Radiah, Radiah sedang khusyuk mencatat sesuatu. Radiah menerima kedatangan Fakrul dan mempelawanya duduk. Kemudian Radiah menutup pintu biliknya. Dia dapat mengagak tujuan Fakrul menemuinya.

"Setakat ni laporan Ziqa masih belum keluar. Lagipun, rawatan ke atasnya masih dijalankan. Makmal tak boleh nak keluarkan laporan sebenar. Jadi, aku tak boleh nak buat kesimpulan." Radiah berkata sambil duduk.

"Aku risau Diah. Aku takut kalau apa yang kau andaikan tu benar-benar jadi kenyataan."

"Aku pun risau. Kau baru aje kenal Ziqa tu, Rul. Aku ni…yang dah lama kenal dia, yang tahu kisah hidupnya sikit-sikit…lagilah risau!"

Fakrul mengetuk jari-jemarinya di atas meja Radiah. Kata-kata wanita itu ada benarnya. Namun, dia tidak tahu apa yang menyebabkan dia benar-benar risau.

Radiah mengalihkan pandangan ke arah Fakrul yang membisu. Muka rakannya itu ditenung lama. Dia tahu tentang perkahwinan

Fakrul dengan Haziqah. Itupun setelah suaminya memberitahu beberapa hari yang lepas. Jika tidak, sampai ke hari ini pun, belum tentu Fakrul akan menceritakan hal itu.

“Kau ni hari-hari aku nampak kat sini melawat Ziqa tu. Ada apa-apa ke?” soal Radiah tiba-tiba sambil tersenyum mengusik.

Khayalan Fakrul terhenti. Pandangan Radiah dibalas segera. Nada pertanyaan Radiah seperti mengandungi makna yang tersirat.

“Kenapa kau tanya macam tu? Apa tak boleh ke aku melawat dia? Ziqa tu isteri aku…”

“Aikk…dah mengaku isteri nampaknya!” Radiah berkata sambil bergurau.

Fakrul mengetap bibir. Kepalanya digeleng laju menafikan kata-kata Radiah.

“Habis, kenapa kau kahwin dengan dia? Sebab mak kau yang suruh?”

Fakrul mengangguk lagi.

“Rul…Rul…kenapalah kau tak fikir panjang. Belajar tinggi-tinggi, tapi berfikir macam budak-budak. Tak matang! Kau ingat kahwin ni boleh dibuat main-main macam kau main tarik-tarik tali masa kat universiti dulu?” ujar Radiah panjang.

Otak Fakrul ligat berfikir. Bibirnya masih terkunci. Tangannya pula sibuk mengetuk meja sebelum ditarik dan digenggam sesama sendiri. Fakrul menyandar di kerusi. Terasa selesa.

“Kau dengan dia ada apa-apa ke?” soal Radiah lagi.

“Ada apa-apa? Maksud kau?” berkerut dahi Fakrul.

“Kot-kot kau dengan Ziqa tu…”

“Hisy…belum sampai ke tahap tu, Diah. Aku tak cintakan dia. Dan aku tak rasa aku akan ada apa-apa dengan dia.” Fakrul cuba menafikan.

Radiah ketawa mengekeh. “Eleh, beranilah kau cakap macam tu. Satu hari nanti kena batang hidung sendiri baru tahu,” sindir Radiah.

“Apa yang kau merepek ni, Diah? Jangan nak melalutlah.” Fakrul buat-buat ketawa.

Namun hati lelakinya dapat merasakan ada sesuatu yang berdetik. Cuma dia tidak tahu apa yang sedang mengganggu jiwanya kini. Yang Fakrul tahu dia tidak berasa apa-apa bile melihat Haziqah biarpun ketika mereka berdua-duaan.

“Eh, kenapa kau tak sukakan Ziqa tu? Dia kan cantik dan lemah-lembut?”

“Itu bukan perkara pokoknya. Apa yang perlu kau tahu, aku dengan Ziqa tak ada apa-apa.” Fakrul masih tegas dengan pendiriannya.

“Habis tu, kenapa kau sanggup hantar makanan padanya tempoh hari? Kau buat apa lagi kat situ?” tanya Radiah sedikit pelik.

"Kenapa dengan kau ni? Pelik ke aku hantar makanan? Alah, aku beli nasi bungkus aje. Kebetulan aku teringatkan dia, masa aku singgah makan kat gerai sebelum bertolak ke KL. Salah ke?"

"Tak adalah. Risau jugak kau kat Ziqa ya. Takut dia tak makan ke?"

"Dia anak yatim piatu, Diah. Aku tak ada niat lain pun. Aku tak nak Ziqa rasa dia dah tak ada sesiapa kat dunia ni. Tambah-tambah dia tinggal sorang-sorang kat rumah malam tu," jelas Fakrul.

"Aku tahu. Aku sekadar bertanya aje. Tapi, kalau kau dengan Ziqa bercinta sekalipun, tak ada salahnya. *She's a nice person*," sambung Radiah sambil ketawa.

"ASSALAMUALAIKUM." Tiba-tiba Amirul muncul.

Radiah mendongak memandang pintu. Dia tersenyum mesra menyambut kedatangan suaminya itu.

"Kau ada kat sini, Rul?" soal Amirul sambil menutup pintu bilik isterinya. Dia terus menuju ke arah Radiah sambil mengucup pipi isterinya sebelum duduk bersebelahan Fakrul.

"Kenapa kau senyum?" soal Fakrul.

"Dulu bukan main pemalu. Sekarang, nak bermesra pun dah tak kira tempat," perli Fakrul.

"Weh, *jealous* ke?"

"Tak adalah," nafi Fakrul.

"Kalau tak *jealous*...jangan banyak cakap. Eleh, isteri ada nak mengutuk orang. Bila dah *start* sayang kat isteri kau nanti...tahulah kau," usik Amirul.

"Ziqa macam mana? Dah okey?" tanya Amirul menukar topik.

"*Still the same*. Cuma dia dah tak meracau-racau. Diah rasa dia dah berada dalam situasi pemulihan. Kita kena banyak berbual dengannya," ucap Radiah lembut.

Amirul hanya mengangguk. Fakrul di sisi diam mendengar perbualan umum pasangan itu.

"Jomlah kita tengok Ziqa," ujar Fakrul.

"Tengok tu tak menyempat-nyempat. Dah tak sabar-sabar sangat nak tengok isteri dia, bang!" Radiah bersuara sambil tersenyum.

Bab 24

KERETA yang dipandu oleh Fakrul terus meluncur laju. Haziqah yang berada di sisinya lebih gemar menyepikan diri. Melayan perasaan dengan mendengar alunan muzik sentimental yang dari tadi kedengaran perlahan. Sesekali Fakrul memandang Haziqah yang masih membisu di sebelahnya. Setelah hampir tiga minggu gadis itu menetap di hospital barulah dia dibenarkan pulang hari ini.

Namun, Radiah mengenakan syarat! Gadis itu tidak boleh ditinggalkan sendirian memandangkan Haziqah yang masih belum stabil. Haziqah masih memerlukan sokongan dan kata-kata perangsang. Malah, Haziqah masih takut-takut jika ada sesiapa yang menyentuhnya secara mengejut. Mungkin trauma Haziqah terhadap kejadian hitam itu masih berbaki. Ketakutannya masih terasa.

Fakrul mengeluh. Pantas tangannya menekan punat radio. Menukar stesen radio lain yang mengalunkan irama lagu yang lebih rancak. Fakrul tahu Haziqah sedang mengelamun. Haziqah seolah-olah berada dalam dunianya sendiri.

"Kita balik rumah di KL. Bahaya kalau kau tinggal di sini. Lagipun esok aku dah *start* bekerja. Umi mesti tak bagi kau tinggal seorang diri kat sini." Fakrul memulakan perbualan. Dia memandang seketika ke arah Haziqah.

Gadis itu hanya diam. Tidak mengangguk atau menggeleng.

EMPAT PULUH LIMA MINIT kemudian, kereta Fakrul berhenti di halaman rumahnya. Haziqah hanya menurut apabila pintu di tempatnya dibuka dari luar. Fakrul ingin memimpinnya tetapi Haziqah pantas menepis. Terasa tidak selamat dengan sentuhan tangan kasar itu.

Waktu itu, Siti Sakinah, Puan Haryati dan ahli-ahli keluarga yang lain memang sedang menanti kepulangan mereka. Masing-masing mengukir senyuman apabila ternampak wajah Haziqah yang lesu.

"Bawa Ziqa ke dalam bilik, Rul! Biar Ziqa berehat," arah Puan Haryati.

Fakrul cuba memimpin tangan Haziqah semula tetapi belum sempat dia menarik Haziqah ke dalam rumah, Haziqah lebih cepat mengelak. Dia lebih selesa berjalan sendirian. Puan Haryati sudah hilang ke dapur. Diikuti dengan Siti Sakinah. Masing-masing sedih melihat keadaan Haziqah.

Fakrul menolak langsir yang tadi menutupi tingkap biliknya. Cahaya matahari mula memancar terang. Haziqah tetap diam.

Kemudian, Fakrul menunjukkan arah katil kepada Haziqah. Sejenak wajah suram Haziqah ditenungnya.

Reaksi Haziqah yang membisu sejak tadi membuatkan Fakrul tidak senang hati. Dia teringatkan kata-kata Radiah pagi tadi.

"*She's fine! Nothing suspicious* yang aku dan doktor-doktor lain jumpa waktu kami merawat Ziqa. *So*…kau janganlah risau! Kami *conclude* yang Ziqa tak apa-apa. Andaian hari tu tak tepat."

"Habis, kenapa dia tak banyak cakap? Macam mana dengan traumanya?"

Radiah menarik nafasnya sambil menyandarkan tubuhnya ke kerusi.

"Itu bukan satu masalah besar. Kita boleh bagi dia kaunseling."

"Berkesan ke?"

"*It takes time*. Kalau dia tak pengaruhi pemikiran dia dengan kejadian tu…InsyaALLAH, Ziqa akan sembuh dengan cepat!"

Fakrul tersedar dari ingatan. Perlahan-lahan dia menapak ke arah pintu bilik. Dia ingin keluar meninggalkan bilik itu untuk seketika. Namun, dia berpaling. Memerhati Haziqah yang sedang berbaring di atas katil. Kemudian, dia cuba menghampiri Haziqah.

Tetapi apabila dia ingin melangkah sahaja, matanya terpandang garis-garis merah yang ditampal beberapa bulan dulu. Kawasan yang membezakan tempatnya dengan gadis itu. Fakrul tidak jadi meneruskan langkah. Memusingkan tubuh dan mula melangkah menuju ke pintu bilik yang terbuka.

"Fakrul!" Langkah Fakrul terhenti. Tersentak dengan panggilan Haziqah. Gadis itu dilihatnya masih kaku di tempat baringan.

"Kenapa?" soal Fakrul perlahan.

"Nanti awak boleh bawa saya berjalan-jalan di bangunan yang ada jambatan kat tengah-tengah tu tak?" pinta gadis itu tiba-tiba.

Fikiran Fakrul terus terbayangkan bangunan KLCC yang tersergam indah. Mungkin bangunan itu yang dimaksudkan oleh Haziqah.

"Semalam saya bermimpi berjalan-jalan di situ. Boleh tak kita pergi?" soal Haziqah lagi.

Fakrul terus mengangguk. "Nanti aku ambil cuti. Aku bawa kau ke sana!"

Haziqah tersenyum. Senyuman yang Fakrul rasakan seolah-olah itulah kali pertama dilihatnya menguntum mekar di bibir Haziqah. Sungguh! Dia tidak pernah melihat Haziqah tersenyum kepadanya sebegitu rupa.

"Saya rasa mata saya tak boleh nak tidur sekarang ni. Boleh tak saya bangun dan buat sesuatu yang tak membosankan saya?" pinta Haziqah.

Fakrul menjadi pemerhati kepada tingkah Haziqah yang agak menghairankan. Tetapi Fakrul tidak membantah apabila gadis itu bangun dan berjalan ke arah almari baju.

“Saya nak gosok baju kerja awak. Esok awak nak pergi kerja tak payahlah saya kelam kabut lagi.”

Haziqah terus mencapai beberapa kemeja berlengan panjang yang tergantung di dalam almari. Dikeluarkan satu-persatu lalu diletakkan di atas katil. Dia pula menuju ke papan penggosok baju. Apabila dia tiba di hadapan garis pelekat merah, langkahnya termati di situ.

“Boleh saya lalu?” soalnya meminta kebenaran.

Fakrul mengangguk. Dia terus memerhatikan tingkah Haziqah yang nampak agak ganjil. Gadis it uterus leka dengan kerja-kerjanya membuatkan kegelisahan Fakrul semakin bertambah. Adakah Haziqah masih dengan traumanya? Gadis itu seolah-olah ingin melupakan ketakutannya dengan bersikap demikian.

“Kenapa senyap?” pertanyaan Haziqah kedengaran di telinganya.

“Kalau saya kat kampung, petang-petang macam ni selalunya saya berjalan di pantai. Kadang-kadang saya pergi dengan Sue. Ada masanya saya pergi dengan mak. Takpun saya pergi sorang-sorang aje. Tapi, dulu saya rajin berjalan-jalan di pantai dengan Yusri…” Tiba-tiba Haziqah menghentikan ucapannya. Tangan yang sedang ligat menggosok kemeja berwarna biru itu turut tidak bergerak.

“Siapa Yusri?” soal Haziqah sendiri.

“Oh…Yusri anak Pak Samad,” jawab Haziqah.

Fakrul menjadi pendengar dan pemerhati di situ. Sedikit berminat dengan topik yang Haziqah bicarakan.

“Yusri pernah berjanji dengan saya yang dia akan menjaga saya seumur hidupnya. Tapi…” ayat Haziqah terhenti lagi. Ada getaran dari nada suaranya.

“Ziqa…” panggil Fakrul seolah-olah ingin memujuk.

“Saya tak sangka dia sanggup tuduh saya macam tu! Apa salah saya? Kenapa dia larikan diri daripada saya? Saya dah lakukan kesalahan ke?” Mutiara jernih mulai kelihatan di bucu matanya.

“Ziqa sudahlah! Aku nak kau berehat!” arah Fakrul pantas. Dia cuba menghalang Haziqah dari meneruskan kata-katanya.

“Agaknya Yusri ingat saya dah…”

“Ziqa!”

“Lelaki tu…dia kawan ayah saya!”

Fakrul terdengar suara Haziqah berbunyi agak cemas. Lelaki itu? Lelaki mana pula yang Haziqah maksudkan? Yusrikah? Fakrul bertanya di benaknya.

“Dia datang dekat saya. Dia ketawa. Kemudian…dia buka baju. Lepas tu…”

Dahi Fakrul berkerut-kerut. Dia yakin lelaki yang dimaksudkan oleh Haziqah kini bukan lagi Yusri tetapi lelaki yang hampir meragut maruahnya itu.

“Kenapa dia cari saya? Saya tak kenal dia pun. Apa yang dia nak?” suara Haziqah kedengaran tersangkut-sangkut. Soalannya keluar tanpa henti. Mencari jawapan yang tersendiri.

Fakrul pantas menghampiri Haziqah. Tangan gadis itu dicapainya. Namun Fakrul terkejut apabila Haziqah menepis dengan kuat.

“Kau nak apa?” jerit Haziqah kuat. Gadis itu sudah kelam kabut.

“Ziqa!”

“Jangan sentuh aku! Kau nak apa?” ujar Haziqah sambil berlari menjauhi Fakrul yang berada di sebelahnya.

Sentuhan tangan Fakrul membuatkan dia hilang kawalan diri. Di matanya kini bukan lagi Fakrul tetapi sudah bertukar kepada wajah Leman yang sedang ketawa terbahak-bahak.

“Tolong jangan apa-apakan aku! Tolonglah...”

Haziqah sudah teresak-esak di ceruk dinding. Kakinya tiada kekuatan untuk berlari jauh. Dia amat takut dengan Leman yang dipenuhi jerawat batu. Ada parut sebesar jari telunjuk di atas dahi lelaki itu.

“Ziqa, kau dah salah faham! Ni akulah.” Gadis itu nampak begitu takut dengan dirinya. Mengapa sampai begitu?

“Ziqa, jangan macam ni!”

“Jangan apa-apakan aku!”

“Ziqa! Kau sedar atau tak sekarang ni? Kau tahu tak kau dengan siapa?” tempelak Fakrul tiba-tiba. Dia jadi geram dengan sikap Haziqah yang sebegitu.

Fakrul terus menggoyang-goyangkan tubuh Haziqah yang meronta-ronta. Biar Haziqah sedar yang dia sudah tersalah faham.

“Jangan sentuh aku! Jangan apa-apakan aku!” Esakan Haziqah semakin kuat.

Dengusan Fakrul mula berbunyi. Haziqah belum sedar! Dengan kuat, tubuh Haziqah ditolak kembali ke dinding bilik sehingga Haziqah tersandar semula di situ.

“Kau ni asyik menyusahkan orang aje! Kau tahu tak aku risau! Kenapa kau menangis macam budak-budak? Kau nak takut apa lagi? Aku ada kat sini!” tempik Fakrul.

Haziqah tersentak. Air matanya menitis laju. Dia cemas. Suara Fakrul yang kuat mengetuk gegendang telinganya membuatkan tubuhnya menggigil. Dia betul-betul takut. Apakah dia akan melalui lagi kejadian hitam yang menakutkan itu?

Untuk beberapa ketika, Fakrul hanya membiarkan Haziqah menangis sendirian sebelum tubuh itu dihampiri semula. Berniat untuk memujuk gadis itu.

“Sudahlah. Jangan menangis lagi. Aku tak suka!” Suara Fakrul kian kendur. Dia menyesal. Tidak sepatutnya dia menengking Haziqah sebegitu.

“Kau dah selamat!” ucap Fakrul perlahan memandang wajah Haziqah yang hiba.

“Saya takut!”

“Kau nak takut apa lagi? Kau dah ada kat rumah aku sekarang ni! Kau bukan ada kat kampung. Aku ada kat sini dengan kau!”

“Tapi hari tu awak tak ada!”

Fakrul terdiam. Merenung wajah Haziqah yang masih tersedu di hadapannya.

“Sudahlah. Jangan menangis. Mulai hari ni, aku akan jaga kau. Kau akan selamat!” janji Fakrul lantas tubuh Haziqah ditarik ke arahnya. Dipeluk erat agar gadis itu berasa selamat.

Bab 25

“KAU ni betul-betul tak guna. Aku dah cakap jangan apa-apakan dia, tapi kau buat jugak. Bodohlah kau ni!” teriak Melati kuat ke arah Leman. Leman hanya menunduk. Biarpun tidak gentar dengan teriakan itu tetapi dia tetap risau. Kes Haziqah sudah sampai ke pengetahuan pihak polis. Leman takut sekiranya dia ditangkap dan dipenjarakan.

“Memang tak boleh diharap. Tengok apa dah jadi? Sampai pihak polis pun terlibat sama.”

“Habis, sekarang ni apa aku nak buat?” tanya Leman.

“Itu kau punya pasal. Aku takkan bertanggungjawab kalau terjadi apa-apa pada kau. Dan aku tak nak kau libatkan aku dalam hal ni. Nah, ini upah kau! Lepas ni jangan cari aku lagi.” Melati mencampak not seratus ringgit ke arah Leman. Duit yang diambil dari simpanan Mak Senah semalam.

Leman pantas mengutip wang itu.

“Takkan kau nak lepas tangan pulak? Mana adil macam ni?”

“Ah, aku bos ke kau yang bos? Siapa yang kena ikut cakap siapa?” Melati menjerkah.

Leman terkulat-kulat.

“Lain yang aku rancang, lain yang kau buat! Memang bodohlah kau ni,” tempik Melati lagi.

“Aku dah nak berjaya masa tu. Mana aku tahu suami dia datang! Itupun nasib baik aku sempat lari. Kalau tak?”

“Sudahlah. Aku tak nak dengar lagi.”

SEJURUS selepas Leman berlalu, Melati mendengus. Tak boleh diharap! Kalau nak buat apa-apa pun tunggulah waktu yang sesuai. Ini, waktu yang aku suruh mengacau, dia sibuk nak ambik kesempatan. Bebel Melati lagi.

Seraya, wajah Haziqah terlayar di ingatan. Cerita-cerita tentang Haziqah juga terngiang-ngiang di telinganya. Kini, heboh satu kampung memperkatakan tentang Haziqah yang sudah menjadi seorang yang pendiam. Ada juga yang memberitahu bahawa Haziqah sedang trauma di atas kejadian yang menimpa.

Melati memang sakit hati. Apa-apa yang berkait dengan Haziqah pasti membuatkan dia rasa benci. Sewaktu berita tentang kejadian buruk yang menimpa Haziqah didengari, dia tersenyum lebar.

Cuma kini, Haziqah kian pulih. Melati mula mencari jalan yang lain. Dia tidak boleh membiarkan Haziqah hidup tenang. Sampai bila-bila dia akan cuba membuat Haziqah menderita.

“HEI, kau buat apa tu, Ati?” teguran Mak Senah yang kuat memeranjatkan Melati.

“Mak ni mengejutkan orang aje,” marah Melati.

“Mak cari kau kat kedai mamak tu, tapi kau tak ada. Kat sini rupanya kau.”

Melati terus keluar dari situ. Dia mendapatkan Mak Senah dengan segera. Dia tidak mahu Mak Senah tahu di kawasan itulah tempatnya selalu melepak dengan Leman sambil merancang perkara-perkara yang ingin dilakukan terhadap Haziqah.

“Kau buat apa dalam semak tu? Kau mengendap ya?” ulang Mak Senah sebaik sahaja Melati tiba di hadapannya.

“Tak ada apa-apalah. Ati cari barang,” jawab Melati acuh tak acuh.

“Kau ni ada-ada aje.” Geleng Mak Senah.

“Kenapa mak cari Ati? Mak nak ke mana ni?” soal Melati pula.

“Mak rasa pelik. Dua hari semalam, mak dapat upah menjual sayur kat pasar. Pagi tadi mak tengok, duit tu dah tak ada. Kau ada nampak tak?” Mak Senah bertanya.

Melati terdiam seketika.

“Entah-entah, kau yang ambil duit mak tu, tak?”

“Eh mak ni! Nak menuduh Ati pulak.”

“Dah tu, siapa pulak yang mengambilnya? Kau dan mak aje yang tinggal kat dalam rumah tu. Takkan kat rumah kita ada toyol pulak.”

Melati mengetap bibir. “Entah-entah mak yang salah letak. Mana tahu.”

Giliran Mak Senah mendiamkan diri. “Betul jugak…nantilah mak cuba cari dalam almari. Jom kita balik!”

Melati tersenyum lega.

“KAU cakap dengan mak betul-betul Ati. Apa lagi yang kau nak buat pada budak Ziqa tu?” Mak Senah bertanya bersungguh-sungguh malam itu.

Apabila terpandang perubahan yang berlaku pada diri Melati, Mak Senah jadi risau. Anak gadisnya itu seolah-olah sedang merancang sesuatu terhadap Haziqah. Apakah Melati masih berdendam? Adakah dendam anaknya terhadap Haziqah lebih kuat berbanding dendamnya terhadap Siti Sakinah?

Ah, apabila menyebut nama Siti Sakinah, Mak Senah teringat bualan jiran-jiran yang heboh memperkatakan tentang kepulangan Siti Sakinah sewaktu kematian Aminah tempoh hari.

Mak Senah tidak terkejut. Dia memang sudah mengagak yang satu hari nanti bekas madunya itu akan muncul jua. Cuma sewaktu Siti Sakinah ada di kampung itu, Mak Senah tidak sempat bertentang mata.

“Kenapa mak tanya Ati macam tu?”
Mak Senah mengeluh. “Sejak kebelakangan ni, mak tengok kau ni lain macam aje. Kau fikirkan apa?”
“Itu Ati punya pasal. Mak jangan campur.”
“Eh, nak melawan mak pulak kau ni!”
Melati menutup paip air yang terbuka tadi. Dia memusingkan tubuhnya sambil memandang emaknya.
“Apa yang Ati buat ni bukan sebab dendam Ati seorang. Tapi sebab mak jugak. Mak yang ajar Ati.”
Mak Senah tersentak.

Bab 26

FAKRUL menyendiri di ruang tamu rumah Amirul. Hari itu, dia tidak bekerja. Jadi, dia mengambil kesempatan untuk memenuhi permintaan Radiah. Itupun setelah Radiah memaksanya supaya datang membawa Haziqah bersama-sama. Ikutkan hati, dia malas hendak mengganggu hari cuti sahabatnya itu. Tetapi Amirul sendiri yang menyatakan cadangan untuk membuat majlis makan tengah hari secara kecil-kecilan.
Mereka sekadar mahu berkenal-kenalan dengan Haziqah biarpun Haziqah masih belum pulih sepenuhnya. Lagipun, Fakrul hanya menurut arahan Radiah supaya selalu membawa Haziqah berjalan-jalan dan jangan biarkan dia sendirian.
Tiba-tiba Fakrul teringat permintaan Haziqah beberapa hari yang lalu iaitu ingin ke KLCC. Alamak! Macam mana aku boleh terlupa ni? Kesian Ziqa!
“Rul!” sapa Amirul. Fakrul tersenyum.
“Kami tak mengganggu kau, kan?” tanya Fakrul.
Amirul mengerutkan dahi. “Mengganggu apa pulak? Aku yang ajak kau ke sini.”
“Manalah tahu kau dengan Diah nak bermanja-manja waktu kau orang cuti ni,” seloroh Fakrul.

Amirul hanya tergelak. "Alah, aku takut kau yang nak bermanja dengan Ziqa!"

"Eh, aku pulak!"

"Weh, untuk pengetahuan kau…suami isteri ni nak bermanja-manja bukan waktu cuti aje." Amirul memberitahu. "Itulah. Ada isteri, tak reti nak bercinta. Buat tak tahu aje! Cubalah belajar bercinta dan berkasih dengan orang yang baru wujud dalam hidup kau. Barulah kau tahu kenikmatan berumah tangga yang sebenarnya."

Fakrul tidak menjawab. Kata-kata Amirul hanya dibiarkan saja.

"Cuba cakap…yang sebenar-benarnya dari hati kau, takkan sekalipun kau tak pernah jatuh cinta pada Ziqa?"

Jatuh cinta pada Ziqa? Fakrul tertanya-tanya sendiri. Untuk seketika bibirnya seolah-olah terkunci. Fikirannya ligat memikirkan jawapan yang sesuai untuk diberikan kepada Amirul.

Beberapa hari dia mengenali diri Haziqah, Fakrul mula menyenangi sikap gadis itu yang agak pemalu. Tetapi dia tidak pasti apa perasaannya yang sebenar terhadap gadis itu. Sungguh dia masih belum jatuh cinta terhadap Haziqah.

Namun, apabila terkenangkan peristiwa beberapa hari yang lalu, Fakrul jadi malu sendiri. Tidak sedar bagaimana dia boleh menarik Haziqah ke dalam pelukannya. Bagaikan tercium-cium haruman yang terbit dari setiap helaian rambut Haziqah yang ditutupi oleh tudung. Fakrul seolah-olah tidak dapat melupakan kelembutan tangan Haziqah. Sungguh dia tidak dapat melupakan saat itu! Kali pertama mendakap seorang perempuan yang halal di dalam hidupnya!

"Kau dah tinggal dengan Ziqa nak dekat dua bulan. Takkan sekelumit pun kau tak pernah rasa sayang pada dia?" suara Amirul kedengaran lagi.

"Entahlah Mirul. Aku tak tahu. *I don't feel anything*."

"Sikit pun tak ada?"

Fakrul menggeleng. Yakin dengan jawapannya itu.

"Susah aku nak faham kau ni. Dah ada perempuan yang baik pun, kau masih nak fikir panjang lagi."

"Aku bukan berfikir, aku cakap perkara yang betul. Aku tak rasa apa-apa kelainan bila aku berdua dengan Ziqa," ujar Fakrul antara yakin dengan tidak.

"Habis, kenapa kau susah hati masa dia masuk hospital dulu?"

"Sebab aku ambil berat. Itu aje. Aku kesiankan dia."

Amirul menguntum senyuman kecil. "Okey…*let say*…tiba-tiba kau terjatuh cinta pada dia. Apa kau nak buat?"

"*Hey…it is not going to happen!"*

"Kenapa? Berdosa ke?"

"Bukan macam tu."

"Jadi?"

"Abang…ajak Fakrul ke dalam. Diah dah hidangkan makanan!" Panggilan daripada Radiah membuatkan Fakrul tidak jadi meneruskan

kata-kata. Dia ternampak Haziqah keluar dari dapur sambil membawa hidangan.

"Lain kali ajelah kita borak," sambung Fakrul lalu melangkah masuk ke dalam rumah.

"TIBA-TIBA kau terjatuh cinta pada dia. Apa kau nak buat?" Fakrul gelisah. Kenapa tiba-tiba aku teringatkan kata-kata Amirul ni?

Kalau aku jatuh cinta pada Ziqa? Apa aku nak buat? Dia bertanya dirinya sendiri. Perlahan-lahan Fakrul menoleh ke arah Haziqah yang menyepi di sisinya. Haziqah sudah semakin pulih dari traumanya. Cuma sesekali dia meracau waktu tidur. Itupun gadis itu akan bertenang setelah dipujuk oleh Fakrul berkali-kali.

Di sebalik tudungnya, Fakrul sudah dapat membayangkan rambut Haziqah yang ikal separas bahu. Agak cantik beralun. Itupun Fakrul terpandang secara tidak sengaja sewaktu gadis itu baru keluar dari bilik air.

Fakrul kemudian memandang Haziqah yang terkebil-kebil melihat ke luar tingkap. Bulu matanya tidak terlalu lentik tetapi mata itu agak bundar dan cantik. Fakrul tidak perasan selama ini Haziqah mempunyai mata yang agak menarik.

"Ah, mengarutlah! Aku dengan dia bercinta? Mustahil." Fakrul menggeleng sambil ketawa kecil.

"Tak ada yang mustahil dalam dunia ni Fakrul! Jatuh cinta adalah satu keadaan lumrah yang akan dilalui oleh setiap manusia." Suara hatinya berbisik perlahan.

"Sekalipun aku jatuh cinta…aku yakin Ziqa bukan orangnya."

"Macam mana kau tahu?"

"Dia bukan pilihan aku! Tapi pilihan umi aku."

"Jodoh manusia, bukan kau yang tentukan."

Tiba-tiba…

"Tin…tin…" Bunyi hon yang begitu kuat membuatkan Fakrul tersentak. Haziqah tersedar dari lamunan.

"Kenapa ni Fakrul? Awak buat saya terkejut." Haziqah bersuara sedikit marah.

Fakrul menarik nafas dalam-dalam. Rasa bersalah kerana mengelamun terlalu jauh.

Bab 27

LEWAT malam itu, Siti Sakinah tiba di rumah banglo milik Tuan Fuad bersama-sama Hafiz. Tika itu, Haziqah sedang duduk berbual-bual dengan Puan Haryati dan Tuan Fuad. Faremi juga turut serta. Fakrul yang duduk bersama, lebih banyak mendiamkan diri dan lebih rela menjadi pemerhati.

"Kau dah sihat, Ziqa?" soal Siti Sakinah sambil mengusap bahu gadis bertudung itu penuh mesra.

Haziqah tersenyum dan mengangguk.

"Ziqa dah sihat mak long. Dah boleh buat macam-macam. Tapi umi masih tetap suruh Ziqa berehat. Bosanlah!" rungut Haziqah manja. Sejak akhir-akhir ini dia semakin rapat dengan Siti Sakinah.

"Tunggu dah sihat betul-betul dulu, barulah boleh tolong umi." Hafiz mencelah tiba-tiba.

Fakrul masih menjadi pemerhati. Tidak tahu apa yang ingin dibualkan. Haziqah cuba melarikan pandangannya jauh dari lelaki itu. Entahlah, sejak beberapa hari lalu Haziqah rasa kurang selesa bila ternampak Fakrul. Suaminya itu agak aneh berbanding dulu.
Mengapa agaknya?

"Kalau bosan, jomlah ikut mak long tinggal kat rumah mak long pulak!" pelawa Siti Sakinah.

Haziqah sekadar senyum. "Kalau Ziqa pergi, kesian pulak kat umi."

Siti Sakinah diam. Mula merenung gadis itu lama. Tatkala terpandangkan raut itu, jiwanya terkenangkan seseorang. Tiba-tiba dia menjadi rindu!

"HAI Rul! Senyap aje kau? Banyak ke kerja kau sekarang?" soal Hafiz.

Fakrul mengangguk. Mula rancak berbual dengan Hafiz.

"Bolehlah. Tapi, hujung bulan ni, *peak time* untuk lapan syarikat serentak. Aku kena siapkan *report* dan *proposal* yang klien nak. Kau bayangkan Fiz! Arkitek kat syarikat bos aku tu ada lima orang aje. Hmm…penat betul aku nak mengejar ke sana ke mari!"

"Kau yang cari susah!" ujar Tuan Fuad tiba-tiba.

"Kenapa pulak Rul?" tanya Fakrul pelik.

"Abah ajak kau kerja kat syarikat abah, kau tak nak."

"Alah, kerja kat mana-mana pun sama aje Pak Ngah. Yang penting kesungguhan!" kata Hafiz membela Fakrul.

Tuan Fuad terus menggeleng. Tidak setuju dengan kata-kata Hafiz.

"Susah dapat anak yang suka buat hal sendiri ni Kak Inah! Dia bukan suka buat kerja-kerja yang senang. Asyik nak menyusahkan diri aje!" bebel Puan Haryati. Fakrul hanya tersengih.

Dupp! Tiba-tiba jantung Haziqah bagaikan terhenti. Pandangan Fakrul terasa tajam menusuk ke sanubari. Mengapa lelaki itu asyik memandang ke arahku? Dia gelisah di tempat duduk.

“Errr…Rul nak naik ke bilik dululah. Nak berehat kejap!” Lelaki itu terus berlalu. Haziqah semakin pelik. Mengapa agaknya?

HAZIQAH menikmati angin malam. Seleranya untuk makan hari itu, seperti tiada. Jadi, dia ambil keputusan untuk duduk di luar rumah sementara semua ahli keluarga Fakrul yang lain menjamu selera.

“Buat apa kat sini sorang-sorang?” tegur Fakrul kepada Haziqah yang sedang sendirian di kerusi rehat.

Haziqah berpaling. Kelihatan Fakrul di situ. Bersahaja dengan *tracksuit* berjenama Nike.

“Kenapa tak tidur lagi?” tanya Fakrul lagi.

Entahlah…semenjak Haziqah dilanda musibah, gadis itu banyak mendiamkan diri. Fakrul pelik, Haziqah hanya kaku bila bersama dengannya sedangkan jika Haziqah bersama ahli keluarganya yang lain, gadis itu nampak mesra dan ramah.

Malah, Fakrul begitu yakin dengan kelainan sikap Haziqah apabila dia melihat Haziqah berbual-bual bersama Hafiz tadi. Bukan main mesra. Sungguh! Fakrul tak senang duduk dengan situasi itu. Cemburu?

“Mata saya tak mengantuk lagi.”

Fakrul memandang Haziqah. “Ubat dah makan?”

Haziqah mengangguk. Selepas itu, masing-masing terus diam. Melayani perasaan dan keheningan malam yang agak suram.

“Nanti kalau aku tak banyak kerja, aku ingat nak bawa kau ke KLCC.”

“Nak buat apa?”

“Hari tu kau yang nak pergi, kan?”

Aku yang nak pergi? Hatinya tertanya-tanya. Tetapi, dia tidak berkata apa-apa. Hanya membisu sambil melemparkan pandangan ke tengah laman.

Fakrul juga begitu. Kelu lidahnya tiba-tiba. Renungan mata Haziqah bagai menusuk ke naluri. Ah, kenapa tiba-tiba aku rasa gelisah ni?

“Esok awak kerja. Kenapa masih tak tidur lagi?”

Pertanyaan Haziqah melenyapkan segala buaian perasaan Fakrul.

“Aku dah biasa tidur lewat,” ucap Fakrul perlahan.

“Seronok tak kerja sebagai arkitek? Saya tengok awak selalu aje tidur lambat. Kadang-kadang sampai ke pagi siapkan kerja.”

Fakrul tersenyum. Gadis itu sudah mula ramah.

“Saya ni belajar pun setakat SPM. Tak pernah tahu apa yang ada di universiti,” sambung Haziqah lagi.

“Arkitek, satu bidang yang aku tak pernah minat sebelum ni,” jawab Fakrul.

“Habis, kenapa ambil bidang ni?”

“Umi dengan abah yang suruh. Tapi, makin lama bekerja dalam bidang ni, aku dah sedar. Minat sebenarnya boleh dipupuk.” Kata-kata Fakrul itu membuatkan Haziqah tersenyum.

“Kenapa kau tak nak sambung belajar?” soal Fakrul selepas itu.

“Tak ada kemampuan.”

“Kemampuan dari segi apa?” tanya Fakrul lagi.

“Macam-macam. Terutamanya dari segi kewangan.”

“Kalau diberi peluang, kau nak sambung belajar?”

Haziqah mengangguk.

“Tapi, buat masa ni saya masih tak ada duit. Semuanya dah habis saya gunakan untuk bayar yuran peperiksaan SPM dulu.”

Fakrul memandang jauh ke luar. Telinganya sekadar menangkap setiap bait ucapan Haziqah dengan tenang.

“ASSALAMUALAIKUM, boleh *join?”* Hafiz tiba di situ bersama Faremi.

Fakrul dan Haziqah tersentak.

“Dari tadi akak dengan along duduk berdua kat sini, Abang Hafiz *jealous*...” ujar Faremi bergurau membuatkan Haziqah ketawa.

Fakrul hanya senyum. Hafiz sudah melabuhkan punggung di sisi.

“Apa yang kau orang bualkan? Nampak macam tak rancak aje?” tanya Hafiz.

“Tak ada apa-apa. Kami bersembang tentang kisah dulu-dulu,” jawab Fakrul.

“Umi dengan mak long buat apa kat dalam tu, Mie?” soal Haziqah.

“Tengah kemas meja makan kak. Mereka pelik kenapa akak tak makan.”

“Kenapa Ziqa tak nak makan?” tanya Hafiz membuatkan Fakrul menjeling tajam ke arah lelaki yang sedang merenung wajah Haziqah. Agak berlainan renungan matanya itu.

“Perut Ziqa tak lapar. Abang dah makan ke?”

Abang? Fakrul bertanya sendirian di dalam benaknya. Selama ini dia tidak perasan Haziqah membahasakan diri Hafiz dengan panggilan itu. Memang diakui Hafiz lebih tua daripada Haziqah tetapi umur Hafiz sebaya dengannya. Kenapa Haziqah tidak memanggilnya abang?

“Abang dah makan tadi. Tapi macam tak ada selera sangat.” Suara Hafiz kedengaran.

“Kenapa?”

“Sebab Ziqa tak ada,” jawab Hafiz selamba.

Kata-kata itu membuatkan Fakrul sedikit tersentak tetapi dia cuba bersikap selamba. Dia tidak selesa dengan pandangan Hafiz pada Haziqah. Dia tidak suka Hafiz bergurau senda dengan Haziqah. Tetapi

mengapa? Apa hak aku nak menghalang mereka berbual-bual bersama?

‘Kau suami dia!’ Fakrul terdengar jeritan hatinya secara tidak sengaja.

“Ops…Abang Hafiz! Ingat sikit! Kak Ziqa ni kakak ipar Mie!” sampuk Faremi pantas. Dia dapat melihat ada perubahan yang berlaku di wajah Fakrul.

Hafiz tersengih. Haziqah sekadar menundukkan wajah.

“Hujung minggu ni, ibu suruh Ziqa datang ke rumah abang,” kata Hafiz.

“Ada apa?”

“Saja ibu nak ajak makan-makan. Datang tau Rul! Bawa Ziqa sekali.”

Fakrul hanya mengangguk.

“Hmm…kau orang bersembanglah. Aku nak masuk ke dalam.” Fakrul bingkas.

“Eh, relakslah Rul. Kita berbual-bual kat sini.”

“Tak apalah. Aku nak siapkan kerja kat atas.”

Fakrul pergi membawa hati yang tidak menentu. Mengapa agaknya aku ni? Kenapa aku tak suka mereka bersama? Hati Fakrul tertanya-tanya.

FAKRUL mundar-mandir di dalam bilik. Kerjanya langsung tidak disentuh. Dia gelisah. Hamparan kertas pelan yang ingin dilukis terus terbiar melayang-layang ditiup angin. Tiada satu pun lukisan itu yang menjadi. Sungguh dia tidak senang duduk. Melihat Haziqah ketawa mesra di samping Hafiz betul-betul membuatkan hatinya cemburu.

Fakrul melangkah menuju kea rah tingkap yang terbuka luas. Matanya dibiarkan mencerun ke sudut halaman yang masih terang. Kini Hafiz tinggal berdua dengan Haziqah di situ. Faremi sudah tiada. Seolah-olah memberi peluang kepada mereka untuk duduk berdua-duaan.

Peluang? Fakrul tiba-tiba marah. Marah dengan tindakan Faremi yang meninggalkan Hafiz dan Haziqah. Tanpa disedari, Fakrul memulas tombol pintu biliknya. Dia ingin turun dengan segera. Namun, dia terkejut apabila ternampak Faremi sedang berdiri tegak betul-betul di hadapan pintu biliknya.

Fakrul cuba bersahaja. “Mak long mana?”

“Ada kat bawah. Berbual-bual dengan umi dan abah. Along nak ke mana ni?”

“Err…panaslah duduk kat dalam ni. Nak lepak kat bawah kejap.”

“Along cemburu dengan Abang Hafiz?” Tiba-tiba Faremi bertanya.

Fakrul tidak jadi meneruskan langkah. Berdiri semula menghadap Faremi.

“Mie tahu along *jealous* tengok Abang Hafiz dengan Kak Ziqa, kan?”

“Tak adalah.”

Faremi ketawa kecil.

“Jangan sampai Kak Ziqa jatuh ke tangan Abang Hafiz sudahlah. Mie tengok Abang Hafiz tu macam dah sukakan Kak Ziqa aje,” ujar Faremi terus berlalu.

Bab 28

BANGLO dua tingkat milik Siti Sakinah begitu sunyi ketika Fakrul dan Haziqah menjadi teta,u di rumahnya hujung minggu itu. Haziqah yang selesa berpakaian kurung kedah dengan tudung bawal yang disepit kemas di kepala, hanya diam sejak tadi. Fakrul juga membisu sambil leka menonton siaran Astro.

Siti Sakinah turun dari tingkat atas rumahnya dengan senyuman mesra. Setelah diberitahu tentang kedatangan pasangan suami isteri itu oleh Tini orang gajinya, terus Siti Sakinah turun ke tingkat bawah.

"Dah lama sampai Rul, Ziqa?"

Mereka berdiri dan menghampiri Siti Sakinah. Menghulur tangan dan bersalaman.

"Baru aje sampai mak long. Kerusi tu pun tak panas lagi." Fakrul berkata sambil tersenyum.

"Umi dengan abah kau tak ikut sekali? Si Faremi tu pun kenapa tak datang?" tanya Siti Sakinah ramah.

"Masing-masing sibuk. Umi dengan abah balik kampung, ada kenduri kahwin. Faremi pulak ada hal katanya," beritahu Fakrul sambil berlalu ke sofa.

"Habis tu, kau datang dengan Ziqa aje? Kau orang dari mana ni?" Siti Sakinah masih tidak henti-henti menyoal.

"Kami dari rumah tadi. Hafiz beritahu yang mak long suruh kami datang ke sini," jawab Fakrul.

"Memang mak long suruh kau orang datang. Mak long buat makan-makan sikit hari ni."

Fakrul dan Haziqah berpandangan serentak.

"Sempena apa?" soal Haziqah setelah agak lama mendiamkan diri.

"Tunggulah Hafiz balik sekejap lagi," kata Siti Sakinah.

Mendengarkan kata-kata itu, bibir Fakrul turut mengukirkan senyuman.

"Abang Hafiz ke mana mak long? Dia kerja ke hari ni?" Entah mengapa pertanyaan Haziqah itu membuatkan keceriaan Fakrul tiba-tiba berubah.

"Hafiz keluar ke kedai, Ziqa. Kejap lagi baliklah dia. Kau orang duduklah dulu. Mak long nak tengok apa Tini buat kat dapur tu."

"Mak long tak ada anak lain ke selain Abang Hafiz?" Haziqah bertanya selepas Siti Sakinah berlalu.

Pandangan Fakrul terus beralih ke arah Haziqah yang duduk bertentangan dengannya. Mata Haziqah yang bundar jelas bercahaya. Lidahnya menjadi kelu. Dia diam merenung anak mata itu.

"Awak pandang apa?" Pertanyaan Haziqah membuatkan Fakrul terkejut.

"Tak ada apa-apa. Apa soalan kau tadi?"

"Mak long tak ada anak lain ke selain Abang Hafiz? Setahu saya Abang Hafiz tu hanya anak tiri mak long kan?" soal Haziqah panjang.

Fakrul mengangguk beberapa kali.

“Habis tu, anak siapa yang mak long dukung tu?” Haziqah memandang sekeping gambar yang tergantung di dinding rumah dua tingkat itu.

Fakrul turut mengalihkan pandangan ke situ. Kelihatan Siti Sakinah sedang memangku seorang bayi perempuan. Di sebelah kirinya, seorang lelaki sedang memeluk bahu Siti Sakinah.

Fikiran Fakrul turut ligat memikirkan siapakah gerangan bayi itu. Mengapa dia tidak perasan gambar itu tergantung di situ selama ini? Hatinya bertanya sendiri.

“Entah. Aku tak tahu.”

“Awak tak tahu? Kan mak long awak ni! Awak tak tahu mak long ada anak yang lain atau tak?” kata Haziqah bagaikan tidak percaya.

“Setahu aku, suami mak long meninggal dunia akibat lemas di laut. Kemudian, mak long berpindah ke Jerman dan berkahwin lain kat sana,” jawab Fakrul setelah berfikir lama.

Haziqah diam mendengar. Matanya masih tidak lepas dari memandang gambar itu.

“MANA Rul pergi?” Siti Sakinah bertanya lembut sambil meletakkan dulang di atas meja.

Haziqah mendongak. Aroma air milo panas menyapa ke lubang hidungnya.

“Dia kata nak keluar sekejap. Nak ke belakang!”

“Oh...dia ke taman belakanglah tu. Tengok pokok bunga yang mak long tanam agaknya.” Siti Sakinah meneka sendiri.

Tidak lama kemudian, Tini tiba di ruang tamu dan meletakkan piring kuih koci. Cawan yang sudah dituang air milo tadi ditolak ke hadapan Haziqah.

“Sunyi aje rumah mak long. Tak bosan ke duduk sorang-sorang kalau Abang Hafiz keluar bekerja?”

“Nak buat macam mana? Mak long tak ada anak. Hafiz tu ajelah anak tiri yang mak long ada selain Tini, orang gaji mak long. Suami mak long dah lama meninggal masa mak long duduk di Jerman dulu,” beritahu Siti Sakinah serba sedikit tentang latar belakangnya.

Serentak itu, wajah Adam suami keduanya terbayang di ruang mata Siti Sakinah. Setelah hampir lima tahun dia tinggal berdua dengan Hafiz di Jerman, barulah dia mengambil keputusan untuk pulang ke tanah air. Dan berbekalkan wang peninggalan arwah suaminya itulah dia meneruskan kehidupan di Malaysia bersama Hafiz. Malah Hafiz sudah membuka syarikat perniagaan secara kecil-kecilan.

“Habis anak siapa yang mak long pegang tu?” Jari telunjuk Haziqah tertuju kepada sekeping gambar yang menjadi tanda tanya di benaknya sejak tadi.

Siti Sakinah memandang gambar itu. Terkesima dia seketika. Bagaikan terpaku di hadapan Haziqah.

“Itu anak mak long dengan suami pertama.”

“Di mana dia?”

“Dah meninggal beberapa bulan selepas lahir.” Siti Sakinah menjawab pantas.

Haziqah terkejut. “Ziqa minta maaf. Ziqa tak tahu!”

“Perkara lama. Dah berpuluh tahun mak long lalui kisah itu,” kata Mak Long Sakinah.

“Minumlah air tu Ziqa...” Mak Long Sakinah segera menukar topik. Dia tiba-tiba jadi tidak menentu.

“MACAM MANA kau dengan Ziqa tu, Rul? Mak long tengok kau orang ni macam bukan suami isteri aje.” Siti Sakinah bertanya ketika dia keluar mencari Fakrul di taman bunga rumahnya.

“Kenapa mak long cakap macam tu pulak?” Fakrul pula bertanya tanpa menjawab soalan wanita itu tadi.

“Mak long lebih tahu asam garam berumah tangga, Rul. Mak long pernah menjadi isteri kepada dua orang lelaki. Takkanlah mak long tak tahu apa yang berlaku pada kau orang.”

Fakrul mengeluh kecil. Sekadar membiarkan kata-kata Siti Sakinah menampar ke cuping telinga.

“Sejak kejadian yang menimpa Ziqa dulu, mak long nampak kau dah mula dekat dengan Ziqa. Dulupun mak long tahu kau tak pernah cintakan Ziqa masa kau bernikah dengannya. Kalau tak suka, kau tak patut terima cadangan umi kau.”

“Rul terpaksa. Umi ugut Rul akan jadi anak derhaka kalau tak ikut cakap dia.”

Siti Sakinah mengerutkan dahi. “Umi kau kata macam tu?”

Fakrul mengangguk.

“Kau tak membantah?”

Fakrul mengeluh berat. “Apapun yang berlaku, sekarang ni Ziqa dah jadi isteri Rul, mak long. Masa dah tak boleh diputarkan lagi.”

Siti Sakinah turut rasa bersalah dengan apa yang berlaku pada perkahwinan Fakrul dan Haziqah. Terasa seolah-olah dia yang menjadi punca mengapa adiknya memaksa Fakrul berkahwin dengan Haziqah. Mungkin Puan Haryati tidak mahu ada orang luar bertanya siapakah keturunan Haziqah yang sebenarnya. Puan Haryati tidak ingin kisah Siti Sakinah diungkit semula jika Haziqah berkahwin dengan lelaki lain. Ah, dia yang bersalah sebenarnya!

Tiba-tiba kedengaran enjin kereta berbunyi di hadapan pintu pagar. Siti Sakinah memanjangkan leher.

“Tu Hafiz dah sampai. Jomlah kita masuk. Ziqa pun sorang-sorang aje tu,” ujar Siti Sakinah.

KETIKA Fakrul sampai di ruang tamu, dia ternampak Hafiz sedang duduk di sisi Haziqah. Mereka sedang ketawa gembira. Di tangan Haziqah ada sebungkus hadiah yang berbalut kemas manakala di atas meja ada sebiji kek yang bersaiz sederhana besar.

Fakrul pelik. Apakah maksud kek itu? Dan hadiah di tangan Haziqah itu, apa ertinya? Dia semakin tak keruan apabila ternampak Hafiz meletakkan sebentuk cincin di atas tapak tangan Haziqah. Sungguh dia kehilangan kata-kata saat itu!

Bab 29

SUMAIYAH membelek-belek pakaian wanita yang tergantung di sebuah kedai di Johor Bharu. Dia terlalu leka hingga tidak sedar dirinya diperhatikan oleh seseorang. Ketika melangkah keluar dari kedai itu, Sumaiyah terkejut bukan kepalang. Kemunculan Yusri secara tiba-tiba itu membuatkan Sumaiyah terus teringatkan Haziqah.

“Kau bekerja kat mana sekarang ni, Yusri? Sampai tak ingat nak balik ke rumah.” Sumaiyah berkata seolah-olah memerli. Ketika itu, mereka duduk di sebuah kedai makan.

Yusri hanya tersenyum tawar. Dia sedar kata-kata Sumaiyah berbaur marah. Namun ada perkara yang ingin ditanyakan pada Sumaiyah. Sejak ternampak Sumaiyah di pasar raya beberapa hari yang lalu, Yusri terus mengikut jejak Sumaiyah dalam diam. Dia takut untuk menegur tetapi ketakutannya hilang sama sekali bila teringatkan

urusan pentingnya. Dan hari itu dia mengambil tindakan drastik untuk bertemu dengan Sumaiyah.

“Kenapa kau ada kat sini? Kau bekerja?” tanya Sumaiyah lagi. Sengaja ingin tahu perkembangan terbaru lelaki yang pernah mengecewakan sahabatnya itu.

Yusri mengeluh kecil. Dia tidak mahu membincangkan perkara lain dengan Sumaiyah selain perkara yang ingin dia tanyakan.

“Aku bekerja di sini. Kontrak aku dengan syarikat perkapalan tu ada lagi sebulan.”

“Oh, kerja kau sebagai kelasi kapal tu ya?”

Yusri mengangguk.

“Kau apa khabar Sue? Aku tengok kau ni lain benar. Makin cantik dari dulu.”

Sumaiyah ketawa besar mendengar kata-kata itu. Entah ikhlas entah tidak!

“Aku tetap macam dulu Yus. Tak berubah. Tempat aku pun bukan di sini tapi di Kampung Sri Gambut tu,” jawab Sumaiyah penuh kesungguhan.

Yusri sedikit terpukul dengan setiap patah perkataan Sumaiyah. Tetapi dia cuba bersikap tenang.

“Habis tu, kenapa kau berada di sini? Sorang-sorang pulak tu?” Yusri memandang gadis bertudung yang duduk tenang di hadapannya.

“Aku ada kursus di sini. Insya-ALLAH lagi dua minggu, tamatlah,” beritahu Sumaiyah.

“Aku sebenarnya...ada perkara yang nak ditanyakan pada kau.” Yusri mula meluahkan perkara yang ingin sangat diketahuinya.

“Apa dia?”

“Ziqa apa khabar?” Tanpa berselindung, Yusri terus menyuarakan apa yang ingin dia tahu.

Sumaiyah sudah mengagak tentang hal itu.

“Kenapa kau tanya? Kau dengan Ziqa ada apa-apa hubungan ke?” Sumaiyah sengaja buat-buat tidak faham.

Yusri menunduk. Kemudian nafasnya ditarik dalam-dalam. “Dia masih tuning aku!”

“Tunang?” Sumaiyah tidak sangka Yusri masih mampu mengaku Haziqah tunangannya.

“Aku tahu, dulu aku silap. Aku tinggalkan Ziqa sewaktu majlis pernikahan kami semakin hampir. Aku belum bersedia waktu itu, Sue. Aku takut aku gagal jalankan tanggungjawab aku untuk menyayangi Ziqa. Sebab itu aku tinggalkan dia. Lagipun...” Yusri ingin meluahkan segala beban perasaannya.

Sumaiyah duduk menyandar ke kerusi. Hatinya bengang mendengar pengakuan itu. Mahu sahaja dia menampar pipi lelaki itu sekuat hatinya. Kalaulah Yusri tahu betapa menderitanya Haziqah setelah ditinggalkan? Dikeji oleh orang kampung! Sehingga akhirnya gadis itu terpaksa mencari lelaki lain sebagai suaminya?

“Tolonglah aku Sue. Temukan aku dengan Ziqa. Aku rindukan dia dan aku yakin dia masih menanti kepulangan aku,” ucap Yusri penuh pengharapan.

Sumaiyah cuba bersahaja. Tiada rasa simpati dengan rayuan itu. Padanya Yusri lelaki pengecut.

“Aku tahu kesilapan aku kerana tinggalkan dia. Aku nak tebus kesalahan tu…” sambung Yusri beria-ia.

“Tebus kesalahan? Macam mana? Senang-senang kau tinggalkan dia dengan hatinya yang terluka, dan tiba-tiba kau muncul semula? Kau ingat semudah itu? Kau yakin Ziqa akan maafkan kau?” Sumaiyah mengungkit kisah silam Yusri.

Yusri diam. Dia benar-benar terpukul dengan apa yang diperkatakan oleh Sumaiyah tentang sikapnya itu. Dia tidak tahu apa jawapan yang harus diberikan.

“Sedarlah diri tu sikit Yus. Kau dah lama tinggalkan Ziqa. Kau ingat Ziqa akan tunggu kau lagi? Tunang konon! Kalau kau fikir macam tu, aku rasa kau memang silap. Ziqa dah kahwin!”

Yusri membuntangkan mata. Dia tidak percaya dengan kenyataan itu.

“Tolong lupakan Ziqa. Dia dah jadi isteri orang.” Sumaiyah mencapai beg tangannya. Tanpa menunggu lagi, dia berjalan pantas meninggalkan Yusri.

Yusri bingkas. Dia meletakkan not sepuluh ringgit dan mula mengejar Sumaiyah yang semakin jauh.

“Kau tipu aku, kan? Kau tak nak aku berbaik dengan Ziqa sebab tu kau cakap Ziqa dah kahwin. Betul, kan?” Yusri menarik tangan Sumaiyah.

Sumaiyah menepis tangan Yusri dengan kasar.

“Aku tak tahu apa yang hebat sangat pada kau sampai Ziqa boleh jatuh hati! Kalau nak tengok pada rupa, kau ni taklah sekacak mana! Kau bodoh Yus! Hati kau buta masa kau tinggalkan Ziqa. Sekarang aku takkan bagi kau cari dia lagi. Dan aku yakin Ziqa pun dah bahagia bersama suami dia.” Sumaiyah sempat meluahkan rasa amarahnya.

SELESAI mengemas, Haziqah duduk mengelamun. Fakrul sudah ke tempat kerjanya awal pagi tadi kerana menguruskan projek pembinaan resort manakala Faremi sudah keluar ke rumah kawannya. Tuan Fuad juga tiada di rumah kerana ada urusan penting di pejabat.

Bila teringatkan Fakrul, Haziqah jadi pelik. Entah mengapa! Dia mula rasa tidak selesa tinggal di rumah itu. Bukan sahaja disebabkan sikap Fakrul yang agak aneh sejak kebelakangan ini tetapi kerana dia selalu perasan renungan Fakrul berlainan dari selalu. Fakrul sudah menjadi seorang yang pendiam. Dia asyik marah-marah sejak pulang dari rumah Siti Sakinah dua hari yang lalu.

Fakrul pernah memarahinya apabila dengan tidak sengaja dia memuji pemberian ikhlas daripada Hafiz sempena ulang tahunnya. Dia sendiri keliru. Selama ini tidak pula dia tahu yang hari ulang tahunnya diketahui orang. Malah seingatnya tiada siapa yang tahu! Pelik Haizqah dengan keadaan itu.

Tiba-tiba Haziqah dikejutkan dengan satu suara manja seorang wanita dari luar pagar.

“Assalamualaikum.”

Haziqah menoleh pada arah datangnya suara itu. Kemudian dia berjalan ke arah pintu pagar.

“Waalaikumussalam. Ya. Nak cari siapa?” tanya Haziqah.

“Cik ni siapa?” soal wanita yang tidak dikenali Haziqah itu.

“Saya Ziqa…”

“Oh, orang gaji kat sini, ya?”

Dahi Haziqah berkerut. Tetapi lidahnya kelu untuk menyangkal andaian itu. Memang aku kelihatan seperti orang gaji agaknya!

“Cik ni siapa?” tanya Haziqah lembut.

Wanita itu hanya memandang ke arah Haziqah yang dari tadi asyik tersenyum mesra.

“Fakrul ada?” soal wanita itu lagi. Bernada selamba.

Haziqah menggeleng. “Fakrul tak ada. Dia dah pergi kerja dari pagi lagi.”

Wanita itu mengeluh kecil. Namun, Haziqah dapat mendengar dengan jelas.

“Cik nak pesan apa-apa? Dia biasanya balik dalam pukul 8.00 malam.”

“Kalau dia balik, emm…*Ah, just forget it!”* Wanita itu kemudiannya berlalu tanpa menghabiskan ayatnya.

“SIAPA yang bersembang dengan Ziqa tadi? Umi dengar macam Ziqa sedang bercakap dengan seseorang aje.” Puan Haryati bertanya ketika Haziqah masuk ke dapur.

“Entahlah umi. Ziqa pun tak kenal. Tapi dia tanyakan Fakrul.”

“Fakrul?”

Haziqah mengiakan.

“Cantik orangnya umi. Lembut dan manja. Entah siapalah agaknya!” Haziqah berkata lagi.

“Apa yang dia nak?”

“Entah. Dia tak cakap apa-apa. Ziqa tanya namanya pun dia tak jawab.”

Haziqah kembali melayan perasaan. Dan tanpa sedar, suara lunak manja seorang wanita yang tidak dikenali tadi bagaikan terngiang-ngiang di telinganya. Matanya pula terbayang-bayang penampilan wanita yang kelihatan bergaya itu.

Siapa agaknya? Dia tertanya-tanya sendiri.

Bab 30

"AKU dah agak! Walau macam manapun kau mengelak, perkara ni pasti akan terjadi jugak!" kata Amirul sambil ketawa sinis.

"*So*, apa yang aku perlu buat?"

Amirul menjungkitkan bahunya dengan pantas.

"Kau tolonglah aku! Otak aku ni asyik teringatkan dia tahu tak? Kat mana-mana aku pandang, mata aku ni asyik ternampak muka dia aje. Naik tertekan aku dibuatnya!" dengus Fakrul seolah-olah marah.

Wajah Amirul yang duduk bertentangan dengannya di restoran makanan kampung itu dipandang bersama harapan. Mujur Amirul tidak bekerja dan sudi menemaninya. Jika tidak, di mana lagi harus dia melepaskan segala kesulitan yang dirasai. Pada Stephen? Ah, lelaki itu hanya pandai berkata-kata sedangkan dia sendiri tidak pernah bercinta.

Tiba-tiba Fakrul mendengar Amirul ketawa. Dia mendongak. "Apa yang lucunya?" soal Fakrul sambil mengerutkan dahi. Minuman yang dipesan tadi, masih tidak bersentuh.

“Muka kau tu yang lucu. Dulu berlagak sangat. Takkan jatuh cinta pada Ziqa. Kononnya Ziqa tu pilihan umi kau. Bila dah jadi macam ni, pandai pulak kau cari aku!”

Kata-kata Amirul itu dibuat dengar tak dengar oleh Fakrul. Dia malas menjawab. Dia hanya tahu, hatinya tidak tenteram. Dia hanya rasa, jiwanya gelisah setiap masa. Bingung jadinya.

“Aku bukannya jatuh cinta!”

“Hah, tengok tu nak mengelak lagi!”

“Betullah aku cakap.”

“Kalau bukan jatuh cinta, apa lagi yang aku boleh tafsirkan tentang penyakit kau ni? Sawan?”

Fakrul diam.

“Sudahlah Rul. Buat apa kau nak menafikan lagi? Dah jelas sangat, yang kau dah ada *feeling* pada isteri kau tu. Apa lagi yang kau nak susahkan? Beritahu aje pada dia. Habis cerita!” kata Amirul.

“Hisy…tak nak aku!”

“Kenapa pulak?”

`”Aku seganlah!”

“Segan? Kenapa mesti segan?”

“Sebab…sebab aku seganlah!”

Amirul ketawa gelihati mendengar alasan Fakrul.

“Kau rasa selain beritahu Ziqa depan-depan tentang perasaan aku ni, apa lagi yang aku boleh buat? Tak ada cara lain ke?”

“Itu aje cara terbaik yang dapat aku fikirkan sekarang ni. Kalau dah suka, apa yang nak ditakutkan lagi? Beritahulah dia. Baik kau ikat dia dengan pengakuan kau tu. Habis cerita.”

“Kalau Ziqa tak nak terima?”

“Janganlah fikir yang negatif. Tak beritahu lagi macam mana kau nak tahu?”

Fakrul terus membisu. Kata-kata Amirul bermain-main di mindanya tanpa dipaksa. Semakin lama dia diam, semakin bayangan Haziqah terlayar di ruang ingatan. Kenapa ku boleh jadi macam ni? Fakrul menyoal dirinya tiba-tiba. Marah dan kesal dengan situasi yang dialami.

Bab 31

SEWAKTU Fakrul terpacul di pintu biliknya malam itu, Haziqah baru selesai solat Isyak. Sempat dia menghadiahkan senyuman kepada Fakrul.

“Awak dah makan? Nak saya siapkan makan malam?” suara lembut Haziqah menyentakkan Fakrul dari lamunan.

Pantas lelaki itu mengangguk sambil merebahkan dirinya di atas katil. Untuk seketika, dia melayan perasaan. Di benaknya teringat-ingat perbualannya dengan Amirul pagi tadi. “Berterus-terang aje! Apa yang kau nak takut?”

Selepas Haziqah berlalu, Fakrul bangun. Menuju ke bilik air untuk membersihkan dirinya. Kemudian dia menunaikan solat Isyak. Ketika Haziqah masuk semula ke dalam bilik, Fakrul sedang melipat sejadah dan meletakkannya di atas cabinet.

"Saya dah siapkan makan malam awak," ujar Haziqah memecah keheningan.

Fakrul tidak berkata apa-apa. Dia masih letih. Bukan sahaja letih memikirkan kerja-kerja di pejabat malah dia asyik teringatkan nasihat yang Amirul berikan padanya. Macam mana aku nak mulakan? Tanya Fakrul sambil menelan liurnya.

"Mana umi dan abah?" tanya Fakrul. Terasa kekok memulakan bicara yang tak formal bersama Haziqah.

Haziqah menoleh ke arahnya. "Umi ke rumah ma long. Abah pulak ke masjid!"

"Umi ke rumah mak long? Kenapa?"

"Tak tahu!" jawab Haziqah.

"Faremi?"

"Keluar ke rumah kawan agaknya!"

Fakrul membisu. Tubuhnya mula disandarkan ke kerusi. Mencari topik lain untuk berbual-bual dengan Haziqah. Tiba-tiba dia terasa ketandusan idea.

"Kenapa awak tanya?" Haziqah menyoalnya kembali.

"Sejak aku balik tadi, aku tak nampak semua orang kecuali kau. Patutlah rumah ni sunyi aje."

Haziqah tersenyum. Bingkas dari duduk dan menghadap pintu almari baju yang terbuka luas. Kemudian mengeluarkan sepasang baju kurung berwarna hijau pucuk pisang lalu disangkutkan di hadapan almari.

"Kau nak buat apa dengan baju tu?" soal Fakrul. Sebenarnya dia masih mencari tajuk yang sesuai untuk dibualkan.

"Saya nak keluar!" jawab Haziqah bersahaja.

"Bila?"

"Sekejap lagi."

"Kau nak ke mana?" Berkerut dahi Fakrul.

"Abang Hafiz ajak saya keluar makan."

Berderau darah Fakrul dengan tiba-tiba. Jiwa lelakinya bergetar hebat tatkala nama Hafiz meniti di bibir gadis itu.

`"Kau nak keluar dengan Hafiz?"

"Mungkin kami nak keluar makan sekejap lagi. Lepas tu, Abang Hafiz nak ajak saya jalan-jalan. Sepanjang saya tinggal di sini, saya tak pernah ke KL. Awak pun tak pernah bawa saya keluar." Panjang lebar Haziqah memberitahu. Namun, ada senyuman mekar yang terbit di bibirnya. Seperti memberitahu Fakrul yang dia gembira dengan rancangan Hafiz itu.

Setiap gerak-geri Haziqah diperhatikan oleh Fakrul. Tiba-tiba nafasnya terasa seolah-olah tersekat. Sungguh menyesakkan dada!

“Saya dah beritahu umi yang kami akan keluar. Umi pun dah benarkan!”

Perlahan-lahan Fakrul menunduk. Pandangannya berbalam-balam. Hafiz? Kenapa nama lelaki itu yang sering Haziqah sebut?

“Awak tak kisah kan tinggal sorang-sorang sekejap lagi? Kami keluar ni pun tak lama. Lepas makan dan jalan-jalan, saya akan suruh Abang Hafiz hantarkan saya balik.”

Fakrul merenung Haziqah yang masih membelek baju kurung yang tersangkut di luar pintu almari. Patutkah aku memberinya keizinan? Tapi, kenapa aku perlu menghalangnya? Bukankah mereka sekadar makan-makan dan berjalan-jalan? Kalau aku tak bagi, apa alasan yang harus aku berikan? Fakrul tertanya-tanya.

‘Cakaplah kau tak suka dia keluar dengan Hafiz!’ Tiba-tiba Fakrul terdengar suara hatinya berbisik. Ah, alasan tak logik! Kalau aku tak suka dia keluar dengan Hafiz, apa hak aku nak menghalang?

‘Kau suaminya!’

Sanggupkah Haziqah terima yang aku ni suaminya? Namun, hati Fakrul terus menyepi.

“Kenapa awak senyap aje?” soal Haziqah hairan.

Suara Haziqah kedengaran begitu lembut di telinga Fakrul. Halus dan seolah-olah membuai perasaan. Malah hati lelakinya bagaikan cair dengan suara halus itu. Tidak sampai hati untuk menolak permintaannya.

Tetapi kalau aku melepaskan dia pergi, bermakna aku telah membiarkan Haziqah jatuh ke tangan Hafiz tanpa dipaksa. Tapi kalau aku tak melepaskannya pergi, pasti dia akan kecewa denganku. Ah, bingungnya!

“Awak tak nak makan ke? Nanti sejuk pulak lauk-lauk tu.”

“Nanti aku makanlah. Perut aku masih kenyang lagi.”

Haziqah tersenyum lalu mencapai baju dan menuju ke bilik air. Mungkin mahu bersiap-siap, fikir Fakrul.

BEBERAPA minit selepas itu, Haziqah sudah selesai menyiapkan diri. Sepasang baju kurung hijau pucuk pisang sudah tersarung di tubuhnya. Sehelai tudung berwarna putih sudah dipin kemas. Kulit wajahnya pula, hanya diserikan dengan bedak tipis. Sungguh menyerlah kecantikkannya yang asli. Membuatkan Fakrul semakin resah untuk melepaskan gadis itu pergi.

“Saya turun dulu. Nak tunggu Abang Hafiz,” ujar Haziqah dan perlahan-lahan mengatur langkah.

“Ziqa!” Fakrul memanggil kuat.

Langkah Haziqah terhenti. Gadis itu berpaling. Membalas pandangan Fakrul yang nampaj gelisah.

“Ya?” Haziqah menyahut apabila dilihatnya lelaki itu berjalan menghampirinya.

“Kalau aku tak izinkan kau pergi, kau akan ikut cakap aku tak?” Soalan Fakrul yang perlahan itu membuatkan Haziqah kehilangan kata-kata.

“Apa maksud awak?”

“Kau tak payahlah keluar dengan Hafiz. Temankan aku makan!”

“Kenapa?”

“Sebab…aku tak suka kau keluar dengan Hafiz!”

“Kenapa? Kami bukannya buat apa-apa!” ucap Haziqah tidak puas hati.

“Aku tahu!”

“Habis tu? Kenapa saya tak boleh keluar? Umi pun dah bagi kebenaran.”

“Yang mana lebih penting? Umi atau aku?” soal Fakrul.

Haziqah terdiam sejenak.

“Saya dah siap ni.”

“Telefon Hafiz sekarang. Cakap kau tak boleh pergi.”

“Tapi, kenapa?”

“Cakap ajelah yang kau tak boleh pergi!” tengking Fakrul.

Haziqah terpana. Dia memandang tepat ke wajah Fakrul yang tiba-tiba bengis.

“Sebab aku cemburu. Aku tak nak kau keluar dengan dia. Sampai bila-bila aku tak nak kau sebut nama dia lagi di depan aku!”

“Tapi…”

“Aku tak nak dengar apa-apa alasan lagi. Nah, ambil telefon ni dan telefon Hafiz sekarang. Beritahu dia kau tak boleh keluar sebab aku tak izinkan.”

Haziqah terkedu dengan ketegasan Fakrul. Tiada langsung ruang untuknya memohon penjelasan. Kenapa Fakrul harus bersikap seperti budak-budak? Cemburu? Kenapa perlu cemburu? Bukankah selama ini lelaki itu tidak kisah dengan apa yang dilakukan?

“Helo Abang Hafiz! Ziqa ni. Maaflah Ziqa tak dapat pergi. Tiba-tiba rasa tak sihat,” beritahu Haziqah perlahan sambil memandang Fakrul yang begitu serius.

“Tak apa. Jangan risau. Fakrul ada.” Haziqah masih bersuara. Kali ini air matanya dirasakan ingin menitis.

“Waalaikumussalam.” Haziqah mematikan talian.

Telefon diserahkan semula kepada Fakrul. Wajahnya sedikit kecewa. Namu lelaki itu hanya selamba. Tiada riak bersalah yang terbit dari air mukanya.

Fakrul terus berlalu keluar dari bilik. Sejurus selepas itu, dada Haziqah menjadi sebak. Pantas dia menuju ke bilik air, melepaskan tangisan yang tidak boleh ditahan-tahan lagi. Dia tidak tahu kenapa dia perlu menangis beria-ia begitu. Sebenarnya, tidaklah sebesar mana kekecewaan yang dirasai itu, Cuma dia marah. Fakrul seolah-olah telah mempermain-mainkan dirinya.

HAZIQAH gagal melelapkan mata. Setiap saat dia teringatkan ketegasan Fakrul tadi. Sungguh dia tertekan dengan sikap Fakrul yang dirasakan tidak patut bersikap sedemikian. Ah, lelaki itu memang sengaja! Tak pernah mahu berdamai. Hanya ingin menambahkan sakit hati di jiwanya sahaja!

Perlahan-lahan Haziqah bangun. Fakrul tidak naik ke bilik sejak tadi. Haziqah juga tidak turun untuk menemani lelaki itu makan. Jam sudah tiba ke angka 3.00 pagi. Suasana bilik terasa sunyi dan sepi.

Haziqah berjalan ke arah tingkap bilik. Tetapi untuk ke situ, dia perlu melintas kawasan Fakrul. Ah, peduli apa! Agaknya lelaki itu sudah tidur di tingkat bawah. Bisik Haziqah sambil meneruskan langkah melintasi garisan merah di atas lantai.

Dia berdiri tegak di hadapan tingkap yang sudah dibukanya. Merenung malam yang agak gelita waktu itu. Tiada bintang atau bulan yang kelihatan. Haziqah kembali berpaling. Ingin melangkah ke tempatnya semula. Dia terkejut tiba-tiba.

“Err…saya minta maaf. Saya tak boleh tidur. Jadi, saya tengok pemandangan di luar. Saya…” Suara Haziqah tersekat-sekat. Dia tidak sedar kehadiran Fakrul di situ.

Wajah Fakrul begitu serius. Tiada kata-kata yang lahir. Hanya renungan yang agak meresahkan jiwanya sahaja. Haziqah pantas berlalu ke kawasannya. Namun, tangannya tiba-tiba disambar. Haziqah terkejut.

“Fakrul, saya…”

“Aku nak beritahu kau sesuatu!” kata Fakrul membuatkan Haziqah terdiam. Matanya memandang tepat ke arah Fakrul yang nampak samar-samar di dalam cahaya yang suram itu.

Haziqah tidak tahu apa yang lelaki itu ingin lakukan. Dia tidak berani bertentang mata dengan Fakrul.

“Aku…err…aku rasa…” suara Fakrul pula yang tersekat-sekat.

Haziqah kembali mendongak. Terasa pelik dengan situasi yang sedang dihadapi itu. Apa sebenarnya yang berlaku? Kenapa lelaki itu agak aneh? Soal Haziqah sambil termenung.

“Apa yang awak nak cakap sebenarnya?” tegur Haziqah sambil mengundurkan langkah.

Fakrul tersedar. Dia nampak wajah Haziqah sudah berubah. Gadis itu sedaya-upaya juga ingin menarik tangan dari pegangan. Namun, Fakrul tidak mahu melepaskan tangan itu.

“Aku tahu, aku tak patut tengking dan paksa kau supaya ikut cakap aku tadi!”

“Lepaskan tangan saya,” pinta Haziqah.

“Aku nak beritahu kau yang aku…aku dah jatuh cinta pada kau!” Lambat-lambat Fakrul memberitahu.

Haziqah terkejut dengan pengakuan itu. Dengan pantas tangannya ditarik dari genggaman Fakrul.

“Sakitlah!” marah Haziqah. Dia segera berlalu dari situ menuju ke pintu. Dia tidak menyangka Fakrul akan berkata sebegitu padanya. Namun, baru sahaja Haziqah ingin mencapai tombol pintu itu, Fakrul lebih dulu tiba di situ. Haziqah terasa tubuhnya ditarik ke belakang.

“Kau nak pergi mana ni? Aku nak dengar kata putus daripada kau!”

“Kata putus apa?”

“Yang kau maafkan aku dan terima aku sebagai…”

“Suami?” potong Haziqah seperti mengejek.

“Aku dah fikir masak-masak. Aku takkan ungkit lagi kesilapan yang kau lakukan dulu. Biarlah apa orang nak kata. Aku sanggup terima kau sebagai isteri aku,” jelas Fakrul panjang.

Haziqah mengerutkan dahi. “Awak masih fikir saya gadis yang tak suci dan tak bermaruah?”

“Aku tak kisah kau masih suci atau tak. Aku sanggup bertanggungjawab ke atas diri kau! Aku akan jaga kau!” Fakrul menghampiri Haziqah. Tangan gadis itu dicapainya perlahan.

“Aku cintakan kau, Ziqa! Maafkan aku…” ucap Fakrul perlahan.

Haziqah tiba-tiba menolak Fakrul. “Awak ingat saya ni apa? Dulukan awak sendiri yang cakap saya ni perempuan kotor! Saya ni perempuan yang tak bermaruah! Kenapa awak masih nak terima saya sebagai isteri?”

“Sebab aku cintakan kau!”

“Cinta? Ada apa dengan cinta awak!” Haziqah bersuara kasar dan segera berlalu. Namun, Fakrul pantas menghalang. Tubuh Haziqah direntapnya kuat.

“Kalau kau masih suci, buktikan pada aku!”

Haziqah terkejut dan terus berdiam. Kelu lidahnya tidak terkata. Dia terasa ingin pergi sejauh mungkin tapi tidak tahu hendak ke mana.

“Kau pernah cakap pada umi yang kau nak seorang lelaki yang boleh buktikan kesucian kau, kan? Malam ni, aku nak kau buktikan pada aku yang kau masih suci!” cabar Fakrul lagi.

Buktikan kesucianku? Perlukah aku melakukannya? Perlukah aku membuktikan kesucianku seperti mana yang aku usulkan pada umi dan arwah mak dahulu? Haziqah tertanya-tanya.

“Aku cintakan kau, Ziqa! Percayalah…aku cintakan kau!” Haziqah dapat mendengar bisikan Fakrul di telinganya. Dia hanya membisu seribu kata.

Bab 32

PAGI-PAGI lagi Fakrul sudah menghilangkan diri. Malah sewaktu Haziqah terjaga tadi, Fakrul sudah tiada di sisi. Haziqah pelik dengan sikap Fakrul yang datang dan pergi sekelip mata. Semalam lelaki itu datang tanpa diundang dan hari ini lelaki itu pergi tanpa disuruh. Kenapa? Bukankah semalam, lelaki itu yang merayu-

rayu kepadanya? Meminta dia membuktikan segala kekeliruan yang menjadi tanda tanya selama ini. Jadi hari ini?

Dada Haziqah sebak. Terasa ingin menangis. Kenapa nak menangis pulak? Tiba-tiba sahaja dia meletuskan tawa kecil. Ketawa yang bersambung-sambung.

‘Bodoh! Kau bodoh Ziqa!’ ucapnya perlahan.

Matanya melilau memerhati sekeliling kamar yang masih sunyi dan gelap. Jarum jam hampir menuju ke angka 6.45 pagi. Waktu itu, tawanya sudah berhenti.

Haziqah teringat kata-kata indah Fakrul malam tadi. Apakah lelaki itu ikhlas atau memang taktik Fakrul mahu memperbodoh-bodohkan perasaannya?

“Kalau kau masih suci, buktikan pada aku!” Bagai terngiang-ngiang ucapan Fakrul semalam.

Sungguh, sebenarnya Haziqah terpana dengan keberanian Fakrul mengucapkan kata-kata itu. Bisikan halus Fakrul membuaikan perasaannya yang berdebar-debar.

“Aku cintakan kau, Ziqa! Percayalah…”

Ketika itu, Haziqah seakan lupa persengketaannya dengan Fakrul. Fakrul telah membelainya dengan penuh mesra. Dia hanya nampak senyuman Fakrul di dalam dunianya. Hanya wajah lelaki itu!

Haziqah tahu, dia tidak sepatutnya kesal dengan apa yang telah berlaku. Sekurang-kurangnya dia boleh berbangga dan tersenyum kerana Fakrul telah tewas dengan dakwaannya. Tetapi, apakah perlu dia meraikan kemenangan itu?

Perkahwinan adalah satu ikatan yang tulus dan suci. Tetapi kenapa wujud isu untuk membuktikan yang dirinya masih suci? Kenapa?

‘Tapi kau jugak yang pernah mengusulkan perkara yang sama!’ Haziqah terdengar hatinya berbisik perlahan.

‘Sudahlah. Apa yang nak dirisaukan? Kau dah buktikan yang kau di pihak yang benar!’

Tanpa dipaksa, Haziqah menunduk. Menekur ke lantai bilik yang terdampar pakaian tidurnya di situ. Saat itu juga dia dapat merasakan air mata yang kian berjuraian. Menitis dan terus menitis sehinggan tiada ruang lagi di hatinya untuk bertenang. Dia benar-benar pilu.

“KENAPA Ziqa cari abang? Macam dah tak sabar-sabar nak tunggu matahari terpacak kat atas kepala,” tegur Hafiz sambil tersengih.

Haziqah sekadar menguntum senyuman. Gurauan Hafiz tidak mampu menggembirakan hatinya. Matanya memandang ke arah beberapa pasangan manusia yang baru sahaja masuk ke dalam restoran pagi itu.

Hendak memesan makanan, serasa masih terlalu awal untuknya mengisi perut. Tambahan pula seleranya seperti tiada. Dia sekadar memesan minuman.

"Kenapa ni? Senyap aje dari tadi. Ziqa ada masalah ke?" Perlahan Hafiz bersuara. Membantutkan lamunan Haziqah yang baru ingin menjauh.

Haziqah menggeleng.

"Habis tu, monyok aje muka tu!" ucap Hafiz lagi.

Suasana masih hening di antara mereka. Haziqah tetap membisu.

"Kalau tak ada masalah, kenapa Ziqa telefon abang pagi-pagi lagi? Ziqa nak cakap apa? Ziqa kan tahu yang sekarang ni waktu abang bekerja," kata Hafiz sambil merenung tepat ke wajah Haziqah yang tidak ceria.

Hafiz pelik melihat perubahan yang berlaku pada Haziqah hari itu. Selalunya apabila berjumpa, Haziqahlah yang banyak cerita. Tetapi hari ini, Haziqah kelihatan lebih banyak mendiamkan diri. Seolah-olah menyembunyikan rahsia yang besar.

"Kalau abang sibuk, tak apalah. Ziqa boleh uruskan hal Ziqa sendiri. Abang pergilah ke pejabat."

"Laa…merajuk pulak adik abang ni!" usik Hafiz sambil mencuit pipi Haziqah dengan jari telunjuk.

Gadis itu menepis. Tiada senyuman ataupun ketawa seperti selalu. Fikirannya kosong. Tidak tahu sama ada ingin meluahkan masalah itu atau tidak. Dia sebenarnya hanya mahukan teman. Mengisi kelapangan waktu yang dirasakan terlau lambat berlalu.

"Hei, kenapa ni? Ziqa bergaduh dengan Fakrul ke?" tanya Hafiz sambil melayang-layangkan tangannya di hadapan mata Haziqah.

Haziqah terkedu. Tiba-tiba benaknya terbayangkan wajah Fakrul. Senyuman dan renungan lelaki itu meresahkan. Ya Allah! Tolonglah aku di kala ini. Hilangkan ingatanku terhadap lelaki itu untuk seketika. Aku memerlukan ketenangan.

"Ziqa, janganlah senyap macam ni! Risau abang tengok Ziqa! Cakap kat abang, kenapa? Apa yang berlaku?"

"Abang kata, abang kerja hari ni. Pergilah! Ziqa tak apa-apa," jawab Haziqah antara ikhlas dengan tidak.

"Macam mana abang nak pergi kalau Ziqa asyik senyap aje dari tadi? Muka yang lawa tu dah macam lempeng pisang aje abang tengok. Bergaduh dengan Fakrul ya?"

"Jangan sebut nama dia boleh tak?"

Spontan Hafiz memandang Haziqah. Suara Haziqah yang bernada marah itu menyebabkan Hafiz ketawa besar. Haziqah terpinga-pinga melihat Hafiz.

"Kenapa?" soal Haziqah.

"Patutlah monyok aje muka tu. Bergaduh dengan Fakrul rupanya."

Haziqah mendengus. Mula menyilangkan tangan memeluk tubuh sambil menyandarkan diri ke kerusi.

"Menyampahlah dengan Fakrul tu. Dia ingat Ziqa ni apa? Perempuan yang tak ada harga diri? Senang-senang nak tuduh Ziqa yang bukan-bukan. Macamlah dia tu baik sangat!" tutur Haziqah geram.

"Kenapa Ziqa cakap macam tu?"

Senyap seketika Haziqah sambil mengetap bibir.

"Tak baik tau memburuk-burukkan suami macam tu. Takkan Ziqa tak tahu apa hukumnya seorang isteri menuduh suami yang bukan-bukan."

"Ziqa bukan menuduh. Ziqa bercakap mengikut fakta yang benar."

"Okey, kalau betul…apa sebabnya Ziqa marah sangat dengan Fakrul tu? Abang ni…sepupu rapat dia tau. Lebih kenal dia daripada Ziqa kenal dia."

"Entahlah. Malas nak sebut tentang dia lagi," balas Haziqah. Memang dia malas menceritakan kepada Hafiz tentang ketidakpuasan hatinya terhadap Fakrul. Nanti dia pulak yang malu sendiri.

"Ziqa nak berjalan-jalanlah. Abang nak pergi kerja, abang pergilah. Nanti, pandai-pandailah Ziqa jaga diri," ujar Haziqah sambil mencapai beg tangannya.

"Eh…eh…jangan nak mengada-ngada! Kalau Ziqa tahu selok-belok jalan kat sini taka pa. Ini… nak ikut pandai-pandai sendiri aje," haling Hafiz marah.

"Ziqa baliklah naik teksi nanti."

Hafiz melepaskan nafas deras.

"Jom abang hantarkan Ziqa balik ke rumah. Lepas tu, abang nak ke *office*."

"Ziqa tak nak balik! Ziqa nak berjalan-jalan kat sini."

Hafiz terdiam. Kalah dengan permintaan Haziqah.

"Okey, Ziqa nak ke mana? Abang hantarkan."

"Kerja abang?" soal Haziqah.

"Abang ambil cutilah hari ni. Semata-mata nak temankan adik abang yang seorang ni!" Lelaki itu pantas menjawab dan tiba-tiba Haziqah tersenyum kecil.

Bab 33

DIA memang gadis yang menawan. Tutur kata dan penampilan dirinya nampak sederhana dan penuh dengan kelembutan. Anak matanya yang bundar dan hitam bersinar itu benar-benar menyerlahkan kecantikannya yang asli. Haziqah memang cantik. Malah terlalu sukar untuk Fakrul gambarkan. Fakrul benar-benar sudah jatuh cinta. Sampai dia tidak tahu bagaimana dia mahu mentafsirkan perasaannya lagi.

Fakrul mengeluh entah ke berapa kali. Kesepian yang menggigit hatinya membuatkan dia lebih senang duduk sendirian di bilik pejabatnya sejak awal pagi. Sesekali dia mendongak memerhatikan awan yang kian bercahaya dek matahari yang akan terbit. Namun suasana itu belum cukup untuk menenangkannya.

Serentak matanya bagaikan terpandang wajah Haziqah di celah-celah awan. Gadis itu sedang merenung ke arahnya sambil tersenyum mesra. Mata, bibir, rambut dan segala-galanya milik Haziqah sentiasa mengganggu pemikiran. Begitu indah dirasakan.

Mata Fakrul kemudiannya tertancap pada fail-fail yang bertimbun di atas meja. Satu pun belum diusik lagi hari itu. Fakrul mengeluh lagi. Dia sudah tidak tahu bagaimana mahu menyembunyikan gelodak perasaan. Serasa ingin sahaja dia pulang dan berterus-terang lagi pada Haziqah tentang perasaannya. Biar gadis itu tahu yang kasihnya telah berputik. Kini, kian mencambahkan perasaan sayang yang sukar untuk digambarkan. Hanya hatinya yang tahu segala-galanya.

Tetapi bagaimana reaksi gadis itu nanti? Sudikah dia menerima cintaku? Adakah aku perlu menggunakan lagi kata-kata pujukan seperti semalam? Hati Fakrul tertanya-tanya. Terbit rasa bersalah dalam diri. Haziqah masih suci rupa-rupanya. Mengapa aku sanggup menuduh yang bukan-bukan kepadanya. Patutlah Haziqah hanya diam apabila disentuh. Agaknya gadis itu sudah tidak mampu menanggung beban perasaan akibat momokan yang ditaburkan. Mungkin Haziqah benar-benar mahu membuktikan yang dirinya masih suci! Detik hati Fakrul.

Disebabkan itu, awal-awal pagi lagi, Fakrul sudah meninggalkan bilik tidurnya. Dia malu dengan Haziqah. Bagaiman dia mahu berdepan dengan Haziqah nanti? Apakah gadis itu akan mentertawakannya? Dia telah tewas dengan tuduhannya sendiri.

“Rul!” tegur Stephen menyedarkan diri dari lamunan.

"Jomlah kita pergi!"

Dahi Fakrul berkerut mendengar ajakan Stephen.

"Pergi mana?"

"Hari ni kan kita ada *appointment* dengan Cik Nancy."

"Hah, ye ke? Aku tak ingat pun!"

"Kan aku dah beritahu kau semalam. Kita ada *appointment* dengan Cik Nancy kat Restoran Selera Kampung pukul 10.00 pagi. Aku nampak kau tulis dalam *planner book* kau lagi. Takkan kau tak ingat?"

Fakrul terus menuju ke meja kerja. Membelek-belek beberapa helaian buku rancangan hariannya sambil berfikir-fikir.

"Ada tak? Atau kau ada *appointment* lain?"

"Bukan."

"Habis tu? Kenapa?"

"Aku pelik. Apasal aku tak ingat *appointment* pagi ni?" ucap Fakrul bersama keluhan.

Stephen mengetap bibir. Dia menapak masuk ke bilik dan menghampiri Fakrul.

"Macam mana nak ingat kalau fikiran kau tu asyik teringatkan isteri kat rumah." Selamba Stephen berkata sambil jari telunjuknya diletakkan di kepala.

Fakrul berpaling menatap wajah Stephen yang bersahaja. "Mana ada?"

Stephen tersengih. "Nanti kenalkanlah aku dengan isteri kau. Teringin jugak aku nak berkenalan dengan perempuan yang dah buatkan member aku ni angau tak bertempat. Aku nak tabik hormat kat dia!"

Mereka sama-sama ketawa sambil keluar menuju ke destinasi yang telah ditetapkan.

"SAYA setuju! Tapi, bila agaknya kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan?" ujar Nancy sambil menyedut minuman yang masih berbaki.

"Kami akan mulakan mengikut tarikh di dalam prosedur yang kita persetujui hari tu. Kenapa? Ada pertukaran tarikh ke?" soal Fakrul.

Nancy tersenyum sambil menggeleng. "Tak adalah. Saya sekadar bertanya. Maknanya, lagi dua minggu bermula hari ni… Jadi bolehlah saya tengok bagaimana bentuk rekaan bangunan yang dah siap dilukis 100 peratus?" soal Nancy lagi.

Fakrul mengangguk. "Bahagian landskap macam mana pulak, Steve? Kau dah cuba hubungi mereka untuk Cik Nancy?"

"Oh…dah. Mereka kata, rekaan untuk bahagian-bahagian yang nak dilengkapi landskap dah siap 80 peratus. *So*, Cik Nancy bolehlah datang ke pejabat kami di bahagian landskap untuk melihat rekaan-rekaan itu." Stephen memberitahu pula.

“Terima kasih kerana bersusah payah memenuhi citarasa saya! Maklumlah, saya ni masih baru menceburi bidang perniagaan keluarga. Apa yang saya rancangkan adalah untuk kesempurnaan bagi menarik minat para pelancong datang ke *chalet* saya nanti.”

Stephen mengangguk-angguk. Fakrul di sisi hanya diam mendengar.

“Saya dapat semua modal ni pun melalui ayah saya. Jadi, saya tak mahu hampakan harapan dia kerana saya ni anak tunggal,” ujar Nancy lagi.

“Oh, anak tunggal! Samalah kita,” kata Stephen.

“Oh, ye ke?” Nancy tersenyum.

Mata Fakrul meliar ke sekeliling kawasan restoran. Dia tidak berminat untuk turut serta dalam perbualan yang mulai jauh menyimpang dari tujuan sebenar.

Sedang matanya meliar memerhatikan gelagat-gelagat manusia yang lalu lalang, tiba-tiba Fakrul ternampak sepasang manusia yang sudah berdiri dan berkira-kira untuk meninggalkan restoran itu.

Fakrul tersentak. Haziqah? Bersama Hafiz? Fakrul mengerutkan dahi. Kenapa mereka bersama? Waktu itu, Haziqah dilihatnya sedang tersenyum di samping Hafiz. Mereka begitu mesra!

Tiba-tiba saja, Fakrul terasa dadanya sesak. Hatinya tertanya-tanya. Matanya dibiarkan melihat pasangan itu yang kian menghilang. Hatinya jadi panas tanpa disedari. Marah dan benci dengan kemesraan yang baru dilihat.

“Weh, apasal ni?” Stephen menegurnya tiba-tiba.

Fakrul tidak menjawab. Dia bingkas berdiri. Menimbulkan rasa pelik di benak Nancy dan Stephen.

“Aku nak balik *office*. Kau orang teruskanlah,” ucap Fakrul mendatar.

“Nanti aku nak balik macam mana pulak? Aku nak naik apa?” soal Stephen.

“Kau suruhlah Cik Nancy hantarkan. Aku ada hal sekejap.” Fakrul terus keluar. Tidak menghiraukan panggilan rakannya yang kuat.

DI DALAM kereta, Fakrul termenung sendirian. Dia bercadang ingin mengejar Haziqah dan Hafiz tadi tetapi niatnya itu segera dimatikan. Biarlah. Mungkin Haziqah memerlukan ketenangan setelah apa yang berlaku di antara mereka malam tadi.

Cuma, Fakrul rasa tidak sedap hati. Benci dan marah bercampur menjadi satu. Sayang dan cinta bagai menusuk ke hatinya lalu membentuk jiwanya supaya bertenang. Ah, mengapa aku boleh jadi begini? Marahnya tak sudah-sudah. Dia terkejut apabila terdengar tingkap keretanya diketuk. Dia berpaling dan ternampak Hafiz di situ. Fakrul menurunkan cermin keretanya.

“Apa yang kau buat kat sini?” soal Hafiz.

“Hah? Err... tadi aku ada *appointment* dengan klien kat restoran tu,” jelas Fakrul sambil menunjuk ke Restoran Selera Kampung.

“Kebetulan sangatlah aku berjumpa dengan kau ni.”

“Kenapa?” Fakrul buat-buat bertanya.

“Ziqa ada dengan aku sekarang!”

“Oh yak e? Mana dia?”

“Ada kat sana tu.”

Mata Fakrul terarah pada jari telunjuk Hafiz.

“Kenapa dengan kau orang ni? Bergaduh ke?”

“Ziqa cakap macam tu?” Fakrul bertanya.

Hafiz tidak menjawab. Dia hanya kaku di luar Honda CRV milik Fakrul.

“Dia marah betul dengan kau. Aku tak tahu pulak kenapa. Tadi dia cakap kau asyik tuduh dia yang bukan-bukan. Betul ke Rul?”

“Entahlah. Tak tahu macam mana aku nak *explain*. Kalau itu yang Ziqa cakap, betullah agaknya.”

“Lah…kau ni. Macam tu pulak! Patutlah Ziqa tu marah sangat. Kau dah tuduh dia macam-macam, lepas tu kau tak nak pujuk dia.”

“Ah, tak kuasa aku nak pujuk-pujuk. Dia nak merajuk, suka hati dialah,” ucap Fakrul selamba.

“Rul, tak baik kau layan Ziqa macam tu. Dia tu anak yatim. Berdosa Rul!”

Fakrul terdiam.

“Sudahlah. Jangan layan sangat perasaan lelaki kau tu. Pergilah pujuk Ziqa. Lepas tu, kau hantar dia balik ke rumah. Kau tu suami dia, Rul. Aku ni…tak ada kena-mengena langsung dengan dia. Lagipun, aku belum masuk *office* lagi sejak pagi. Ingatkan nak ambil cuti temankan Ziqa. Tapi aku ternampak pulak kau kat sini. Pergilah Rul!” Suara Hafiz bagaikan memujuk.

Fakrul mengeluh berat. Dia membisu lama di tempat duduknya. Sempat memandang ke arah Hafiz sebelum dia keluar dari keretanya dan perlahan-lahan menuju ke arah Haziqah.

Haziqah terkejut dengan kehadiran Fakrul. Dia tidak menjangka Fakrul berada di situ. Dia nampak Hafiz berdiri jauh di simpang jalan. Kemudian lelaki itu berlalu pergi meninggalkan Haziqah sendirian di samping Fakrul.

“Aku hantar kau balik!”

“Abang Hafiz kata dia yang nak hantar saya tadi.”

“Dia ada kerja.”

“Tapi, dia kata nak ambil cuti,” jawab Haziqah.

“Aku hantarkan kau!” Fakrul bersuara keras membuatkan Haziqah tertunduk seketika.

“Cepat! Jangan buang masa aku.”

Namun, langkah Haziqah masih kaku di situ. Tindakannya itu membuatkan Fakrul bertambah marah.

“Kau nak aku paksa kau ke?” tanya Fakrul.

“Saya nak balik naik teksi,” ujar Haziqah pantas dan berpusing untuk berlalu.

Fakrul lebih pantas bertindak. Tubuh Haziqah ditarik.

“Aku kata ikut aku, kan? Jangan degil! Cepat!”

Haziqah perasan ada beberapa pasang mata yang lalu-lalang di kawasan itu memandang mereka. Haziqah malu. Jeritan Fakrul benar-benar mengejutkannya.

“Naik cepat!” tengking Fakrul.

“Tak nak! Awak tak ada hak nak memaksa saya.” Haziqah berkeras.

“Naik!” Jeritan Fakrul lebih kuat.

Spontan Haziqah menerobos masuk ke dalam kereta Fakrul. Dia jadi gementar melihat wajah Fakrul seperti singa lapar mahu menerkam mangsanya.

Bab 34

FAKRUL memberhentikan keretanya di kawasan letak kereta berhadapan sebuah tasik di Putrajaya. Sepanjang perjalanan tadi, dia hanya mendiamkan diri. Haziqah di sisi apatah lagi. Senyap dan lebih suka melayan kesedihannya.

Fakrul mematikan enjin kereta. Membiarkan muzik sentimental yang terpasang di corong radio terus berputar. Waktu itu, lagu 'Kekasihku' nyanyian Rahmat menyapa telinganya. Kemudian, dia mengerling ke arah Haziqah. Gadis itu hanya membatukan diri. Fakrul tahu Haziqah sedang menangis. Perlahan-lahan Fakrul menolak pintu kereta. Dia keluar dan menuju ke pintu kereta di sebelah Haziqah.

"Turunlah," kata Fakrul perlahan-lahan. Suaranya tidak lagi sekasar tadi.

Melihat kedinginan sikap Haziqah, Fakrul tidak berkata apa-apa lagi. Dia terus menyandarkan tubuhnya ke kereta. Dekat dengan Haziqah. Berdiri menghadap tasik yang tenang dan bersilau dek pancaran cahaya matahari lewat pagi itu.

Kebisuan Haziqah membuatkan Fakrul tidak senang hati. Perlahan-lahan Fakrul mengerling ke arah Haziqah yang sedang memandang kosong ke hadapan.

"Kau marahkan aku?" Tidak tahu mengapa, ayat itu yang terlahir di bibir Fakrul.

Haziqah menoleh sebentar.

"Aku tahu kau marahkan aku! Memang tak patut aku tengking kau tadi. Tapi aku dah beritahu pada kau semalam, yang aku tak suka kau keluar dengan Hafiz. Aku tak nak tengok lagi kau bersama dengan dia!" kata Fakrul dengan tenang.

"Abang Hafiz dengan saya hanya berkawan. Apa yang awak nak sibuk-sibukkan?" Suara Haziqah kedengaran.

"Kalau aku cakap aku tak suka, maknanya aku tak suka! Kenapa kau asyik menjawab apa yang aku cakap?"

"Itu hak saya! Awak tu yang tak ada hak nak masuk campur di dalam urusan saya. Selama ni, awak tak pernah sekalipun menghalang apa yang saya buat. Kenapa tiba-tiba, awak nak ambil tahu?"

"Sebab aku suami kau!"

"Baru sekarang awak mengaku yang awak tu suami saya? Selama ni, saya tak pernah dengar pun awak cakap macam tu? Malah sejak hari pertama saya menjadi isteri awak, awak sendiri dah jatuhkan hukuman gantung tak bertali pada saya, kan?" Ayat yang Haziqah hamburkan itu bagaikan halilintar yang menampar ke telinga Fakrul.

Fakrul cuba menentang pandangan mata Haziqah. Dia nampak kesayuan di wajah Haziqah. Tanpa disedari, mata Haziqah yang bundar itu berkaca dengan tiba-tiba. Makin menambahkan kesedihan di jiwa Fakrul.

"Awak masih tak puas nak sakitkan hati saya lagi ke? Saya dah cukup menderita Fakrul! Jangan ditambah lagi penderitaan yang saya tanggung," kata Haziqah sayu.

"Itulah kesilapan yang aku dah lakukan Ziqa…"

"Untuk apa menyesal sekarang? Bukan ke saya ni hanya perempuan murahan di mata awak? Perempuan kotor yang awak pernah hina, kan? Kenapa tiba-tiba aje awak nak minta maaf pada saya?"

Fakrul menunduk. Kata-kata Haziqah mengguris perasaannya. Benar, dia pernah berkata begitu! Tetapi itu dahulu. Kini, dia ingin meminta maaf.

"Saya sedar saya hanya anak bekas orang gaji di rumah awak. Saya tahu taraf diri saya tidak standing awak. Tapi, janganlah disebabkan itu, awak boleh tuduh saya sesuka hati!"

Haziqah diam seketika. Menarik nafasnya perlahan. Kemudian menyambung kata-katanya kembali. "Awak tak tahu apa yang saya rasa waktu tu, Fakrul! Awak yang saya fikir sudi membantu untuk menutup keaiban yang menimpa saya rupa-rupanya sama macam mereka. Berbulan-bulan saya hidup dalam dunia umpatan penduduk kampung. Awak hilangkan diri dan hukum saya sedangkan awak sendiri tak tahu cerita yang sebenarnya. Jadi awak ingat, saya akan mudah memaafkan awak?" kata Haziqah panjang lebar.

"Cakaplah apa kau nak cakap Ziqa! Aku tahu semuanya salah aku. Tapi, kau pun patut faham. Segala-galanya berlaku dengan sekelip mata. Aku tak kenal siapa kau waktu tu. Aku Cuma tahu kau anak Makcik Aminah yang pernah menjadi orang gaji di rumah aku. Itu aje! Selebihnya aku kenal kau melalui cerita-cerita umi. Jadi, bila khabar angin yang memberitahu kau tak jadi berkahwin kerana kau dah tak suci, apalagi yang aku mampu fikirkan? Secara automatik, aku pun memikirkan perkara yang sama seperti orang lain. Aku pun malu! Kalau orang lain yang membuat onar, kenapa aku pula yang kena bertanggungjawab?"

Haziqah membiarkan air matanya mengalir. Tiba-tiba Haziqah terasa tangannya disentuh lembut. Dia sedar Fakrul sedang merenungnya.

"Walau apapun yang terjadi, aku sedar yang semuanya hanya fitnah semata-mata. Aku tahu kau bukan jenis perempuan yang aku fikirkan selama ni. Jadi, aku dah buat keputusan untuk terima kau sebagai isteri aku!"

Haziqah pantas menarik tangannya. Membuatkan Fakrul terkejut dengan tindakan Haziqah itu.

“Saya tahu, awak menerima saya bukan kerana kehendak hati awak. Awak menerima saya kerana awak dah sentuh saya, kan?”

Fakrul tersentak. “Aku tak terfikir macam tu! Tak pernah sekalipun Ziqa!”

Haziqah mengetap bibir. Kembali membetulkan duduk. “Kalau awak sayang dan cintakan saya, awak takkan suruh saya buktikan kesucian saya semalam! Awak takkan tinggalkan saya tanpa sepatah kata. Tapi, hari ni awak terima saya sebab…”

“Ziqa…” Fakrul mencapai semula tangan Haziqah. Kemudian tangan itu diramas perlahan-lahan.

Entah mengapa dada Haziqah rasa berdebar-debar dengan sentuhan itu. Dia teringat kembali belaian mesra lelaki itu semalam. Lalu matanya dipejam rapat-rapat. Dia tidak mahu pemikirannya terpedaya dengan peristiwa itu. Dia ingin menarik tangannya biarpun genggaman tangan Fakrul dirasakan terlalu kuat.

“Jangan diungkit perkara yang dah berlalu. Kau membuatkan aku rasa bersalah dengan apa yang aku dah lakukan pada kau.”

Kata-kata Fakrul dibiarkan sepi.

“Berilah aku peluang untuk buktikan kasih sayang aku pada kau. Aku berjanji akan menjaga kau dengan baik, Ziqa! Aku berjanji!” bisik Fakrul perlahan.

Tetapi, masih tiada respon daripada Haziqah. Sungguh, saat itu Haziqah tiada idea untuk membalas kata-kata Fakrul. Fikirannya buntu. Benarkah lelaki itu ikhlas dan memaksudkannya sesungguh hati?

“Ziqa, kau faham tak apa yang aku maksudkan tadi?”

“Saya nak balik kampung!” kata Haziqah tiba-tiba.

SEWAKTU mereka tiba di rumah kelihatan Puan Haryati sedang duduk berehat di kerusi panjang.

“Kau dari mana ni, Rul? Kenapa balik cepat? Kerja dah habis ke?” soal Puan Haryati pelik.

“Rul cuti hari ni,” jawab Fakrul.

Haziqah pula hanya diam.

“Kenapa Ziqa ada dengan kau pulak? Bukankah tadi, Ziqa dengan Hafiz!” Puan Haryati masih hairan.

Namun, Fakrul tidak berkata apa-apa. Langkahnya laju meniti anak tangga.

“Ziqa pergi mana tadi? Mana Hafiz? Kenapa dia tak hantarkan Ziqa?” Puan Haryati mengalihkan pandangannya ke arah Haziqah pula.

“Ziqa tak ke mana-mana pun umi,” jawab Haziqah.

Beberapa minit kemudian, Fakrul turun semula ke ruang tamu. Haziqah terkejut melihat Fakrul turun dengan membawa sebuah beg pakaian.

“Kau nak ke mana ni, Rul? Kenapa kau bawa beg besar ni?” soal Puan Haryati terkejut dengan sikap Fakrul.

“Rul nak balik kampung hari ni dengan Ziqa. Mungkin kami akan berada di sana lebih kurang seminggu,” jawab Fakrul dengan wajah yang tenang.

Tersentak Haziqah dengan kata-kata Fakrul itu. Dia tidak menyangka Fakrul akan membuar keputusan secepat itu bagi pihaknya.

“Nak balik kampung? Kenapa?” soal Puan Haryati dengan dahi yang berkerut.

“Kami nak ziarah kubur arwah mak. Jom Ziqa!”

Puan Haryati menoleh pada Haziqah yang hanya diam. Entah apa yang bermain di benak gadis itu! Kemudian Puan Haryati bergerak ke arah Fakrul yang sedang menyarung kasut.

“Elok-elok bawa kereta tu, Rul,” nasihat Puan Haryati. Fakrul sekadar mengangguk.

Waktu itu Haziqah masih kaku di tempatnya berdiri.

“Dah siap? Mana beg baju?” tanya Fakrul perlahan.

Haziqah terus berlari ke tingkat atas. Dia turun tidak lama selepas itu. Menyerahkan beg pakaiannya kepada Fakrul dan kemudian memberitahu pemergiannya kepada Puan Haryati.

Bab 35

“ABANG nak pergi jugak ke? Tak boleh tunggu sampai esok?” soal Siti Sakinah sambil memandang Mutalib dengan penuh pengharapan. Dia berharap suaminya membatalkan kembali niatnya mahu turun ke laut lewat malam itu. Siti Sakinah risau. Sempat dikerling jarum jam yang sudah menunjuk ke angka 12.30 malam. Dia risaukan keselamatan Mutalib. Malah dia teringatkan keadaan laut yang berombak deras kerana musim tengkujuh hampir tiba tidak berapa lama lagi.

“Abang pergi kejap aje, Inah. Lepas abang dapat tangkap sejaring ikan malam ni, abang baliklah,” jawab Mutalib bersahaja. Tangannya sesekali membetulkan kain panjang yang diikat kemas di pinggangnya.

Siti Sakinah mengeluh memandang ke arah Mutalib. Dia sudah tidak terdaya untuk membantah. Lelaki itu terlalu disayanginya. Sepenuh hati sehinggakan setiap pendapat lelaki itu sentiasa diterima dengan hati terbuka.

Malah, sewaktu dia bersetuju mengahwini Mutalib, Siti Sakinah sudah tahu yang lelaki itu seorang nelayan, sudah berumah tangga dan mempunyai seorang anak perempuan. Itupun Aminah yang memperkenalkan Mutalib dengannya. Aminah yang dikenali sebagai pembantu rumah adiknya.

Tetapi Siti Sakinah tidak kisah. Hatinya begitu kuat mengatakan lelaki itu turut mencintainya seperti mana cintanya dia terhadap lelaki itu. Mutalib bukan sahaja telah menyedarkannya tentang erti hidup yang sebenar tetapi lelaki itu juga telah membawanya kembali ke pangkal jalan setelah dia hampir sesat dengan kehidupan sebagai perempuan joget.

Ah, Siti Sakinah ungkap kembali kisah kehidupannya dengan Mutalib, bagaikan tidak percaya yang semuanya berlaku begitu singkat. Namun dia tidak terkilan. Mutalib pergi meninggalkan erti keindahan buatnya.

“Inah jaga anak kita baik-baik. Tengok-tengokkan Ati dan Kak Senah sekali.”

“Tapi bang…”

“Inah jangan risau. Kalau malam ni abang tak balik, esok-esok Inah tunggulah abang kat pantai. Kita jumpa kat sana.”

“Kalau ya pun, takkan abang tak boleh tunggu sampai esok? Dah lewat sangat sekarang ni! Inah risaulah bang! Kak Senah tu…entah kenapa suruh abang cari ikan malam-malam buta begini.”

“Tak apa. Abang bukannya pergi sorang-sorang. Abang pergi dengan Hassan.”

Siti Sakinah terus kehilangan kata. Menyepikan diri sehingga suaminya hilang dari pandangan mata. Lelaki itu pergi tanpa menghiraukan kerisauannya. Gelisah yang datang bertandang, bukan hanya mainan tidur tetapi rupa-rupanya reality kehidupan yang terpaksa dia terima sebulat hati.

Berita kematian Mutalib akhirnya sampai ke telinga Siti Sakinah keesokan harinya. Mutalib telah dijumpai lemas di tepi pantai sedangkan Hassan ditemui pengsan berhampiran kawasan yang sama. Sampan Mutalib pecah akibat ombak yang mengganas.

Kepiluan yang dirasai hanya Allah yang tahu. Siti Sakinah hampir pengsan. Air matanya gagal dihalang lagi. Sudahlah dia dituduh sebagai perampas suami orang. Kini, suaminya itu telah pergi meninggalkannya bersama anak kecil, Siti Haziqah. Anak yang sering orang kampung sangkakan sebagai anak luar nikahnya dengan lelaki lain sewaktu dia menjadi penari kelab dahulu.

“KAU pergi berambus! Jangan tunjuk muka kau kat sini lagi. Pembawa sial! Disebabkan kau dan anak kau tu, laki aku mati. Kau tahu tak, kau pembawa malang!” Tidak dapat dilupakan suara nyaring Mak Senah yang menjerit di telinganya beberapa hari selepas kematian Mutalib.

Siti Sakinah tiada tempat untuk mengadu. Ke mana lagi harus dia membawa diri? Mujur Haryati amat memahami dan sudi memberinya tempat tinggal. Tetapi sampai bila dia harus menyusahkan hidup adiknya yang juga sudah berkeluarga?

Siti Sakinah akhirnya membuat keputusan. Dia harus pergi. Dia tidak sanggup hidup dengan kenangan yang amat memedihkan. Tatkala matanya terpandangkan wajah Siti Haziqah, kenangan hidupnya bagai terbayang-bayang. Wajah Haziqah yang hampir seiras dengan Mutalib menyebabkan dia terasa pilu bila memandang anak kecilnya itu.

Lalu, Haziqah ditinggalkan bersama Aminah, pembantu rumah adiknya yang bersetuju berkahwin dengan Hassan, adik kepada Mutalib. Dan ketika itu, bermulalah kehidupan Siti Sakinah sebagai insan baru di dalam hidup yang baru.

“KAK INAH!” Suara Puan Haryati tiba-tiba mengejutkan lamunan Siti Haziqah. Wanita itu pantas berpaling. Puan Haryati duduk di sisinya.

“Apa yang akak fikirkan? Dari tadi, senyap aje!” tegur Puan Haryati dengan nada hairan.

Siti Sakinah menarik nafasnya dalam-dalam.

“Akak masih fikirkan hal Ziqa ke?” tanya Puan Haryati lagi.

Siti Sakinah tidak menjawab. Terus membatukan dirinya di situ.

“yati rasa, dah sampai masanya akak beritahu Ziqa hal yang sebenar. Dia dah dewasa. Dah boleh berfikir mengikut akal fikiran.”

Siti Sakinah tersentak dengan kata-kata adiknya itu. Dia mengalihkan pandangan kea rah Puan Haryati . Mencari kebenaran dari kata-kata adiknya itu.

"Kenapa? Akak tak bersedia lagi?"

"Akak takut Ziqa tak dapat terima. Segala sejarah hidup akak yang dulu tak sepadan dengan dirinya yang sebenar. Aminah menjaganya dengan baik sehinggakan akak takut Ziqa menolak akak mentah-mentah," jawab Siti Sakinah.

Puan Haryati hanya diam membisu.

Bab 36

"KALAU awak nak berehat, awak pergilah masuk bilik saya tu." Suara Haziqah kedengaran perlahan ketika dia melihat Fakrul merebahkan dirinya ke kerusi panjang.

Fakrul membuka matanya yang baru hendak dipejam. Dia ternampak Haziqah sedang menepuk-nepuk kusyen yang berhabuk di hadapannya. Kenapalah aku tak mahu mengenal hati budi kau dahulu sebelum membuat keputusan? Bodohnya aku!

Mendengarkan suara dan tutur kata Haziqah yang lembut seolah-olah mendamaikan hati dan jiwanya yang dahagakan kasih seorang wanita. Haziqah! Dia begitu lembut dan tabah di dalam segala hal. Sungguh, Fakrul rasa kesal yang teramat kerana membiarkan Haziqah menderira seorang diri dahulu.

Tersenyum Fakrul apabila teringatkan betapa indahnya wajah Haziqah yang dilihat dalam samara-samar cahaya malam itu. Terasa dekat dirinya dengan Haziqah. Bukan sahaja dia telah meletakkan diri Haziqah di dalam dirinya, malah dia telah membuang bayangan wajah Azura terus dari ingatan. Tiada yag lain.

"Fakrul!"

Entah bila Haziqah berada di situ, Fakrul tidak sedar. Dia bingkas bangun.

“Pergilah berehat di dalam bilik. Saya nak bersihkan ruang tamu ni dulu.”

Mata Fakrul masih tidak lepas dari memandang wajah isterinya. Perbuatannya membuatkan Haziqah mula tidak senang berdiri di situ.

“Kenapa kau tak nak terima aku? Susah sangat ke kau nak maafkan aku?” tanya Fakrul tiba-tiba.

“Aku sedar yang aku dah tuduh kau macam-macam. Tapi, itu dulu. Masa tu aku belum kenal siapa diri kau yang sebenarnya. Sekarang, aku dah sedar yang aku silap dengan tuduhan aku.” Fakrul berbicara lagi.

“Ziqa…aku sayangkan kau!” Fakrul memberanikan diri mendekati Haziqah.

Haziqah cuak. Ke mana dia harus melarikan diri? Dadanya terasa berdebar-debar. Tinggal berdua dengan lelaki itu menjadikan dia semakin resah. Entah apa yang sedang Fakrul fikirkan tika itu agaknya? Haziqah tertanya-tanya.

“Kau nak ke mana?” soal Fakrul pantas menarik tangan Haziqah.

Langkah Haziqah tersekat. “Saya nak ke bilik. Nak bersihkan habuk-habuk kat situ,” ucap Haziqah tersekat-sekat.

“Aku belum habis bercakap dengan kau lagi!”

Haziqah menelan liurnya. Apalagi alasan yang boleh aku bagi pada dia ni?

“Kenapa kau macam nak elakkan diri daripada aku? Kau tak sudi maafkan aku?” lelaki itu bertanya lagi.

“Bukan macam tu. Saya nak siapkan kerja dulu. Nanti awak nak berehat senanglah.” Tika itu, dia dapat merasakan tubuh Fakrul semakin mendekati dirinya yang tersandar di kisi tingkap yang terbuka luas. Tiada ruang untuk mengelakkan diri.

“Apa yang awak nak buat ni Fakrul?” soal Haziqah sedikit cemas.

Tiada jawapan yang terkeluar di bibir Fakrul. Yang ada hanyalah renungan yang mampu menggoyahkan ketenangan Haziqah. Menjadikan dia lemas dengan keadaan itu.

Haziqah cuba menarik tangannya dari pegangan Fakrul. Tetapi gagal. Fakrul seolah-olah tidak mahu melepaskan dirinya.

“Fakrul, lepaskan saya!” pinta Haziqah.

“Aku cintakan kau, Ziqa! Aku sayangkan kau! Aku mahu hidup kita macam suami isteri yang lain. Aku tak nak hubungan kita hanya macam ni. Aku nak lebih dari sekarang.”

“Fakrul, kenapa dengan awak ni? Tolong lepaskan tangan saya!”

“Aku takkan lepaskan kalau kau tak cakap yang kau dah maafkan aku!”

“Saya dah maafkan awak.”

“Cakap yang kau cintakan aku!”

“Saya tak cintakan awak,” jawab Haziqah pantas.

Fakrul menggenggam tangan Haziqah lebih kuat.

"Kenapa? Kau takut aku kecewakan kau?"

"Tak. Saya tak cintakan awak. Hanya itu alasan yang saya ada sekarang ni."

Fakrul terdian seketika.

"Aku boleh tunggu sampai kau cintakan aku. Aku tak kisah sampai bila-bila asalkan kita hidup bersama."

"Jangan nak mengarut, Fakrul!"

"Aku tak mengarut! Aku betul-betul cintakan kau Ziqa!" Beria-ia Fakrul menuturkan kata-katanya.

Haziqah cuba membalas pandangan mata Fakrul biarpun dia tahu, hatinya tidak sekuat yang disangka. Saat itu, debaran yang terasa di dalam hati hanya Allah sahaja yang maha mengetahui.

"Kau boleh cuba. Perasaan cinta, kan boleh dipupuk!" pujuk Fakrul.

Pantas Haziqah mengalihkan pandangannya ke arah lain. Namun, dia terperanjat apabila dia terasa tangan Fakrul berada betul-betul pada kedudukan pin tudungnya. Terasa seperti lelaki itu cuba membuka tudungnya.

"Fakrul, apa ni?" marah Haziqah sambil menolak tangan kasar lelaki itu.

"Aku tak mahu kau membataskan aurat kau bila berdua-duaan dengan aku."

"Fakrul, saya tak suka awak buat macam ni!" haling Haziqah kuat.

"Kenapa? Aku kan suami kau!"

Gadis itu mengetap bibirnya dan dia terdiam.

"Walau macam mana keras pun hati kau, aku akan tetap berusaha. Dan kau patut ingat yang aku ni suami kau. Tak ada mazhab yang menyatakan bahawa seorang isteri wajib menutup aurat di hadapan suami. Mana kau belajar tentang hukum bahawa kau patut memakai tudung bila berdua-duaan dengan aku? Siapa yang ajar kau?" tanya Fakrul agak keras.

Haziqah terus kehilangan kata-kata ketika itu. Menundukkan wajahnya. Dia kalah dengan fakta yang baru Fakrul utarakan.

"Langkah pertama yang patut kau lakukan sekarang adalah berkaitan dengan tudung ni. Aku tak nak tengok lagi kau pakai tudung bila bersama dengan aku."

"Tapi..."

"Itu langkah pertama. Yang lain, aku akan beritahu dari semasa ke semasa!"

Haziqah sudah tiada kekuatan untuk membantah ketegasan Fakrul. Dia hanya membiarkan sahaja tangan Fakrul mencabut pin tudungnya lalu merelakan lelaki itu merenung dirinya.

“Kau cantik bila macam ni. Aku suka tengok kau. Lagipun, apa yang nak dikisahkan! Lebih dari ni pun, aku dah tengok!” kata Fakrul bersahaja.

Tak guna! Marah Haziqah di dalam hati.

HAZIQAH bingkas dari katilnya. Selimut tebal yang menutup sebahagian tubuhnya ditolak perlahan. Sejak suis lampu bilik itu ditutup, Haziqah gagal melelapkan mata. Dia tidak tahu apa yang sedang mengganggu fikirannya saat itu. Yang dirasai hanyalah kegelisahan. Bilik yang sejuk terasa panas sehingga kipas yang berputar dengan tiga kelajuan itu seperti tidak memutarkan angin. Langsung tidak terasa.

Perlahan-lahan Haziqah bangun. Matanya masih tidak mengantuk. Haziqah tahu yang Fakrul sudah lama dibuai mimpi di dalam biliknya. Hanya dia sahaja yang sedang bersendirian di bilik arwah emaknya.

Haziqah keluar dari bilik itu. Tiba di ruang tamu, dia duduk di atas sofa. Tiba-tiba Haziqah terasa bulu romanya mula berdiri tegak. Terasa seperti ada orang sedang melintas di belakangnya.

“Siapa?” tanya Haziqah.

Teguran Haziqah di dalam gelap itu membuatkan Fakrul yang baru mengatur langkah untuk ke dapur turut terkejut. Tanpa disedari, pasu bunga hiasan dalam almari kaca di tepi kerusi panjang, dilanggar oleh Fakrul.

Haziqah mula kelam-kabut. Deraian kaca itu mengingatkannya dengan peristiwa hitam yang pernah dialami. Pantas sahaja Haziqah bertindak mahu melarikan diri. Dia takut jika dia diapa-apakan.

“Ziqa!” tegur Fakrul.

Haziqah tidak peduli. Kaca yang bertaburan ingin diredahnya. Mujur Fakrul bertindak cepat. Fakrul cepat-cepat menekan suis lampu. Ruang tamu yang gelap sudah menjadi terang. Kelihatan kaca-kaca yang bertaburan.

“Kau buat apa dalam gelap ni?” tanya Fakrul.

“Saya…saya…” ayat Haziqah terhenti-henti.

Fakrul nampak wajah Haziqah yang dibasahi peluh. Dia baru sedar yang Haziqah berada dalam ketakutan.

“Kenapa kau duduk kat sini?” Fakrul bertanya perlahan. Tidak mahu menakutkan Haziqah lagi.

Tiba-tiba dia digamit dengan perasaan bersalah. Jika dia tidak melanggar pasu bunga itu sekejap tadi, sudah tentu Haziqah tidak gementar sebegitu. Tetapi Fakrul tidak boleh menyalahkan dirinya juga. Siapa yang suruh Haziqah duduk bergelap seorang diri di situ?

“Saya…”

“Kau ni…bukan hanya mengejutkan aku aje, tapi mengejutkan diri sendiri jugak! Lain kali jangan buat macam ni lagi,” bebel Fakrul.

Raut Haziqah ditenungnya seketika. Dia nampak bibir Haziqah yang bergetar perlahan. Masih takut agaknya! Ketika tangan gadis itu

digenggamnya, Fakrul dapat merasakan tapak tangan Haziqah yang sejuk.

Bab 37

"BILA kau sampai? Kau balik dengan siapa?" Wajah Sumaiyah betul-betul ceria ketika menyambut kedatangan Haziqah awal pagi itu. Haziqah tersenyum. Rindu sungguh dia dengan sahabatnya itu.

"Aku sampai semalam. Dengan suami aku…!" Haziqah menjawab sambil lewa.

"Kenapa tak ajak suami kau sekali? Aku pun teringin nak berjumpa dengan dia!"

Haziqah sekadar tersenyum. Malas menjawab soalan Sumaiyah yang bersahaja itu. Dia terbayangkan wajah Fakrul tiba-tiba. Ketika dia terjaga dari tidurnya awal pagi tadi, dia baru tersedar yang lelaki itu ada di sisinya. Haziqah terkejut. Dia bangun dengan pantas sehingga Fakrul turut terjaga.

"KENAPA awak ada kat sini?" tanya Haziqah kuat. Bagaikan tidak percaya yang Fakrul tidur bersamanya di dalam bilik itu.

Fakrul menggosok matanya beberapa kali. Kemudian lelaki itu meraupkan wajahnya seketika sebelum dia menoleh ke wajah Haziqah di sisinya.

"Kau meracau-racau dalam tidur. Aku risau!"

"Ah, alasan! Awak memang sengaja nak datang tidur kat sini, kan?"

Fakrul kemudiannya ketawa kecil. Membuatkan Haziqah berasa pelik.

"Kenapa awak ketawa?" Haziqah menyoal dengan nada pelik. Awak pergilah balik kat bilik awak. Jangan ganggu saya kat sini!" marah Haziqah.

Fakrul tidak bangun. Dia kembali merebahkan tubuh dan menyambung tidurnya.

“Jomlah tidur! Awal lagi ni,” ajak Fakrul bersahaja.

Haziqah melihat jam yang tergantung di dinding bilik. Jarum jam baru meniti ke angka 6.00 pagi. Subuh pun baru sahaja masuk sekejap tadi.

“Cepatlah Ziqa! Setengah jam lagi, kita bangunlah solat sama-sama!” Suara Fakrul kedengaran lagi.

“Fakrul!” jerit Haziqah kuat. Dia jadi marah dengan sikap selamba Fakrul.

“Saya cakap awak pergi balik kat bilik awak!” Haziqah menyambung marahnya.

“Bilik aku? Bilik aku kat Kuala Lumpur.” Fakrul berkata sambil ketawa.

“Jangan nak mengada-ngadalah. Cepat keluar! Saya tak nak tengok awak kat sini.”

“Tak nak! Aku nak tidur kat sini.”

“Kalau awak nak tidur kat sini, biar saya yang keluar.” Akhirnya Haziqah membuat keputusan.

Fakrul terus bangun. Dia cepat-cepat menarik tangan Haziqah yang sudah turun dari katil.

“Janganlah macam tu sayang! Temankanlah abang kat sini!”

“Hisy...tak sukalah! Awak ni kenapa menagada-ngada sangat?” marah Haziqah. Tangan Fakrul ditepisnya.

Fakrul hanya diam. Selepas itu, dia menguntumkan senyuman. “Hmm...*best* jugak kalau hari-hari macam ni, kan? Kau panggil aku abang, aku panggil kau sayang!”

Haziqah mencebikkan bibir. “Jangan nak perasan. Eee...malaslah saya nak layan perangai awak ni. Menyakitkan hati orang aje!” ujar Haziqah dan terus berlalu.

“ZIQA!” Termenung pulak kau ni. Aku bercakap seorang diri rupa-rupanya.” Teguran Sumaiyah menyedarkan Haziqah daripada lamunan.

“Kau menungkan apa? Bukan main khusyuk lagi aku tengok,” tanya Sumaiyah.

“Entah. Aku pun tak tahu apa yang aku fikirkan.”

“Eleh, orang dah ada suami, bolehlah ingatkan suami. Aku ni apa yang ada?”

“Hisy, ke situ pulak kau ni.” Haziqah berkata sambil tersengih. “Mak kau apa khabar?” Sengaja Haziqah mengalih topik.

“Alhamdulillah. Mak aku sihat. Dia selalu bertanya tentang kau, Ziqa.”

Ada senyuman di bibir Haziqah.

Selepas itu, Sumaiyah mendiamkan diri. Haziqah juga ketandusan idea. Masing-masing melayan perasaan untuk beberapa saat. Mencari tajuk perbualan yang sesuai untuk dikongsi bersama.

"Sebenarnya, aku nak beritahu kau satu perkara. Tapi aku tak pasti macam mana nak mulakan," ucap Sumaiyah tidak lama kemudian.

Dahi Haziqah berkerut. Bunyi nada suara Sumaiyah agak berlainan dari tadi.

"Apa dia? Cakaplah."

Sumaiyah menarik nafasnya sejenak. Sengaja membiarkan Haziqah tertunggu-tunggu.

"Aku terserempak dengan Yusri beberapa bulan yang lepas kat Johor."

Bagai nak luruh jantung Haziqah mendengarnya.

"Kau jumpa Yusri? Apa dia buat kat situ?"

Sumaiyah berpaling memandang wajah Haziqah.

"Dia bekerja sebagai kelasi kapal kat sana."

"Habis, macam mana kau orang boleh terserempak?"

"Dia yang tegur aku dulu. Dia tanya pasal kau."

Haziqah melarikan pandangannya ke tempat lain. Tidak terus membalas ucapan yang baru kedengaran di telinganya itu.

"Aku beritahu pada dia yang kau dah berkahwin. Masa tu, Yusri cakap kat aku yang dia nak berjumpa dengan kau, Ziqa!"

"Aku tak nak jumpa dengan dia!"

"Aku tahu. Tapi, sampai bila kau boleh mengelakkan diri daripadanya? Masa dia cakap kat aku yang dia nak jumpa dengan kau…dia nampak bersungguh-sungguh. Dia nak minta maaf pada kau."

Haziqah diam.

"Aku berharap sangat Yusri akan kesal dengan apa yang dia dah lakukan pada kau. Aku yakin Yusri tengah menyesal sekarang!" ujar Sumaiyah penuh kesungguhan.

"Apa yang aku harapkan pulak, aku takkan terserempak dengan Yusri lagi. Itu yang paling aku harapkan, Sue. Itu aje!" Haziqah menjawab tenang.

Bab 38

AZURA memberhentikan Hyundai ATOSnya betul-betul di hadapan rumah Fakrul. Cermin keretanya diturunkan dan kemudian cermin matanya pula ditanggalkan. Dari jauh, Azura ternampak

Puan Haryati sedang duduk di atas buaian dengan Tuan Fuad. Mereka kelihatan sedang berbual-bual mesra. Mata Azura kemudian melilau ke sekeliling kawasan rumah. Tiada sesiapa di situ. Di bahagian garaj kereta, hanya ada sebuah Perdana V6 dan sebuah skuter jenis Yamaha.

Azura terus memerhatikan pasangan suami isteri itu. Mereka memang agak mesra orangnya. Cuma waktu itu, Azura sahaja yang agak pemalu. Maklumlah, dia diperkenalkan oleh Fakrul sebagai teman yang bakal menjadi suri di dalam hidup lelaki itu. Tetapi, malangnya tidak kesampaian. Azura kembali memandang garaj kereta. Tiada kenderaan milik Fakrul di situ. Azura yakin Fakrul tiada di rumah.

Azura teringat yang dia ada berbual-bual dengan seorang gadis yang dirasakan sebagai pembantu di rumah itu. Entah ada atau tidak gadis itu memberitahu berkenaan kedatangannya tempoh hari? Tetapi silapnya juga kerana tidak memberitahu nama dan meninggalkan pesanan yang boleh membuatkan Fakrul mencarinya.

Fakrul mencarinya? Ah, Azura yakin perkara itu tidak mungkin akan berlaku! Fakrul telah kecewa dengan sikapnya dahulu. Pasti lelaki itu tidak ingin berjumpa dengannya lagi. Atau lelaki itu sedang bergembira. Entah-entah sedang berbahagia bersama isterinya? Hisy, kenapa begitu jauh fikiran aku melayang? Marah Azura.

‘Rul, macam mana agaknya kehidupan *you* sekarang? *I* terlalu rindukan *you*.’ Bisik Azura di dalam hatinya. Entah mengapa, dia terasa seperti ingin meraung di situ. Bagai ingin keluar dari perut kereta dan menjerit memanggil nama Fakrul.

“KENAPA *you* buat *I* macam ni? *You* seksa perasaan *I* sedangkan *you* tahu *I* betul-betul cintakan *you*.” Kata-kata terakhir Fakrul sewaktu mereka bersama bagaikan menghimpit dirinya.

“*I* minta maaf, Rul. *I* terikat antara kesilapan dan kasih sayang *I* pada *you*. Tapi *I* memang tak boleh tinggalkan dia. Dia dah jadi suami *I* yang sah. *Please* lupakan *I*.” Azura berkata sambil menitiskan air mata.

Wajah Fakrul nampak kusut benar ketika itu sehingga rasa bersalah di hati Azura kian bertambah. Sungguh, Azura masih menyintai Fakrul Cuma dia telah tersilap. Pemergiannya ke Pahang untuk bercuti sendirian telah menyebabkan dia ditimpa musibah yang amat memalukan.

Dia ditangkap khalwat bersama lelaki yang tidak dikenali. Padahal waktu itu, Azura hanya mahu meminta pertolongan. Pintu bilik hotelnya terkunci dari dalam dan dia terpaksa mengetuk bilik sebelah untuk menumpang menggunakan telefon sambil menanti pembantu hotel tiba. Manalah dia tahu, dalam waktu yang singkat itu mereka boleh diserbu oleh pihak jabatan agama.

“*Okey fine*. *I* tahu suami *you* lebih memerlukan *you. I* sedar diri *I* mungkin tak sehebat dia. Kalau itu yang *you* nak, *I* akan turuti. Mulai

hari ni, kita dah tak ada apa-apa." Fakrul dilihatnya turut mengalirkan air mata.

Azura sebak. Sejak hari itu, cintanya terhadap Fakrul terpaksa dibuang jauh-jauh demi Idzham, lelaki yang telah menjadi suaminya. Siapa tahu anak muda yang dikahwini atas desakan ahli keluarga masing-masing memang suami yang penyayang.

Cuma sejak akhir-akhir ini hubungan mereka agak dingin. Idzham tidak lagi melayannya dengan mesra seperti awal perkahwinan mereka. Idzham sering pulang lewat sehingga Azura yang bekerja sebagai pengurus pemasaran turut menyibukkan dirinya dengan tugas. Mereka tidak dikurniakan anak biarpun Azura dan Idzham benar-benar mahukannya. Ini menyebabkan ingatan kembali kepada Fakrul.

"*YOU* ke mana tadi? Puas *I* telefon di rumah tak ada orang jawab." Idzham bersuara.

Azura yang sedang berbaring hanya diam. Tidak berminat untuk menjawab soalan Idzham. Sesekali Azura memandang Idzham yang sedang membuka tali leher. Suaminya itu kemudian menyandarkan kepala ke kerusi. Matanya dipejam rapat.

"*I* tanya, jawablah soalan *I*!"

Azura hanya menjawab dengan keluhan. Dia terus berbaring sambil memeluk bantal dengan mata yang terkebil-kebil.

"*You* ni kenapa Zura? *I* penat-penat balik kerja untuk dapatkan belaian daripada *you*. Tapi *you* tak pernah faham!" Idzham mula marah.

Azura bangkit. "Yang *you* membebel ni kenapa? Kalau nak dapatkan belaian, pergilah cari perempuan lain. *You* ingat *I* ni siapa? Orang suruhan *you* yang boleh dipaksa-paksa?" rungut Azura.

Idzham sudah membuka mata. Lantas merenung wajah Azura dengan hati yang marah.

"*You* jangan kurang ajar! *I* tampar *you* nanti."

"Haa…kalau berani tamparlah. *I* ni bukan isteri *you* lagi, kan? *You* pun memang tak sayangkan *I*. Buat apa *you* nak simpan *I* kat rumah ni lagi?" Azura sengaja membakar kemarahan Idzham.

Idzham berdiri tegak. Niatnya mahu mengangkat tangan terhenti tatkala dia terpandangkan wajah Azura. Idzham mengucap beberapa kali di dalam hati.

"Huh, pengecut!" Azura tertawa sinis.

"*I* benci dengan apa yang *I* rasa Zura. *I* tak sanggup perkahwinan kita diteruskan kalau *you* dan *I* tak bahagia." Akhirnya Idzham bersuara bersama kesalan.

Azura diam. Dia duduk menyandar pula. Merenung ke hadapan tanpa perasaan. Giliran Idzham mengeluh berat. Wajah Azura dipandang sekali imbas sebelum dia berlalu ke katilnya. Merebahkan diri lalu memejamkan matanya rapat-rapat.

“MAAFKAN *I*, Idzham. *I* tak berniat pun nak menyakiti hati *you. I* kecewa dengan layanan *you* sejak beberapa hari ni. *I* rasa sunyi,” bisik Azura dalam tangisan.

Tiba-tiba Idzham tersedar.

“Zura…kenapa ni?” lembut suara Idzham menyapa.

Azura diam. Kemudian menggeleng.

“Habis tu, kenapa *you* menangis? *You* kecil hati dengan apa yang *I* cakapkan tadi?” tanya Idzham.

Tangan Azura dicapai lalu dikucupnya penuh perasaan. Rambut Azura pula dibelai lembut sebelum tangannya mengelus pipi wanita yang sudah lama tidak disentuhnya itu. Idzham bagai melepaskan beban rindu yang sarat. Sungguh, dia amat merindui belaian Azura.

Pada mulanya Azura hanya membiarkan. Tetapi tiba-tiba dia terbayangkan wajah Fakrul. Azura bangun dan pantas berlalu. Membiarkan Idzham dilanda perasaan kecewa.

Bab 39

“HISY, gila aku! Makin lama aku dengan dia, makin gila aku dengan sikapnya!” bebel Haziqah seorang diri di dapur yang sepi. Sejenak matanya terpandang sayur-sayuran dan barang-barang dapur di atas meja. Kemudian, dia melihat sekampit beras di tepi cabinet. Hati Haziqah semakin sakit. Rasa seperti ingin mencampakkan semua barang itu keluar.

Kenapa tiba-tiba dia nak berperangai macam tu? Huh, menyampah! Tak ada angin melintang tiba-tiba nak suruh aku memasak pulak. Apa yang aku nak masak ni? Haziqah bertanya di dalam hati.

“Dia ingat aku ni orang gaji dia agaknya? Nak suruh memasaklah. Nak suruh buat itulah. Nak suruh buat inilah. Mengada-ngada!” Haziqah mengomel perlahan.

“Amboi…amboi mengata suami sendiri nampaknya!” tegur Fakrul.

Haziqah terkejut. “Apa ni Fakrul? Sergah orang tak tentu pasal pulak!” Haziqah berkata dengan muka marah.

Tika itu, Haziqah terdengar tawa Fakrul begitu dekat dengan telinganya dan amat menyakitkan hati. Untuk seketika, Haziqah membiarkan debaran di hatinya reda dahulu.

“Itulah…duduk sorang-sorang kat dapur, bercakap dengan diri-sendiri. Lepas tu, mengata aku,” tutur Fakrul masih dengan tawanya.

Waktu itu, Haziqah sudah kembali tenang. Dia sekadar melemparkan jelingan kepada Fakrul.

“Biarlah. Saya nak cakap apa pun, saya punya suka! Saya guna mulut saya, bukannya saya guna mulut awak!”

“Wah, dah pandai menjawab ya!” usik Fakrul.

Haziqah mengetap bibir. Dia hanya memerhatikan Fakrul yang waktu itu sedang duduk di kerusi berhampiran dengannya.

“Ustazah aku pernah bercakap dulu, kalau kita rasa tak puas hati dengan seseorang, jangan mengata di belakang. Lebih elok kalau beritahu dia secara berterus-terang. Bukan aje tak menambahkan dosa, kita akan membuat pahala jugak sebab menegur dengan baik,” ucap Fakrul seperti ceramah agama.

Haziqah mencebikkan bibir. “Eleh, bercakap pandai. Nanti kena kat diri sendiri agaknya awak tu yang lebih teruk daripada saya.”

Fakrul ketawa.

“Kau tak masak lagi ke? Perut aku dah lapar ni,” soal Fakrul sambil memandang barang-barang yang masih belum terusik itu.

“Masak sedap-sedap tau. Aku nak rasa masakan kau. Selama ni, kau tak pernah memasak pun sejak kau tinggal kat rumah aku, kan?”

Haziqah terdiam di situ. Resah ada. Malu pun ada! Apa aku nak jawab ni?

“Kau nak masak apa ni? Nak aku tolong?”

“Tak payah. Awak pergilah duduk kat depan. Biar saya uruskan semuanya.”

“Alah, tak naklah duduk kat depan sorang-sorang. Bukan ada apa-apa kat sana. Aku nak duduk kat sini. Boleh kita berbual-bual!” jawab Fakrul.

Haziqah mengumpul kekuatan di dalam diri. Dia perlu memberitahu perkara yang sebenarnya kepada Fakrul. Dia tidak boleh lagi merahsiakan kelemahan dirinya daripada lelaki itu.

“Fakrul…sebenarnya…saya…” Suara Haziqah tersekat-sekat.

“Kenapa? Bahan-bahan yang aku beli tak cukup ke?”

“Bukan. Saya ada perkara nak beritahu pada awak.”

Fakrul mengerutkan dahi. Merenung wajah Haziqah.

“Apa dia?”

“Sebenarnya…saya…err…saya tak tahu…”

“Kau tak tahu apa?”

“Saya tak tahu memasak!”

Fakrul terkejut mendengar pengakuan Haziqah itu.

“Kau tak tahu memasak? Langsung tak tahu?”

“Saya belum mahir memasak. Saya tak tahu nak masak apa!” Haziqah menjawab perlahan.

“Kenapa tak beritahu aku awal-awal?”

“Awak tak tanya pun. Tiba-tiba awak suruh saya masak hari ni!”

“Hmm…patutlah selama ni kau tak pernah memasak masa kat rumah aku. Kau tak tahu memasak rupa-rupanya!” Kata Fakrul selamba. Seolah-olah memerli.

Haziqah mengetap bibir tanda geram. Kata-kata Fakrul seperti merendah-rendahkan dirinya.

“Habis tu, apa kita nak makan malam ni? Kalau awak nak suruh jugak saya memasak, setakat nasi kosong dengan telur goreng tu, bolehlah!” Haziqah memberitahu.

“Kita makan kat luar ajelah!”

Haziqah mendongak ke arah Fakrul. “Barang-barang ni macam mana?”

“Simpanlah kat dalam peti sejuk dulu. Nanti kita balik ke KL, kita bawa sekali,” jawab Fakrul.

“MALAM ni kau nak tidur kat mana? Bilik yang semalam lagi ke?” soal Fakrul ketika dia dan Haziqah sedang makan di sebuah gerai berhadapan dengan Pantai Cahya.

“Kenapa? Awak nak tidur kat situ?”

Fakrul mengangguk.

“Kalau awak nak tidur kat situ, tidurlah,” ucap Haziqah dengan wajah yang tenang.

“Boleh ke?” Fakrul seperti tidak percaya.

“Apa pulak tak bolehnya? Kalau awak tidur kat situ, saya tidurlah kat bilik saya!”

“Kenapa kau nak tidur kat bilik kau? Kenapa tak tidur sekali dengan aku?” soal Fakrul sedikit kuat.

Beberapa pasang mata yang sedang menikmati hidangan memandang ke arah mereka. Haziqah pantas menunduk. Malu.

“Cakap tu perlahan-lahanlah sikit. Buat malu orang aje,” marah Haziqah.

Fakrul tersenyum kecil. “Alah, bukannya berdosa pun. Kita kan suami isteri. Nak cakap apa-apa pun, apa hak mereka nak marah kita? Hubungan kita halal!”

Haziqah merenung Fakrul.

“Awak ingat ni KL ke? Sekarang ni kita kat kampung. Cakap tu biarlah sopan sikit,” tegur Haziqah lagi.

Fakrul hanya bersikap selamba. Membalas pandangan mata Haziqah dengan senyuman.

“Kau tidur dengan aku malam ni ya?” Suara Fakrul bagaikan merayu.

“Eh, kenapa dengan awak ni? Jangan nak mengada-ngadalah!” luah Haziqah.

Fakrul pantas mencapai tangan Haziqah yang berada di atas meja.

“Janganlah cakap macam tu. Kenapa kau nak tidur asing-asing daripada aku?” Fakrul menyoal ingin tahu.

“Sudahlah! Jangan nak mengarut, Fakrul!” Haziqah segera menarik tangannya.

“Ah, aku tak peduli! Walau apapun yang terjadi, mulai hari ni, aku tak nak ada apa-apa jurang lagi di antara kita. Kau kena tidur dengan aku malam ni.”

“Fakrul!”

“Aku tak nak dengar apa-apa alasan lagi.”

Bibir Haziqah terkunci rapat. Bila Fakrul sudah membuat keputusan untuknya, bermakna dia harus menerima sebulat-bulatnya. Bukan dia tidak kenal dengan sikap Fakrul yang degil itu. Semakin lama dia tinggal dengan Fakrul, semakin banyak yang dia tahu tentang lelaki itu.

“Lagi satu...”

Haziqah terkejut. Apa lagi yang lelaki ini mahukan agaknya!

“Apa kata, kita ubah sikit bahasa yang kita gunakan ni,” sambung Fakrul lagi.

Haziqah mengerutkan dahi. “Saya tak faham.”

“Mulai hari ni, kau kena panggil aku abang!”

“Tak naklah!”

“Kenapa?”

“Sebab saya tak naklah.”

“Ah, aku tak peduli. Kalau dengan Hafiz, kau boleh panggil macam tu, kenapa dengan aku tidak? Umur aku dengan Hafiz pun lebih kurang sebaya aje. Aku nak kau panggil aku abang,” desak Fakrul.

Nafas Haziqah terasa seolah-olah terhenti saat itu. Wajah Fakrul nampak begitu dekat sekali. Ingin sahaja ditumbuk wajah itu sekuat-kuatnya.

“Kenapa pandang abang macam tu? Nak kena cium?” usik Fakrul sambil tersenyum menggoda.

Haziqah cepat-cepat menghadiahkan Fakrul dengan satu jelingan.

MELATI merengus di sebalik pokok kelapa yang tinggi. Bibirnya mencebik benci. Rasa meluatnya datang dengan tiba-tiba. Dia ternampak Fakrul dan Haziqah sedang berbual-bual di sebuah gerai makan. Melati bagaikan cemburu melihat gadis yang telah lama menjadi seterunya itu dipujuk rayu oleh Fakrul. Melati rasa tercabar. Dia tidak suka membayangkan kehidupan Haziqah yang mungkin sedang berbahagia dengan lelaki itu.

Melati nekad. Kali ini dia tidak mahu kalah lagi. Haziqah mesti ditewaskan. Tidak mungkin Haziqah layak bersaing dengannya lagi memandangkan Haziqah adalah seorang gadis yang telah dipandang serong dan mempunyai sejarah hidup yang diketahui ramai.

Biar Haziqah sedar yang kehidupan sebenarnya tidaklah seindah yang disangka. Biar gadis itu tahu, ayah yang disangka baik itu sebenarnya bukan ayah kandungnya. Hassan hanyalah lelaki yang sanggup bertanggungjawab menjaga Haziqah setelah dia dibuang oleh Siti Sakinah.

Haziqah adalah anak haram! Anak kepada lelaki yang sudah meniduri Siti Sakinah! Itulah kisah yang bakal Melati kecohkan nanti. Dengan tiba-tiba, Melati tersenyum gembira. Angan-angannya jauh melayang dengan kebencian yang memuncak! Dari jauh, Melati nampak Fakrul dan Haziqah beredar. Aku akan pastikan hidup kau lebih menderita Ziqa! Kau memang patut terima semuanya!

Bab 40

MEREKA sampai di rumah agak lewat. Haziqah cepat-cepat menuju ke bilik emaknya sebelum menguncinya rapat-rapat. Dia begitu takut jika Fakrul mengotakan kata-katanya tadi. Selepas membuka tudung dan menukar pakaian, Haziqah pantas berbaring di atas katil. Termenung sambil memandang almari pakaian milik Aminah. Mata Haziqah terkebil-kebil. Tertanya-tanya apa yang ada dalam almari pakaian Aminah yang tidak pernah disentuhnya sejak kecil. Malah Haziqah masih ingat bagaimana Aminah pernah memarahinya kerana cuba membuka almari itu tanpa meminta keizinannya.

“Mak kata jangan bukak almari mak, kan? Kenapa kau ni degil sangat?” Kata-kata itu terkeluar bersama pukulan yang kuat di tangannya.

Sejak hari itu, Haziqah tidak pernah sekalipun menyentuh barang-barang milik emaknya. Perlahan-lahan Haziqah bangkit dari baringan. Mengatur langkah menuju ke sudut almari yang terletak bertentangan dengan hujung kaki katil itu.

Haziqah berdiri tegak di hadapan almari. Menarik nafasnya sejenak sebelum membukanya dengan hati-hati. Di hadapan matanya kini, berpasang-pasang baju yang tersangkut kemas di situ. Nampak sedikit bergaya dan kebanyakannya berjahit sulam-sulaman.

Haziqah tersenyum kecil. Takkanlah mak pakai baju-baju macam ni dulu? Bebel Haziqah di dalam hati. Tiba-tiba dia ternampak sebuah album dan lantas dicapainya album itu.

Haziqah membelek gambar-gambar yang terdapat di dalamnya. Kebanyakan gambar itu tidak pernah dilihat. Tersenyum apabila dia terpandang wajah Hassan dan Aminah sedang memeluk dirinya. Tiba-tiba dia rasa bahagia melihat situasi itu. Helaian album terus diselak.

Dia tersentak tiba-tiba. Matanya tertancap pada seraut wajah yang amat dikenalinya.

“Mak Long Sakinah?” Haziqah berkata sendiri.

Gambar it uterus ditenungnya. Seperti pernah dia melihat gambar itu tapi di mana ya? Lantas dia teringatkan sekeping gambar berbingkai yang pernah dilihat di rumah Siti Sakinah dahulu. Haziqah mulai yakin gambar itu adalah gambar yang sama. Ya, Haziqah terlalu yakin dengan firasatnya.

Tapi kenapa gambar ini disimpan oleh Aminah? Apa hubungan Siti Sakinah dengan Aminah? Baru dia teringat sewaktu kematian Aminah, Siti Sakinah terlebih dahulu sampai di rumahnya. Pelik juga! Haziqah terlupa untuk bertanya kepada Puan Haryati tentang hal itu. Apakah selama ini Siti Sakinah memang mengenali Aminah? Ah, bukankah emaknya pernah bekerja di rumah Puan Haryati. Pastilah Siti Sakinah mengenali Aminah.

Haziqah terus membuka helaian gambar yang seterusnya. Saat itu matanya terpandang pula sekeping kertas berlipat yang terdapat di belakang gambar Siti Sakinah tadi. Haziqah mula meneliti kertas itu lama-lama. Dia terkejut lagi apabila ternampak sijil kelahiran yang sudah agak kekuningan. Nama yang tercatat di situ ialah Siti Haziqah binti Mutalib. Tarikh lahir yang tercatat di situ sama dengan tarikh lahirnya.

Tiba-tiba Haziqah terasa dadanya berdebar-debar. Seolah-olah dirinya mempunyai dua identity yang berbeza. Siapa Siti Haziqah binti Mutalib? Nama bapa yang tertulis ialah Mutalib, manakala nama ibu yang tercatat ialah Siti Sakinah.

Haziqah terkedu. Siti Sakinah? Kenapa sijil kelahiran anaknya ada di dalam simpanan Aminah? Mengapa nama anak Siti Sakinah hampir sama dengan namanya? Benak Haziqah terus diburu dengan pelbagai soalan.

Fikirannya mula berkacamuk. Resah dan tidak menentu. Tanda tanya yang datang tiada satu pun dapat dijawabnya. Siapa Siti Haziqah?

Bunyi ketukan kuat di luar pintu bilik mengejutkan Haziqah. “Ziqa, buka pintu ni!”

Haziqah mengatur langkah menuju ke pintu dan membukanya dari dalam. Dia ternampak Fakrul di situ.

“Ziqa! Kenapa?”

Haziqah membalas pandangan Fakrul dan kemudian melihat semula sijil kelahiran di tangannya.

“Kenapa Ziqa? Siapa punya ni?” soal Fakrul lalu mencapainya.

Haziqah hanya diam.

“Siti Haziqah Mutalib. Nama kau, kan?” soal Fakrul.

Haziqah gelisah. Suara Fakrul seperti berdengung. Persoalan yang datang dalam fikirannya terasa mengganggu fikiran. Nafasnya kian turun naik. Dia sudah tidak nampak wajah Fakrul di hadapannya.

Dia hanya ternampak pintu bilik yang terbuka luas. Dengan pantas, Haziqah berlari keluar. Dia terus meninggalkan Fakrul yang terpinga-pinga.

“ASSALAMUALAIKUM, makcik! Makcik! Assalamualaikum.” Haziqah menjerit kuat.

Hanya beberapa saat selepas itu, lampu di bahagian anjung rumah menyala terang. Pintu rumah terbuka dan Haziqah ternampak Sumaiyah di situ.

“Ziqa, kau buat apa malam-malam buta kat sini?” soal Sumaiyah pelik dengan kehadiran Haziqah itu.

Haziqah tidak menunggu lama. Dia terus masuk ke dalam rumah Sumaiyah tanpa dipelawa.

“Mak kau ada? Mana mak kau? Aku nak jumpa mak kau, Sue!” Kelam-kabut Haziqah bertanya sambil mencari-cari kelibat makcik Roha di sekeliling.

Dahi Sumaiyah berkerut. “Kenapa Ziqa? Mak aku ada kat dalam bilik. Tengah solat Isyak. Kenapa kau tercungap-cungap ni?”

“Aku nak jumpa mak kau. Aku nak tanya sesuatu,” jawab Haziqah dengan nafas yang tersekat-sekat.

“Kau duduklah dulu. Risau aku tengok kau macam ni,” bebel Sumaiyah.

“Aku nak jumpa mak kau,” ulang Haziqah lagi.

“Ya…aku tahu kau nak jumpa mak aku. Kalau ya pun…kau duduklah dulu. Tunggu sampai mak aku habis sembahyang.”

Haziqah menurut arahan Sumaiyah. Dia berjalan ke arah kerusi dan duduk di situ.

“Kenapa dengan kau ni? Biasanya kau datang ke sini sebab kau nak berjumpa dengan aku. Tiba-tiba nak jumpa mak aku pulak. Kenapa?” Sumaiyah cuba mengeluarkan soalannya.

“Aku nak tanya mak kau sesuatu.”

“Apa dia?”

“Aku terjumpa sijil kelahiran yang tercatat nama Siti Haziqah kat dalam almari mak aku. Tarikh lahir sama dengan tarikh lahir aku. Tapi siapa Siti Haziqah?”

Sumaiyah terdiam. Siti Haziqah? Tiba-tiba benaknya turut tertanya-tanya.

“Sabar…sabar. Kenapa kau nak risau pulak? Nanti kita tanya kat mak aku. Kau tunggu kejap kat sini. Aku tengok mak aku kat dalam bilik.”

Belum pun sempat Sumaiyah bangun, Makcik Roha sudah pun berada di situ.

“Hah, mak! Ziqa nak jumpa mak,” kata Sumaiyah.

Makcik Roha memandang ke arah Haziqah yang juga memandang ke wajahnya.

“Makcik…Ziqa nak tanya makcik sesuatu. Makcik tahu siapa Siti Haziqah? Makcik kenal Siti Sakinah?” soal Haziqah tidak sabar.

Tika itu, Makcik Roha terasa dunianya seolah-olah tidak berputar. Wajah mengharap Haziqah membuatkan dia kehilangan punca. Dan tidak semena-mena dia terbayangkan Aminah sebelum dia terkenangkan wajah Siti Sakinah. Bibirnya terus terkunci rapat.

Bab 41

SITI SAKINAH gelisah. Matanya terasa sukar untuk dilelapkan. Dia berpusing ke kiri dan kanan. Setiap satu kedudukan itu langsung tidak memberikan keselesaan padanya. Ya Allah, kenapa dengan aku ni? Dengan pantas Siti Sakinah bangun. Berteleku sejenak di birai katil. Sejak dari tadi, hatinya tiba-tiba saja rasa tidak tenteram. Fikirannya hanya teringatkan Haziqah. Semalam, dia ada mimpikan arwah Aminah.

Wanita itu hanya tersenyum ke arahnya. Pelik Siti Sakinah memikirkan mimpinya itu. Apakah Aminah mahu memberitahunya bahawa sudah tiba masanya Siti Sakinah bercerita tentang perkara sebenarnya kepada Haziqah? Bukan sahaja tentang status diri Haziqah tetapi juga sejarah hidup Siti Sakinah yang penuh dengan noda-noda hitam!

Kalau boleh, dia tidak mahu kisah lama hidupnya diselongkar lagi. Siti Sakinah tidak ingin mengenang segala kisah cintanya dengan Mutalib yang penuh dugaan.

Perlahan-lahan, dia melangkah keluar dari biliknya. Di ruang tamu, dia merenung gambar berbingkai yang tersangkut di dinding. Itulah satu-satunya gambar yang disimpan oleh Siti Sakinah sebagai bukti yang dia pernah mempunyai anak.

"Ibu!" Siti Sakinah berpaling. Waktu itu, dia ternampak Hafiz sedang berdiri di tangga.

"Fiz, kau tak tidur lagi?"

Hafiz menapak menuruni anak tangga.

"Fiz buat *paperwork* sikit. Baru aje nak tidur, tapi Fiz dengar pintu bilik ibu dibuka."

Siti Sakinah hanya tersenyum ke arahnya.

"Ibu pulak, kenapa tak tidur lagi?"

"Ibu tak boleh tidurlah Fiz. Susah betul mata ni nak lelap!" adu Siti Sakinah.

"Kenapa?" Kening Hafiz berkerut sedikit.

"Entahlah."

Hafiz hanya diam. Perlahan-lahan dia melentokkan kepala di bahu Siti Sakinah.

"Dah besar-besar pun nak bermanja lagi."

"Kalau papa masih hidup sekarang ni, apa agaknya kita semua tengah buat, kan bu?" tanya Hafiz perlahan.

Siti Sakinah hanya mengeluh berat. Sebak apabila Hafiz bertanya sebegitu. Apakah Hafiz sudah mula merindukan bumi Jerman? Tempat kelahirannya?

"Kau nak balik ke Jerman ke?" tanya Siti Sakinah.

Hafiz membetulkan duduk sambil menoleh ke arah Siti Sakinah.

"Ibu nak Fiz balik ke Jerman?"

"Kau dah besar Fiz. Kau dah boleh buat keputusan sendiri. Jangan sebab ibu pernah menjaga kau sejak kecil, kau rasa bersalah nak pergi!"

"Fiz selesa tinggal dengan ibu. Fiz seronok tinggal kat sini!" jawab Hafiz sambil tersenyum.

Melihatkan senyuman di wajah Hafiz membuatkan Siti Sakinah terkenangkan Adam. Ah, rindunya dia pada lelaki itu!

"Fiz nak kahwinlah ibu!" kata Hafiz tiba-tiba.

Entah mengapa sebaris ayat itu membuatkan Siti Sakinah tersentak.

"Kau nak berkahwin dengan siapa? Dah ada calonnya?" Siti Sakinah terkejut.

Hafiz menggeleng laju sambil ketawa.

"Dah tu? Nak kahwin dengan siapa?"

"Ibu carikanlah!"

"Hisy, ibu pulak! Nanti kau tak berkenan."

"Kalau ibu suka, Fiz ikut aje!"

"Kau yang nak berkahwin, carilah sendiri."

"Ibu carilah perempuan macam Ziqa tu!"

Siti Sakinah mengerutkan dahi. Terdiam lama. Apakah makna soalan Hafiz itu?

"Kau sukakan Ziqa ke?" soal Siti Sakinah tidak lama kemudian.

Hafiz mengangguk perlahan. "Fiz sukakan Ziqa sejak kali pertama Fiz terpandang dia kat rumah mak ngah. Tapi Fiz tahu yang Ziqa tu isteri Fakrul. Takkanlah Fiz nak jadikan Ziqa isteri Fiz pulak!"

"Baguslah kalau kau fikir macam tu, Fiz!"

"Kenapa ibu cakap macam tu?" tanya Hafiz pelik.

"Ibu nak kau tahu sesuatu Fiz!"

Hafiz menoleh ke arah Siti Sakinah.

"Apa dia ibu?"

"Ziqa tu adik tiri kau!"

"Adik tiri? *Stepsister* Fiz?"

Siti Sakinah mengangguk pantas.

"Anak kandung yang dah lama ibu tinggalkan kat sini. Dialah sebab utama mengapa ibu nak balik ke Malaysia."

Hafiz terus membisu. Matanya terpanah pada gambar berbingkai yang tergantung di dinding. Ini bermakna, gambar kanak-kanak perempuan yang sedang dipangku oleh Siti Sakinah adalah gambar Haziqah sebenarnya.

“Kenapa ibu tak cakap awal-awal? Bukankah ini satu berita gembira? Kita patut adakan kenduri kesyukuran sebab anak kandung ibu masih hidup!”

Siti Sakinah hanya diam. Kata-kata Hafiz ada benarnya. Tetapi dia belum bersedia ke arah itu. Hendak memberitahu perkara sebenar kepada Haziqah pun, dia tidak berani. Bukankah itu satu perkara yang pelik?

“Ziqa dah tahu?”

Siti Sakinah menggeleng. “Ibu tak bersedia nak beritahu Ziqa, Fiz!”

Hafiz membatu.